


Jilid II
Bil.3



Hari Khamis
30hb April, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 465]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 588]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota
Setar) [Ruangan 589]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., DU.NM., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pcnangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tcnaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Pcrusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pcnidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pcrtahanan, DATO' SERI HAJI MOIID. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Pcnerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikci).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAPAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N. S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Balas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahal).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSU BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOUAMED, D.I.M.P. (Jeraniut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Pencerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN HIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.H.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDULGHANIBIM OTHMAN, S.M.J (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titawangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CNOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAK, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAL, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Setandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Bcrhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.p.m.p., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUOLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasck Gclugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kola Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRUDDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK. DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukii Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI GIEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASIIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kola Belud).
- „ DK T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ASDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.j. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimams).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKISAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHAME BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- „ **TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).**
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan.

Penolong Seiiusaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Seliausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARAMESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30hb Disember, 1992

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**DEPOSIT IMBANGAN
PEMBAYARAN NEGARA—
LANGKAH MENGATASI**

1. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab imbalan asas negara bertukar kepada negatif buat pertama kalinya tahun lalu;
- (b) sama ada kcadaan ini dijangka berlarutan di tahun-tahun akan datang;
- (c) prospek akaun semasa imbalan pembangunan negara untuk lima (5) lahun akan datang; dan
- (d) usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi defisit akaun perkhidmatan.

2. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah "Trade Deficit" untuk negara kita pada tahun 1991 dan adakah defisit ini yang terbesar sekali sejak tahun 1982 dan jika ya apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izm untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang ke-22 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun akaun modal jangka panjang imbalan pembayaran menunjukkan lebihan yang besar iaitu \$11.7 ribu juta pada tahun 1991, ianya adalah tidak mencukupi untuk mengatasi defisit besar yang dialami dalam akaun semasa sebanyak \$12 ribu juta. Ini telah menyebabkan imbalan asas negara mencatatkan defisit buat kali pertamanya sebanyak \$335 juta. Walaupun demikian, setelah mengambilkira akaun masuk bersih modal swasta jangka masa pendek sebanyak \$2.3 ribu juta dan anggaran jumlah kesilapan dan ketinggalan sebanyak \$1.5 ribu juta, maka imbalan keseluruhannya mencatatkan lebihan sebanyak \$3.4 ribu juta.

Defisit dalam imbalan asas negara disebabkan oleh:

- (i) Prestasi akaun dagangan yang kurang menggalakkan. Walaupun pada tahun 1991 eksport barangan telah meningkat sebanyak 18.9% tetapi pertambahan import adalah lebih ketara iaitu 27.8%. Ini menyebabkan akaun dagangan mengalami defisit sebanyak \$0.7 ribu juta. Pertambahan import ini tidak

membimbangkan kerana sebahagian besar daripadanya iaitu 86% merupakan import barangan pelaburan dan barang-barang perantara.

- (ii) Akaun perkhidmatan yang terus mengalami defisit yang besar iaitu \$11.6 ribu juta dan sejak tahun 1980 Kerajaan memang sedar wujudnya kelemahan dalam sektor perkhidmatan yang boleh didagangkan dan tindakan sedang diambil untuk mengurangkan defisit ini.
- (iii) Aliran masuk modal tetap berada pada paras yang tinggi tetapi tidak mencukupi untuk mengimbangi defisit akaun semasa dan menyebabkan berlaku defisit dalam imbalan asas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahagian (b), (c) dan (d) iaitu berhubung dengan prospek akaun semasa imbalan pembayaran negara untuk lima tahun yang akan datang, ianya sukar untuk diramal dengan tepat. Namun demikian, ianya dijangka akan bertambah baik berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) pelaburan-pelaburan yang mempunyai kandungan import yang besar biasanya akan matang dalam masa satu hingga dua tahun yang akan datang ini. Oleh itu, bayaran ke atas jentara dan barangan perantara yang tinggi ini merupakan suatu keadaan sementara sahaja. Apabila barangan import ini digunakan dalam proses pengeluaran untuk dijadikan barangan eksport, maka kapasiti eksport akan bertambah;
- (ii) penekanan yang lebih dibcri kepada galakan menggunakan input-input tempatan;
- (iii) memajukan industri pengeluaran komponen tempatan melalui

penyelidikan dan pembangunan seperti contoh Sharp dan Matsushita telah mendahului usaha-usaha ini; dan

- (iv) tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki kelemahan dalam akaun perkhidmatan:
 - (a) pada tahun 1991 aliran keluar negeri iaitu pendapatan pelaburan adalah tinggi sebanyak \$9.1 ribu juta, manakala aliran masuk pendapatan daripada luar negara adalah sebanyak \$3.8 ribu juta. Langkah untuk mengurangkan aliran keluar pendapatan pelaburan yang besar ini telah diambil melalui galakan pelaburan semula dan juga untuk menggalakkan rakyat Malaysia membuat pelaburan di luar negeri;
 - (b) pertambahan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negeri telah berkurangan hasil daripada dasar Kerajaan menggalakkan kemudahan pendidikan dalam negeri seperti program universiti berkembar. Antara tahun 1985-1990 bilangan pelajar keluar negeri telah menurun pada kadar purata 1.4%, manakala bilangan pelajar-pelajar di kolej swasta tempatan telah meningkat 7.7%;
 - (c) usaha untuk menggalakkan dan memajukan industri pelancongan sebagai sumber pertumbuhan asing yang utama telah mula diambil pada tahun 1986 dan usaha

yang diambil oleh Kerajaan telah membawa kesan yang positif; dan

- (d) pada tahun 1991 pembayaran tambang dan insurans keluar negeri adalah begitu linggi iaitu sebanyak \$6.4 ribu juta, manakala jumlah tehmaan sebanyak \$1.8 ribu juta, mengakibatkan defisit \$4.6 ribu juga. Dalam hal ini, Kerajaan sedang memberi tumpuan untuk memperbaiki keadaan dimana Jawatankuasa Kabinet mengenai perkhidmatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah ditubuhkan untuk mengendalikan masalah ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bcrapa lamakah diperlukan untuk memulihkan keadaan defisit ini dan adakah ini kena mengena dengan perubahan struktur ataupun kelcmahan struktur yang terdapat sekarang dan bukannya ini oleh kerana penggunaan ataupun consumption telah meningkat yang menyebabkan defisit ini? Walaupun usaha-usaha telah dibuat untuk memperbaiki defisit akaun perkhidmatan tetapi nampaknya sctakat ini dari segi insurans, freight dan sebagainya tidak bcgitu berkesan.

Apakah ada Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengatasi masalah seperti ini dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilakah eksport negara ini akan mengalasi import yang bcgitu banyak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan terlebih dahulu bahawa masalah yang wujud dalam tahun 1991

bukan disebabkan kenaikan import untuk penggunaan. Sebab yang besar seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, dalam usaha untuk mengubah struktur ekonomi Malaysia supaya ianya menjadi lebih kukuh lagi, maka kebelakangan ini, usaha untuk meluaskan lagi struktur pembuatan negara kita dan matlamat itu telah kita capai kerana sektor itu telah berkembang bukan sahaja dari segi saiznya tetapi dari segi penggunaan tenaga manusia dan juga peratusan dalam bentuk ekonomi daripada sumber pembuatan.

Walaupun begilu, proses perindustrian membawa kesan serba sedikit kebocoran terhadap imbalan pembayaran Malaysia kerana daripada pelaburan untuk perindustrian daripada sumber modal asing membawa kepada import-import berjenis barangan pelaburan dan juga barangan perantaraan yang digunakan untuk pelaburan-pelaburan tersebut, Maka ekonomi yang bertambah diimbangi pula dengan jumlah yang linggi oleh import yang tinggi juga.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak melihat sejauh mana dari segi tenaga untuk mengatasi masalah ini, dalam jawapan saya tadi, bahawa perlu satu proses pematangan pelaburan melalui proses perindustrian dan proses pematangan ini akhirnya akan, apa yang disebut "indusierial dcepening" dalam struktur ekonomi Malaysia.

Kita cuba mendalamkan lagi sektor perindustrian dalam negara kita sebegitu rupa supaya akan wujud satu hubungkait dengan sektor domestik di mana akan menggunakan sumber-sumber bahan tempatan yang mengelakkan kita daripada mengimport barang-barang perantaraan daripada luar negeri.

Selain daripada mendalami sektor perindustrian melalui linkages dengan sektor domestik tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu meluaskan lagi

sektor yang berasaskan kepada sumber-sumber tempatan dan kalau sekiranya ini berlaku, maka kita akan mempunyai satu asas atau satu struktur ekonomi yang lebih kukuh. Sambil itu pula, akan memperkukuhkan imbangan pembayaran Malaysia dalam jangkamasa yang panjang.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengalu-alukan usaha Kerajaan mengurangkan defisit akaun negara ini di masa-masa akan datang khususnya bagi defisit akaun perkhidmatan. Kita telah dimaklumkan tadi bahawa ini termasuk pendapatan pelaburan yang dipindahkan ke luar negara. Soalan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan dikurangkan pemindahan pendapatan ini ke luar negara ataupun dikurangkan repatriation of profit ini ke luar negara?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia daripada dahulu sampai sekarang merupakan satu ekonomi yang terbuka; di antara sebab mengapa kita dalam keadaan yang menuju ke arah kemakmuran dari segi ekonomi.

- Keduanya, dalam ekonomi dunia sekarang sudah merupakan satu amalan di mana modal bercedar daripada satu negara ke satu negara dan daripada satu wilayah ke satu wilayah. Ini merupakan lumrah di dalam ekonomi dunia pada hari ini. Oleh yang demikian, kalau sekiranya pelaburan asing akan terus masuk ke Malaysia, maka pendapatan daripada pelaburan mereka akan juga keluar apabila pelaburan mereka matang.

Untuk mengurangkan aliran keluar ini, di antara langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan ialah untuk memberi galakan-galakan supaya sebahagian daripada keuntungan mereka itu dapat dikekalkan melalui proses pelaburan semula, maka telahpun dibuat insentif-insentif ke arah demikian. Sambil itu pula, kebelakangan ini Kerajaan juga menggalakkan rakyat

Malaysia yang mampu untuk melabur di luar negara seperti orang-orang lain supaya akhirnya pelaburan mereka itu akan membawa penerimaan-penerimaan ataupun resit daripada pelaburan luar negara masuk pula ke negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan mengenakan apa-apa bentuk sekatan sekadarkan kita mengenakan insentif-insentif untuk galakan ke arah kemakmuran ekonomi Malaysia berdasarkan kepada amalan dan keadaan yang berlaku di peringkat dunia.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Abdul Iladi bin Haji Awang tidak hadir)

**KEMALANGAN JALAN RAYA—
STATISTIK**

3. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) nisbah kemalangan jalan raya di negara ini dibandingkan dengan statistik bagi 10 negara lain yang terbanyak mengalami kemalangan jalan raya di dunia;
- (b) sama ada beliau bersetuju dengan hasil kajian akademik yang tersiar baru-baru ini bahawa sebab berlaku kemalangan yang signifikan ialah rekabentuk dan keadaan jalan raya; dan
- (c) jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan masing-masing jumlah lori, jumlah van, jumlah motokar dan jumlah motosikal.

bagi tahun 1991 dan angka bandingan bagi tiga tahun sebelumnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perangkaan berhubung dengan 10 negara yang terbanyak mengalami kemalangan jalan raya di dunia tidak dapat

diperolehi. Walau bagaimanapun, berdasarkan World Road Statistics 1984, Malaysia didapati menduduki tangga ke 25 jika dibandingkan dengan 48 negara yang disenaraikan iaitu dan segi kematian bagi setiap 10,000 kenderaan di negara-negara berkenaan.

- (b) Kementerian Pengangkutan bersetuju dengan pandangan bahawa sekiranya sesuatu lokasi telah dikenalpasti sebagai kawasan kemalangan atau dengan izin, blackspot, maka ada kemungkinan bahawa faktor tersebut memainkan peranan dalam berlakunya kemalangan jalan raya di tempat berkenaan.
- (c) Jumlah kemalangan yang melibatkan berbagai jenis kenderaan berkenaan untuk tahun 1988 hingga 1991 adalah seperti berikut:

Kategori Kenderaan	1988	1989	1990	1991
Londan Yan	14,085	12,729	17,545	20,733
Motokar	64,020	62,367	79,184	86,255
Motosikal	22,009	22,649	27,484	29,237

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kebenaran yang mengatakan bahawa sebahagian besar daripada kemalangan jalanraya itu disebabkan oleh pemandu dan ini ada hubung kaitnya dengan ujian yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang memberi lesen yang begitu mudah kepada pemandu-pemandu yang memandu di atas jalanraya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memperkemas ujian memandu bagi mengeluarkan lesen-lesen memandu?

Yang kedua, hasil daripada kemalangan jalanraya ialah berlakunya kematian yang mengakibatkan pampasan

ganti rugi dan sebagainya. Sejak akhir-akhir ini kita mendengar ramai orang mengatakan bahawa syarikat-syarikat insurans khususnya agen-agen insurans mengeluarkan cover note palsu untuk memberi perlindungan palsu kepada kenderaan-kenderaan bermotor di negara ini. Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh peringkat Kementerian Yang Berhormat Menteri khususnya JPJ untuk menyekat perkara ini daripada berlaku?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa kemalangan meningkat dari setahun ke setahun maka Kerajaan alau Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun menguatkuasakan kurikulum baru sekolah memandu iaitu datatn kurikulum baru sekolah memandu, tiap-tiap calon pemandu dimestikan menghadiri ceramah 5 jam sekurang-kurangnya untuk dilatih dari segi pemanduan berhemat supaya pemandu tersebut menjadi pemandu yang bertanggungjawab, berhemat, berhati-hati dan berdisiplin di jalanraya.

Dalam pemanduan berhemat ini juga calon-calon pemandu diajar serba sedikit mengenai teknik enjin supaya apabila kenderaannya rosak dia tahu bahagian mana yang rosak dan untuk mendapatkan pertolongan dia tahu menyatakan bahagian mana yang patut dibaiki dalam masa kecemasan. Saya tidak setuju mengatakan bahawa ujian lesen memandu itu begitu mudah didapati kerana saya mendapat banyak rungutan-rungutan daripada orang-ramai dan juga sekolah-sekolah memandu yang mengatakan bahawa kadar kelulusan di kebanyakan negeri begitu rendah sekali dan saya rasa tuduhan Yang Berhormat itu tidak tepat.

Mengenai syarikat-syarikat insurans sebenarnya bilangan yang dikatakan palsu itu tidaklah begitu banyak kerana bilangan yang dilaporkan tidak begitu banyak dan syarikat-syarikat insurans ini kalau adapun yang memalsukan, tiap-

tiap orang yang mengambil insurans itu bertanggungjawab bagi menentukan bahawa dia tidak hanya memegang cover note sepanjang satu tahun tetapi selepas mendapat cover note dan mendapat lesen kenderaan motornya ataupun road-taxnya, dia palut meminta polisi insurans yang sebenarnya. Jadi olch kerana mereka ini lalui dari segi ini, maka kejadian ini boleh berlaku dan syarikat-syarikat berkenaan boleh mengambil kesempatan dalam situasi seperti ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah peraturan-peraturan baru ini telah dikuatkuasakan, sejauhmanakah kemalangan yang melibatkan kereta van ataupun kenderaan berat dapat dikurangkan? Adakah Menteri Pengangkutan tahu bahawa van ataupun kenderaan berat mempunyai kemampuan dan pengalaman selaras dengan para pembawa van apabila hendak melancarkan satu exercise untuk mendidik pembawa van mengenai cara-cara memandu dengan lebih selamat. Adakah Menteriannya menolak dengan cadangan ophthalmologis Society of Malaysia (OSM) bahawa mata semua pemandu kenderaan kena diuji berulang kali untuk menentukan sama ada mereka 'fit' atau sesuai memandu kenderaan atau tidak. Umpamanya, Menteri Pengangkutan sendiri yang dahulu nampaknya pakai cermin mata tidak pakai cermin mata sekarang, adakah ianya sesuai untuk membawa kenderaan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa penguatkuasaan sekatan-sekatan ke atas van-van yang dimulakan pada 1hb April 1992 telah menampakkan sedikit kesan. Di bawah peraturan sekarang ini, had laju van ialah 90 km di lebuh raya dan 80 km di jalan biasa dan van-van ini tidak boleh membawa penumpang yang berlebihan iaitu hanya seorang penumpang sahaja dibenarkan duduk di depan di sebelah

pemandu. Hasil daripada penguatkuasaan ini, dalam kempen keselamatan Jaijan Raya pada musim perayaan Hari Raya baru-baru ini, kita dapati bilangan van yang terlibat dalam kemalangan tahun 1992 bila dibandingkan dengan tahun 1991 ada berkurangan 6.7%; iaitu pada tahun 1991 sebanyak 579 van terlibat dalam kemalangan semasa musim Hari Raya pada hal dalam tahun 1992 hanya 540 van sahaja yang terlibat. Ini bererti kekurangan 6.7%. Jadi Kementerian saya berpendapat bahawa ini ialah petanda baik yang menunjukkan bahawa dengan sekalan-sekalan tersebut kemalangan melibatkan van ini telah dapat dikurangkan.

Mengenai ujian mata, kiau Yang Berhormat rasa matanya tidak berapa baik itu, saya rasa Yang Berhormat sendiri bolehlah pergi secara voluntary kerana kalau kita hendak suruh sampai 5-6 juta pemandu ini pergi uji mata selalu pun, saya rasa ianya akan menyusahkan. Mengenai Menteri, saya rasa Yang Berhormat tentu percaya akan kemampuan sains dan teknologi untuk membaiki mata dan anggota-anggota lain dan jangan dianggap bahawa kalau seorang itu tidak pakai cermin mata maka dia tidak nampak. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak kajian-kajian adalah dijalankan untuk menyelidik, menilai dan mencari cara mana usaha-usaha boleh dijalankan supaya kejadian kemalangan di jalanraya itu dapat dikurangkan. Dari satu kajian Jawatankuasa Penyelidikan Penilaian dan Pembangunan Majlis Keselamatan Jalanraya, dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia di dua daerah iaitu di Seremban dan Shah Alam, ada lujah penemuan yang telah didapati daripada kajian perintis tersebut. Tuan Yang di Pertua, bolehkah saya, baca tujuh ini kerana ini panjang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cuba singkatkan, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kalau hendak singkatkan, susahlah kerana kalau tidak lengkap maklumatnya, nanti Yang Berhormat itu tidak puashati pula dan akan membuat soalan Plain, atau bolehkah saya bagi secara bertulis?

Tuan Lau Dak Kee: Boleh jawab secara bertulislah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya bagi secara bertulis, ya?

Tuan Lau Dak Kee: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Terima kasih.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam banyak kajian yang telah dibuat oleh Kementerian dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan, adakah satu kajian dibuat dari segi peraturan ataupun jumlah kemalangan kepada pemandu yang baru lulus memcrima lesennya, umpamanya pemcngang lesen selama setahun, dua tahun ataupun tiga tahun. Adakah pihak Kementerian bercadang sebagaimana setengah-setengah negara sekarang ini buat untuk mengeluarkan lesen sementara ataupun provisional licence yang mana pemegang lesen tersebut akan membawa tanda "P" di keretaya, iaitu bermula dengan "L" dan kemudian setelah ambil dan lulus ujian, pakai "P", selama setahun, dua tahun ataupun tiga tahun dan jika berlaku kemalangan dalatn tempoh ini maka lesennya dilarik balik dan pemandu tersebut hendaklah mengambil ujian memandu semula. Lesen seperti ini ada dikeluarkan di Australia sebagai contohnya. Adakah kita bercadang melaksanakan sistem yang seperti ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kajian atas jumlah kemalangan pada pemandu, kita tidak ada angka yang mengatakan yang baru memandu setahun berapa banyak, yang pemandu dua tahun berapa banyak, yang pemandu tiga tahun berapa banyak. Tetapi daripada kajian yang telah dibuat yang saya sebutkan tadi itu, kita dapati bahawa dari segi golongan yang memandu motosikal yang paling kritikal ialah yang berumur antara 21 hingga 25 tahun yang paling ramai terlibat dengan kemalangan jalan raya. Dari segi pejalan kaki, golongan kanak-kanak yang berumur di antara 6 hingga 10 tahun yang paling ramai terlibat dalam kemalangan jalanraya. Itulah angka-angka yang dapat saya berikan.

Mengenai cadangan melaksanakan alau menguatuatkan lesen sementara ini, memang Majlis Keselamatan Jalanraya telah menghantar pegawai-pegawai untuk membuat kajian di Australia dan sekarang ini sedang dalam proses pengkajian.

PINJAMAN PERUMAHAN DARI BANK SIMPANAN NASIONAL

4. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan dasar Bank Simpanan Nasional pada masa ini ialah hanya memcberi pinjaman untuk membeli rumah kepada mereka yang membeli rumah berharga \$100,000 ke atas, adakah beliau sedar mereka yang membeli rumah bawah harga \$100,000 berasa kecewa terutama mereka yang membeli rumah pangsa harga murah berharga \$25,000 (harga minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan) kerana tidak mendapat pinjaman daripada BSN yang sepatutnya membantu mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bank Simpanan Nasional tidak mempunyai dasar untuk memberi pinjaman perumahan hanya

kepada pembeli-pembeli rumah yang berharga lebih daripada \$100,000. Bank Simpanan Nasional juga memberi pinjaman bagi pembelian rumah-rumah di bawah 5100,000 termasuk rumah-rumah kos rendah yang berharga \$25,000.

Sehingga 31hb Mac 1992, sejumlah 6,847 pinjaman ataupun 71.5% daripada jumlah pinjaman perumahan telah dikeluarkan kepada pelanggan-pelanggannya untuk membeli rumah berharga kurang daripada \$100,000 manakala hanya 2,730 pinjaman ataupun 28.5% yang dikeluarkan kepada peminjam-peminjam untuk membeli rumah berharga lebih daripada 5100,000.

Secara terperinci sejumlah 1,230 pinjaman pada nilai \$27.66 juta telah dikeluarkan bagi pembelian rumah berharga \$25,000 dan kurang, manakala 5,617 pinjaman pada nilai \$265.4 juta telah dikeluarkan bagi pembelian rumah berharga di antara 525,000 hingga \$100,000. Bagi pembelian rumah berharga melebihi 5100,000 sebanyak 2,730 pinjaman pada nilai \$301 juta telah dikeluarkan. Ini jelas menunjukkan bahawa Bank Simpanan Nasional mengutamakan pinjaman kepada peminjam-peminjam kecil.

KILANG BUKAN BUMIPUTERA KEPADA BUMIPUTERA— PINDAHMILIK

5. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pertanian memberitahu bilangan pindah milik oleh pengusaha kilang padi bukan bumiputera kepada bumiputera dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini di negeri Kedah. Sejak pengaduan kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kilang padi bukan bumiputera di negeri Kedah, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

4-5-92

51. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebabnya kilang-kilang padi bukan bumiputera telah banyak menjual kilang mereka kepada bumiputera dan langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan supaya semua pengilang padi dapat menjalankan perniagaan mereka tanpa apa-apa kesulitan, gangguan dan diskriminasi oleh mana-mana pihak.

13-5-92

14. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang beras kepunyaan bukan bumiputera di negeri Kedah atas kekurangan bekalan padi akibat dasar Lembaga Padi Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Ipoh pada 4hb Mei dan soalan Yang Berhormat dari Padang Serai pada 13hb Mei 1992 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Dalam tempoh 5 tahun yang lalu sebanyak 11 buah kilang bukan bumiputera yang dijual kepada bumiputera di negeri Kedah. Sehingga kini terdapat 75 buah kilang bukan bumiputera dengan kemampuan pengendalian sebanyak 450,000 tan metrik setahun, manakala kilang padi bumiputera berjumlah 90 buah dengan kemampuan pengendalian sebanyak 270,000 tan metrik setahun. Walaupun bilangan kilang bumiputera melebihi kilang bukan bumiputera, tetapi kemampuan pengendalian mereka masih kecil.

Urusan jual beli kilang bukan bumiputera kepada bumiputera merupakan urusan perniagaan samamata, di mana kedua-dua pihak penjual dan pembeli memperoleh faedah daripada urusan tersebut.

Umuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pertanian telahpun menulis kepada semua 16 pengilang bukan bumiputera bagi mendapatkan sebab-sebab mereka telah menjual kilang kepada pengusaha bumiputera. Hanya 7 pengilang telah mengemukakan maklumbalas. Antara sebab-sebab yang dikemukakan ialah seperti berikut:

- (i) Urusan belian padi memerlukan modal pusingan yang tinggi dan kilang tidak mampu mengadakan modal tersebut. Dengan yang demikian mereka beralih untuk melabur di bidang lain, terulama dalam bidang hartanah.
- (ii) Peningkatan kadar faedah bank.
- (iii) Persaingan hebat di antara Kilang-kilang untuk mendapatkan bekalan padi. Kilang-kilang tidak sanggup menanggung risiko perniagaan.
- (iv) Pelanggan yang berhutang telah lari dan tidak membayar hutang. Ini memburukkan kedudukan kewangan kilang.
- (v) Usia pemilik kilang telah meningkat dan anak-anak tidak mahu meneruskan perniagaan.
- (vi) Kekurangan bekalan padi. Masalah kesulitan mendapatkan bekalan padi di Kedah pada tahun 1991 adalah disebabkan oleh kekurangan di dalam pengeluaran padi akibat masalah bekalan air yang tidak mencukupi bagi musim kedua. Pengeluaran telah berkurangan sebanyak 63,394 tan metrik daripada 816,612 tan metrik dalam tahun 1990 kepada 753,218 tan metrik

dalam tahun 1991. Masalah bekalan padi ini boleh diatasi apabila pengeluaran padi pulih seperti biasa.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Bukankah sebelum pilihanraya kecil Jerai Yang Berhormat Menteri Pertanian di bawah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa satu jawatankuasa sedang ditubuhkan untuk menyelesaikan kesulitan pengilang padi bukan bumiputera.

Saya ingin bertanya berapa kalikah mesyuarat telah diadakan sehingga hari ini? Dan kalau tidak ada sekalipun, mengapa?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa tersebut telahpun ditubuhkan pada bulan Disember. Bagi mendapatkan maklumat yang jelas, pihak Yang Berhormat Menteri telah menulis terus kepada pengilang bukan bumiputera yang berkenaan. Sepertimana yang saya nyatakan tadi, daripada 16 pengilang yang dihantarkan surat bagi mendapatkan maklum balas, setakat ini baru 7 sahaja yang menjawab. Pihak Kementerian Pertanian sedang mengumpulkan maklumat-maklumat.

Tuan Chian Heng Kai: Saya hendak tahu berapa kali mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar dahulu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan yang dibangkitkan itu berapa kali mesyuarat diadakan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Maknanya sebelum kita hendak bermesyuarat, kita hendak kumpulkan maklumat. Bila kita bermesyuarat kita tahu apa masalahnya. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sekarang ini kita sedang dalam peringkat untuk mendapatkan maklumat. Kalau maklumat yang kita pohon, pihak pengilang yang berkenaan tidak mahu memberi kerjasama, susahlah.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Oleh kerana penanam-penanam padi sebenarnya merupakan majoritinya orang Melayu, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk memindahkan hakmilik perseorangan kilang-kilang padi ini kepada badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan yang mewakili peladang-peladang atau petani-petani sepertimana Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak ada cadangan ini oleh kerana ini adalah kepunyaan persendirian. Jadi soal jual-beli ini Kementerian tidak campur.

RADIO TEKSI—PENGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN

6. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah sesuatu syarat berhubung dengan Bahasa Kebangsaan diberi kepada pengusaha radio teksi di Kuala Lumpur supaya menaiki teksi di Kuala Lumpur tidak leras seperti menaiki teksi di Hongkong atau di Taiwan; dan
- (b) adakah Menteri, Timbalan Menteri atau pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Awam biasa menaiki teksi di Kuala Lumpur untuk mengetahui keadaan yang sebenar supaya rungutan daripada pemandu-pemandu teksi atau masalah penumpang dapat diatasi.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan lesen teksi adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Perusahaan Awam manakala kelulusan lesen untuk mengadakan perkhidmatan radio atau Lease Channel Radio Licence, dengan izin, oleh mana-mana pengguna termasuk pengusaha-pengusaha teksi adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Oleh yang demikian syarat-syarat yang perlu dikenakan haruslah oleh Kementerian yang berkenaan. Lesen kepada pengusaha-pengusaha teksi untuk menggunakan radio frequency tertentu bagi menjalankan aktiviti-aktiviti mereka yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak mempunyai syarat berhubung dengan penggunaan bahasa.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Awam akan mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan supaya dapat mengkaji perkhidmatan radio yang digunakan oleh kenderaan awam khususnya teksi supaya menggunakan bahasa Malaysia pada masa akan datang.

- (b) Kementerian sentiasa mengambil perhatian atas rungutan daripada pemandu-pemandu teksi serta masalah-masalah yang dihadapi oleh penumpang melalui berbagai saluran seperti melalui pegawai-pegawai yang biasa naik teksi, aduan orang ramai dan media massa.

Rungutan dan aduan yang berkenaan sentiasa diambil perhatian melalui syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di dalam lesen-lesen kenderaan awam yang dikeluarkan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, adakah Kememorian bercadang hendak phase out teksi-teksi yang lama dan usang yang digunakan oleh pemandu-pemandu teksi di Kuala Lumpur yang mungkin menunjukkan gambaran yang tidak baik terulama sekali kepada pendatang-pendatang dari luar negeri?

Yang kedua, apakah tindakan yang telah diambil ataupun sedang dirancang untuk diambil oleh pihak Kememorian untuk mengelakkan pemandu-pemandu teksi enggan mengambil passengers atau penumpang-penumpang yang hendak pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain berdekatan dengan tempat yang dia ambil teksi itu, kerana kalau kita pandang di hotel-hotel mewah dan besar di Kuala Lumpur ini kebanyakan teksi ini kalau daripada hotel ke Airport dia hendak ambil tetapi kalau ke tempat yang dekat dia tidak mahu ambil.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian buat masa ini belum ada cara atau rancangan untuk phase out kerana ini termasuk dalam tugas atau tanggungjawab bersama penguatkuasaan yang dijalankan dengan pihak-pihak yang berkaitan yang lain seperti JPJ dan pihak Polis bagi mengatasi atau mengikuti masalah-masalah senggaraan kenderaan yang digunakan untuk tujuan perkhidmatan awam yang memberi imej atau gambaran perkhidmatan yang buruk.

Jadi, oleh yang demikian ini terpulung kepada pihak yang berkenaan untuk menjalankan penguatkuasaan untuk membolehkan kita memberi ingatan atau amaran atau mcnggantug lesen-lesen yang berkenaan yang dipunyai oleh pemandu yang berkenaan.

Berkenaan dengan tindakan yang perlu atau harus diambil bagi pemandu-pemandu teksi yang dikatakan tidak mengambil penumpang-penumpang, beberapa cadangan atau cara-cara yang

telah dikenakan oleh Kementerian seperti tag nama (name tag) yang diminta digunakan oleh pemandu-pemandu teksi bagi membolehkan laporan-laporan dibuat oleh pengguna kalau dia dapat kesan pemandu-pemandu yang melakukan sedemikian untuk membolehkan tindakan atau ingatan atau amaran atau show cause diberikan kepada yang berkenaan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri berapa banyakkah pengaduan telah diterima oleh Kementeriannya berkenaan dengan penumpang-penumpang yang mengadukan atau terasa seperti menaiki teksi di Hong Kong atau di Taiwan termasuk Yang Berhormat daripada kawasan Kota Setar yang tidak senang hati ataupun berasa kecewa apabila mendengar percakapan bukan Bahasa Malaysia?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya minta ulang lagi sekali soalan. Saya tidak faham soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila ulang.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah Timbalan Menteri tahu atau tidak ataupun dapat sebarang pengaduan terhadap penumpang-penumpang ataupun termasuklah Yang Berhormat dari Kota Setar yang mengadu ataupun terasa seperti menaikki teksi-teksi di Hong Kong atau di Taiwan apabila penumpang-penumpang seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar apabila mendengar bahasa yang bukan Bahasa Malaysia merasa tidak senang hati atau kecewa?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya Yang Berhormat dari Kota Setar sahaja tetapi banyak penumpang-penumpang yang telah pun memberi aduan-aduan begini dan perancangan jangka panjang Kementerian dengan

kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memanglah diusahakan untuk memberi penekanan kepada pemandu-pemandu berhubung dalam Bahasa Kebangsaan dalam urusan harian. Kita yakin bahawa sekarang pun pihak terutamanya mengendalikannya semua urusan syarat yang diperlukan oleh pemandu-pemandu itu dalam Bahasa Kebangsaan terutamanya untuk memastikan supaya mereka-mereka ini berbahasa kebangsaan. Tetapi adalah di luar bidang kuasa mana-mana pihak sekalipun, kalau tidak ada perasaan kenegaraan atau national identiti dengan menggunakan bahasa oleh semua pihak termasuk yang terlibat dalam perkhidmatan kenderaan awam, sebab itulah saya menekankan bahawa Kementerian Perusahaan Awam akan berusaha dengan pihak-pihak yang terlibat untuk memberi penekanan tinggi terhadap tanggungjawab berbahasa dalam Bahasa Kebangsaan dan akur kepada syarat-syarat lesen yang bakal disyorkan dalam pemberian permit di masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya hendak membetulkan satu perkataan di barisan ketiga "dasar menetapkan kesetarafan" dan bukan "kesedaran" atau parity. Soalan No.7.

SISTEM SARAAN BARU ANGGOTA POLIS DAN TENTERA

7. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kabinet telah mempertimbangkan untuk membuat satu keputusan dasar menetapkan kesetarafan untuk semua gred polis berbanding dengan rakan-rakan sejawatan mereka dalam angkatan tentera dan perkhidmatan awam, umpamanya, memastikan bahawa seorang Pesuruhjaya Polis memperoleh

elaun keraian dan elaun perumahan yang setara dengan seorang Leftenan-General dan Tingkatan Tertinggi B di bawah Sistem Saraan Baru atau seorang Timbalan Pesuruhjaya Polis menerima elaun keraian dan perumahan yang setara dengan rakan-rakan sejawatannya di dalam angkatan tentera dan perkhidmatan awam, iaitu Major General dan Tingkatan Tertinggi C.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Dewan ini bagi menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 29-4-92, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pertimbangan secara berasingan berkaitan Sistem Saraan Baru anggota polis atau tentera. Dalam kajian menyeluruh yang telah dilaksanakan pada tahun 1991, kedudukan relativiti di antara ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis telahpun ditetapkan berdasarkan kepada kedudukan relativiti yang dibuat oleh Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet (JKK) 1976. Oleh yang demikian, semua pertimbangan berkaitan dengan gaji, elaun dan kemudahan semasa kajian menyeluruh itu adalah dibuat berdasarkan kepada kedudukan relativiti tersebut. Dengan itu pelaksanaan Sistem Saraan Baru telahpun mengambil kira keseluruhan perkara-perkara relativiti yang telah ditentukan dan soal membuat kajian semula terhadap ketetapan elaun dan kemudahan di antara ketiga-tiga perkhidmatan tersebut tidak berbangkit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah ini bererti bahawa pihak Kerajaan telah menolak tuntutan pihak Polis yang terdiri dari 100,000 kakitangan dalam pasukan polis untuk parity kesetarafan dengan angkatan tentera dan perkhidmatan awam untuk semua gred bahawa keputusan itu adalah satu keputusan yang muktamad?

Yang kedua, adakah benar bahawa pasukan polis selepas pengumuman SSB telah buat satu perakuan yang baru supaya SSB diulangaji di mana prinsip parity ini diterima dan bahawa ada kenyataan dibuat bahawa perkara ini masih dalam pertimbangan. Adakah jawapan kepada soalan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bererti bahawa perakuan atau recommendation pihak polis telah ditolak baru-baru ini?

Tuan Olhman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, merangkumi kedua-dua pertanyaan itu sukalah saya menjelaskan bahawa Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengambil kira seluruh pandangan-pandangan yang diberikan terhadap Jawatankuasa ini. Inilah keputusan yang telah dibuat setelah kita menimbangkan sebaik-baik mungkin bagi memperbaiki kedudukan ataupun pembayaran gaji dan elaun maka itulah keputusan yang telahpun dikeluarkan melalui Sistem Saraan Baru (SSB) ini. Saya menjetaskan bahawa pertimbangan yang wajar telah diberikan kepada Jawatankuasa ini untuk menimbangkan tentang pemberian gaji dan lain-lain ganjaran.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak menjawab soalan saya. Soalan saya ialah sama ada selepas SSB diumumkan satu tuntutan baru dikemukakan oleh pihak atasan Polis dan kedua adakah tuntutan ini ditolak? Itulah soalan saya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, telinga ada tetapi tidak dengar. Saya sudah sebutkan tadi ketiga-tiga perkhidmatan tersebut tidak berbangkit lagi. Bermakna kata tidak dipertimbangkan buat masa ini. Tidak berbangkit bermakna tidak dipertimbangkan—bererti selepas SSB diumumkan. Dengar baik-baik dulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Abdul Malek Munip.

(Soalan No.8 Y.B. Tuan Abdul Malek Munip tidak hadir)

KAD KREDIT—PENIPUAN

9. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah syarikat-syarikat dan bank-bank yang telah berurusanniaga dan memberi perkhidmatan kad kredit;
- (b) apakah jenis-jenis bentuk penipuan kad kredit yang telah dikenalpasti;
- (c) sejauhmanakah penggunaan kad kredit telah menyebabkan kenaikan kadar inflasi di negara ini; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan garis panduan satu syarat bagi mengetatkan pengawalan pengeluaran kad kredit.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini sebanyak 9 buah bank perdagangan, 2 buah syarikat kewangan, Bank Simpanan Nasional dan sebuah syarikat Sendirian Berhad adalah terlibat dalam urusan pengeluaran kad-kad kredit di negara ini. Di samping itu terdapat juga dua syarikat Sendirian Berhad lain yang menguruskan pengeluaran kad-kad caj.
- (b) Antara jenis-jenis penipuan kad kredit yang telah dikenalpasti adalah sebagaimana berikut:
 - (i) pemalsuan kad;
 - (ii) pemalsuan tandatangan pemegang kad yang sah;
 - (iii) penipuan yang dilakukan oleh pedagang-pedagang;

- (iv) pemalsuan maklumat-maklumat semasa permohonan untuk mendapatkan kad; dan
 - (v) penggunaan kad-kad yang dicuri ataupun yang hilang.
- (c) Sehingga kini, kesan penggunaan kad kredit ke atas kenaikan kadar inflasi negara masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh. Walau bagaimanapun, adalah tidak dapat dinafikan bahawa melalui perbelanjaan yang berlebihan termasuk penggunaan kad kredit tanpa kawalan boleh menyebabkan kenaikan kadar inflasi.
- (d) Bagi mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit, Kerajaan pada 24.12.91 telah mengeluarkan satu garis panduan baru yang berkuatkuasa serta-merta. Garis panduan baru itu adalah meliputi perkara-perkara berikut:
- (i) umur minimum pemohon kad yang baru hendaklah 21 tahun;
 - (ii) pendapatan tahunan minuman pemohon kad yang baru hendaklah \$24,000 setahun; dan
 - (iii) bayaran minimum bulanan yang perlu dijelaskan oleh pemegang kad hendaklah 10% daripada jumlah kredil yang belum dijelaskan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar;

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada terbaca, sebuah bank mengeluarkan kad kredit bergambar. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi satu arahan ataupun panduan supaya semua kad kredit ini diberi bergambar? Ini mungkin boleh menurunkan kadar penyelewengan ataupun penipuan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kalakan tadi bahawa di antara cara pemalsuan ataupun penipuan ialah melalui kad kredit itu sendiri. Oleh yang demikian di antara langkah yang telah dibuat oleh pihak Bank Negara ialah untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menggunakan teknologi yang paling mutakhir supaya dapat mengekalkan kesahihan pemilikan kad-kad tersebut. Kalau sekiranya kad yang mempunyai gambar merupakan yang paling terbaik maka kita anjurkan kepada mana-mana pihak supaya menggunakan teknologi yang paling terbaru, yang paling mutakhir untuk matlamat yang saya sebutkan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Bank Negara telah mengumumkan bahawa ia akan menamatkan satu kajian yang menyeluruh yang kedua untuk kad kredit ini, bilakah kajian ini akan diumumkan dan setakat ini apakah total line of credit untuk semua kad dan apakah bilangan kad kredit yang telah dikeluarkan sekarang?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong merujuk kepada kajian, maka kajian itu telahpun selesai dan dirumuskan dalam satu tindakan Kerajaan pada bulan Disember 1991 dalam bentuk garis panduan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Itu kajian yang pertama kerana ini tidak up-to-date dan Bank Negara telah mengeluarkan pengumuman untuk meng-up-to-datekan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mengemaskinikan.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan mengemaskinikan, untuk mendapat maklumat mutakhir. *(Ketawa)*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau salah sebut dia jadi "mustahil". (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat sendiri bersetuju dengan saya bahawa Disember 1991, hanya baru empat bulan yang lalu, kalau adapun kajian janya saya percaya di peringkat permulaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita melihat suasana kecairan dan suasana penggunaan dalam masyarakat Malaysia ini dalam konteks yang lebih luas lagi termasuk penawaran wang dalam sistem pasaran. Maka kad kredit merupakan hanya sebahagian daripada kajian yang lebih menyeluruh itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kad kredit dan kad caj yang dikeluarkan di Malaysia hingga Disember 1991 ialah 1,276,540 kad, jumlah had kredit yang diberikan sehingga 31 Disember 1991 adalah \$4,557.4 ribu juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Datuk Haji Basri bin Bajuri.

(*Soalan No. 10 Y.B. Datuk Haji Basri bin Bajuri tidak hadir*)

PELABURAN LUAR NEGERI— INSENTIF

11. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk pelaburan luar negeri.
- (b) adakah insentif istimewa selain daripada apa yang disediakan khusus bagi pelabur-pelabur melabur di negara Kemboja,

Vietnam dan Laos memandangkan kos permulaan serta risiko yang tinggi.

6-5-92

51. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada bentuk insentif pelaburan yang akan diberikan keutamaan kepada pelabur-pelabur negeri ini yang akan melabur di Laos dan Vietnam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Seputeh pada 6 Mei 1992 kerana soalan-soalan ini adalah berhubung dengan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk pelaburan luar negeri adalah seperti diumumkan semasa Beianjawan 1991 iaitu:

- (i) Hanya 50% dari pendapatan yang dibawa balik akan dikenakan cukai atas kadar korporat yang sedia wujud. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang tidak dicukai akan juga dikecutikan dari cukai pendapatan. Galakan ini adalah bagi tempoh lima tahun selepas syarikat beroperasi dan mendapat keuntungan di luar negara.
- (ii) Perbelanjaan yang dibuat sebelum perniagaan dimulakan seperti kos penyelidikan pasaran dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Pelabur-pelabur yang ingin mendapat insentif-insentif yang

telah disediakan oleh pelaburan luar negeri perlu mengemukakan permohonannya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk dinilai dan diluluskan sebagai sebuah projek yang layak untuk mendapat insentif berkenaan. Di antara kriteria-kriteria yang diambil kira ialah:

- (i) mengatasi masalah 'market access' dan projek tersebut akan mengguna bahan mentah dan komponen-komponen dari Malaysia;
- (ii) projek di luar negeri akan membekalkan bahan mentah atau komponen untuk digunakan oleh industri di Malaysia.
- (iii) pelaburan di luar negeri akan menyumbang kepada peningkatan kerjasama ekonomi Selatan-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini Kerajaan tidak menyediakan insentif khas selain daripada insentif-insentif tersebut di atas, bagi pelaburan yang dibuat di negara-negara seperi Kemboja, Vietnam dan Laos.

Unlukk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pelaburan rakyat Malaysia di luar negeri bagi tahun 1990 adalah seperti berikut:

- (a) Pelaburan langsung dalam perniagaan-\$468.2 juta.
- (b) Pembelian harta ianah-\$85.9 juta.
- (c) Jumlah pelaburan langsung-\$554.1 juta.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa di antara perkara-perkara yang akan

dilaburkan di luar negeri termasuk Vietnam yang heboh diperkatakan sekarang ialah mengenai industri getah, kelapa sawit. Kita terlalu generous di dalam menyebarkan teknologi kita sehingga misalnya di dalam bidang kelapa sawit ada beberapa negara yang telah dapat mengatasi kita dari segi kecekapan pengeluarannya yang mereka belajar daripada kita. Jadi adakah dengan berlakunya pelaburan di luar negeri di mana bidang kita cekap seperti teknologi getah dan kelapa sawit, satu hari nanti mungkin negara di mana kita melaburkan itu akan dapat mengatasi kita di dalam pengeluaran perkara-perkara tersebut. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Perlu, tadi Yang Berhormat dari Machang mengatakan teknologi di luar negeri mungkin mengatasi kita di dalam bidang kelapa sawit dan getah, tetapi sukalah saya katakan di sini daripada makluman yang diterima oleh Kementerian saya, teknologi Malaysia umpamanya dalam bidang kelapa sawit masih yang terunggul di dunia ini. Walau bagaimanapun, masalah dan soalan pindaan teknologi adalah satu aliran bukan sahaja di Vietnam atau negara-negara yang sedang membangun tetapi aliran teknologi daripada satu negara ke negara yang lain sudah menjadi satu kenyataan yang lebih jelas dan nyata di masa akan datang. Oleh kerana itu, tidak sukarlah untuk kita hendak menjaga dan melindungi keistimewaan dan kelebihan yang ada pada kita di dalam dua bidang ini, iaitu getah dan kelapa sawit.

Apa yang kita maksudkan bila kita mendorong atau menggalakkan pelabur kita pergi ke negara-negara lain seperti Vietnam untuk menanam getah, kelapa sawit dan lain-lain ialah kita hendak dapat satu kelebihan dalam pasaran negara-negara tersebut dengan menjalankan estet-estet getah. Umpamanya, di Vietnam, kita dapat tanah yang murah dan kita dapat pekerja (labour) yang lebih murah daripada yang

kita ada di sini. Dengan pengeluaran getah dari sana, mungkin pada satu hari nanti pelabur kita di Vietnam boleh eksport balik ke tanahair kita getah dan kelapa sawit yang ditanam di Vietnam, Kemboja dan Laos. Kedua, mungkin pelabur kita boleh buat downstream activity dengan menambahkan nilai kepada getah yang ditanam di Vietnam dengan menggunakan teknologi yang dieksport daripada Malaysia ke negara-negara seperti Vietnam.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Dalam usaha Malaysia untuk mengadakan banyak pelaburan-pelaburan di negara Vietnam, satu misi pelaburan telah diadakan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa beliau sungguh berpuas hati kalau dibandingkan dengan misi-misi pelaburan yang diketuai olchnya di masa-masa yang lalu kalau dibandingkan dengan misi pelaburan ke Vietnam. Jadi, saya ingin tahu memandangkan undang-undang tanah misalnya, undang-undang banking yang perlu kepada seseorang pelabur itu untuk melabur di sesebuah negara adalah berlainan dan mungkin menimbulkan masalah kepada pelabur kita di Vietnam. Adakah dalam lawatan misi pelaburan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat telah membawakan perkara ini supaya undang-undang tanah di Vietnam dapat menjamin pelabur-pelabur kita dapat melabur dan pada satu masa kelak tidak dimiliknegerakan oleh Vietnam pelaburan yang disediakan oleh pihak pelabur kita.

Yang keduanya, sama ada sistem banking di Vietnam itu dapat memberi kemudahan kewangan yang mencukupi kepada pelabur-pelabur kita.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang menimbulkan dua soalan yang begitu

mustahak untuk pelabur daripada Malaysia ke Vietnam. Ini memanglah dua masalah yang terbesar yang dihadapi oleh pelabur kita bila mereka hendak ingin hendak melabur di Vietnam, iaitu soal tanah di mana dalam pefahaman komunis yang dijalankan di Vietnam dan mengikuti Perlembagaan (Constitution) mereka, tanah harus dimiliki oleh rakyat jelata di Vietnam sahaja dan tidak boleh dipindah kepada orang asing, itu memanglah satu masalah yang besar yang perlulah kita mengatasi. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah menimbulkan masalah ini kepada counterpartnya di Vietnam dan counterpart Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah mengatakan beliau akan mengkaji semula masalah yang dihadapi. Tetapi pada masa ini orang-orang Malaysia yang hendak melabur di Vietnam, perlama hendaklah berhati-hati dalam perkara ini dan kedua, mereka hendak minta penjelasan yang lebih jelas daripada Kerajaan Vietnam mengenai tenure of land ownership yang boleh diperolehi oleh pelabur tersebut.

Mengenai sistem banking, masih ada masalah di negara Vietnam. Mereka masih memerlukan modal (capital) daripada luar. Oleh kerana itu, kekurangan modal (capital) di sistem banking adalah satu masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur daripada Malaysia. Pada masa kini, daripada maklumal yang diterima oleh Kementerian saya, geran tidak dikeluarkan kepada pelabur sebab masalah yang saya katakan tadi. Oleh kerana tidak ada geran, maka ia tidak boleh dicagarkan kepada bank-bank di Vietnam. Oleh kerana itu, timbullah satu masalah yang lain iaitu pelabur dari Malaysia perlulah membawa modal mereka daripada Malaysia ke Vietnam dan bukan dari sistem bank-bank yang ada di Vietnam. Tetapi semua masalah ini telah ditimbulkan dan sudah tentu Kerajaan kedua-dua negara akan mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Sukalah saya mengatakan di sini, walaupun ada masalah yang dihadapi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, banyak peluang-peluang untuk melabur di Vietnam telah dimajukan pada masa kini dan banyak syarikat-syarikat besar dan sederhana daripada negara kita sudah masuk ke Vietnam dan sedang melabur di Vietnam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.2, 8, 10, 12 hingga 74 adalah dimasukkan di bawah ini.)

UMAT ISLAM ROHINGYA DI MYANMAR

2. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap masalah:

- (a) umat Islam Rohingya di Myanmar yang ditindas oleh pemerintah regim tentera negara tersebut;
- (b) pembunuhan terhadap umat Islam di Kashmir;
- (c) pencerobohan regim zionis Israel ke atas umat Islam Palestin yang berterusan;
- (d) masa depan umat Islam di Albania dan Wilayah-wilayah di Yugoslavia;
- (e) kemerdekaan yang dituntut oleh Wilayah-wilayah dalam Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS).

43. Dr, Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan sebenar kaum Islam (Rohingya) di Myanmar dan apakah pendirian Kerajaan mengenainya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Memandangkan soalan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Tambun adalah berkaitan, izinkan saya untuk menjawabnya secara serentak.

Kerajaan Malaysia meihat masalah pelarian Rohingya dari Myanmar ini sebagai isu kemanusiaan (humanitarian). Pada 7 Mac 1992 yang lepas Kerajaan Malaysia telah mengambil satu pendirian yang tegas mengenai isu tersebut. Pendirian tersebut telah dimaklumkan kepada Kerajaan Myanmar melalui Duta Besarnya di Kuala Lumpur pada 10 Mac 1992.

Kerajaan Malaysia telah menyatakan rasa bimbangannya terhadap laporan yang diterima mengenai ramainya masyarakat Islam dari Wilayah Arakan yang telah melarikan diri ke Bangladesh. Insiden ini telah mendatangkan kesusahan dan menyulitkan kehidupan masyarakat tersebut disamping membebaskan Bangladesh.

Kerajaan Myanmar telah diminta supaya berhenti dari mengambil sebarang langkah atau tindakan yang boleh dianggap menindas masyarakat Rohingya dan Myanmar. Kerajaan Myanmar juga diminta supaya dapat membenarkan pelarian-pelarian tersebut pulang ke kampung halaman mereka di wilayah Rakhine di Myanmar tanpa apa-apa tindakan undang-undang.

Di masa yang sama, Malaysia juga telah mengarahkan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk mengambil pendirian yang serupa dan menyokong segala usaha badan dunia tersebut untuk menyelesaikan isu Pelarian Rohingya. Perwakilan-perwakilan Malaysia juga telah diarahkan menyokong usaha-usaha PBB untuk memberi bantuan kecemasan kepada pelarian-pelarian tersebut yang kini berada di Bangladesh.

Disamping itu, Kerajaan Malaysia juga pada 2 April 1992 telah memberi sumbangan kemanusiaan sebanyak US\$100,000 melalui Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk membantu meringankan beban pelarian-pelarian tersebut.

Bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat dari Marang, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia merasa sedih dengan perkembangan yang sedang berlaku di wilayah Kashmir yang dipertikaikan itu yang telah menyebabkan ramai nyawa terkorban. Malaysia menyeru semua pihak yang terlibat supaya mencari jalan penyelesaian terhadap masalah Kashmir secara damai dan melalui rundingan supaya kehilangan nyawa di wilayah tersebut tidak berterusan.

Bagi soalan (c), sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan regim zionis Israel ke atas umat Islam Palestin. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah dan sedang mengambil berbagai usaha di dalam arena antarabangsa untuk menegaskan pendirian ini. Malaysia juga menggesa sekutu-sekutu Israel dari Barat supaya mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap regim Israel agar jajahan Arab yang ditakluki diserahkan kembali kepada rakyat Palestin dan sekali gus menghentikan pencerobohan ini.

Bagi soalan (d), Malaysia bersimpati dengan penderitaan dan kesusahan yang dihadapi oleh umat Islam di Albania dan Yugoslavia. Malaysia mengamalkan dasar untuk bcrbaik-baik dengan semua negara yang ingin bcrbaik dengan kiiia dan sedia menimbangkan kerjasama yang sewajarnya demi kebaikan semua pihak. Namun demikian, masalah ini adalah masalah dalam negeri kedua-dua negara tersebut dan Malaysia tidak seharusnya mencampuri hal-ehwal dalam sesebuah negara lain.

Bagi soalan (e), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komanwel Negera-negara Merdeka adalah terdiri daripada 11 buah republik bekas Kesatuan Soviet dan semua republik ini adalah merdeka dan berdaulat. Malaysia telah mengiktiraf kemerdekaan semua republik-republik ahli Komanwel Negara-negara Merdeka pada 31 Disember, 1991.

AKTA PENDIDIKAN BARU— RASIONAL

8. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional di belakang ura-ura untuk menggantikan Akta Pendidikan yang ada sekarang:

- (a) adakah tujuannya untuk meliberalkan sistem pendidikan kebangsaan yang ada sekarang; dan
- (b) adakah kesan jangka panjangnya dirangka supaya dapat mengizinkan penubuhan seberapa banyak universiti-universiti swasta seperti Universiti Merdeka atau sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama Kementerian Pendidikan mengadakan Akta Pendidikan yang baru adalah untuk memperlengkapkan dan memperkemaskinikan lagi perundangan mengenai sistem pendidikan kebangsaan.
- (b) Penubuhan universiti termasuk universiti swasta adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, bukan tertakluk kepada Akta Pendidikan Baru yang akan dicadangkan itu.

**FILEM NEGARA MALAYSIA—
FUNGSI**

10. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah fungsi Filem Negara Malaysia masa kini;
- (b) berapa banyakkah filem yang dihasilkan oleh Filem Negara sejak 1980 hingga sekarang dan apakah bentuk filem yang dikeluarkan; dan
- (c) apakah tindakan Filem Negara dalam usaha membersihkan imej negara dan bangsa Melayu kesan dari penerbitan filem-filem asing yang memberi gambaran buruk terhadap Malaysia dan bangsa Melayu.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Filem Negara telah diwujudkan bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman dasar-dasar, rancangan-rancangan serta kegiatan-kegiatan Kerajaan melalui media perfileman. Dalam aktiviti perfileman, Filem Negara melaksanakan tugas-tugas untuk menerbitkan filem-filem bertujuan untuk mendidik, memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan serta menggalakkan penglibatan bersama di kalangan rakyat ke arah pencapaian cita-cita dan matlamat negara. Selain dari itu, Filem Negara Malaysia juga memberi khidmat bantuan perfileman dan berfungsi sebagai perakam bahan yang berunsur sejarah untuk Arkib Rujukan.
- (b) sejak tahun 1980 hingga bulan Mac 1992, Filem Negara Malaysia telah menerbitkan sebanyak 2,485 jodol. Daripada jumlah ini jodol-jodol filem di

atas liputan peristiwa penting dan bersejarah merupakan lebih dari separuh penerbitan Filem Negara. Pecahan penerbitan Filem Negara adalah:

- (i) liputan peristiwa penting dan bersejarah—1,513 jodol;
 - (ii) filem-filem treler—631 jodol;
 - (iii) filem-filem dokumentari—336 jodol;
 - (iv) filem-filem cereka—5 jodol.
- (c) Usaha untuk membersihkan imej negara kesan daripada penerbitan filem-filem asing yang memberi gambaran buruk terhadap Malaysia bukanlah diletakkan kepada Filem Negara Malaysia atau Kementerian Penerangan semata-mata. Ianya adalah tanggungjawab bukan sahaja Kerajaan keseluruhannya malahan tiap-tiap individu atau rakyat yang setia dan kasih kepada negaranya, termasuk anggota-anggota parti Kerajaan ataupun Pembangkang.

Filem Negara Malaysia lelah memainkan peranannya semenjak ianya ditubuhkan untuk meneruskan usaha memperlingkatkan imej negara di kaca mata dalaman serta juga luar negara dengan menerbitkan berbagai-bagai jenis filem seperti tersebut di atas sejajar dengan kehendak dan matlamat negara. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab jabatan ini untuk menerbitkan filem-filem yang menonjolkan kejayaan negara dalam mencapai keamanan, kemakmuran dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Filem-filem terbitan jabatan ini telah dibekalkan kepada Wisma Putra untuk diedarkan kepada semua perwakilan Malaysia di luar negeri. Pada tahun 1990 sahaja

sebanyak 135 filem diedarkan kepada 56 perwakilan Malaysia di luar negeri.

Filem Negara Malaysia akan meneruskan peranannya secara proaktif untuk membantu meningkatkan imej negara dengan tidak mengambilkira sama ada ada atau tanpa usaha orang-orang asing yang memburuk-burukkan negara kita melalui filem-filem yang diterbitkan oleh mereka.

PERKHIDMATAN PERUBATAN KEPADA ORANG ASING

12. Tuan Radin Malleh minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar Kerajaan tentang khidmat rawatan perubatan terhadap orang-orang asing di Malaysia termasuk pendatang tanpa izin, pelarian dan pekerja imigran. Siapakah menanggung kos perubatan, pengangkutan alaupun perjalanan bagi mereka yang dirujuk ke hospital lain dalam sesuatu negeri ataupun ke Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Buat masa ini, hospital-hospital Kementerian ini memberi perkhidmatan perubatan kepada sesiapa sahaja yang datang untuk mendapatkannya.

Pesakit yang dirujuk ke hospital lain untuk rawatan lanjut tidak dikenakan bayaran ke atas kos pengangkutan dengan ambulans. Kos rawatan perubatan adalah ditanggung oleh pesakit sendiri atau majikannya.

SEKTOR PERKAPALAN DAN LIMBUNGAN—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTERA

13. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah peruntukan \$100 juta akan membantu perkembangan Syarikat Perkapalan Bumiputera di negara ini?

Apakah jaminan yang diwujudkan oleh pihak Kementerian supaya pihak yang menandatangani pengeluaran pinjaman ini terhindar dari sebarang amalan negatif serta penyelewengan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Industri Malaysia Berhad telah diperuntukkan sebanyak \$100 juta daripada jumlah peruntukan sebanyak \$250 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi menyokong aktiviti-aktiviti sektor perkapalan dan kejuruteraan. Sehingga Februari, 1992, jumlah pinjaman secara terkumpul, yang telah diberi kepada bumiputera dalam sektor perkapalan dan limbungan adalah sebanyak \$285 juta, iaitu 47% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan berbanding dengan bukan bumiputera sebanyak \$30 juta atau 20% dan syarikat Kerajaan sebanyak \$112 juta atau 33%.

Selaras dengan objektif penubuhannya, Bank Industri telah menyediakan beberapa kemudahan bagi menyokong serta menggalakkan perkembangan sektor perkapalan dan limbungan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Bank Industri, khususnya bagi sektor perkapalan dan limbungan, adalah seperti kemudahan pembiayaan pembinaan kapal baru, kemudahan pembiayaan bagi kapal terpakai, kemudahan pembiayaan infrastruktur limbungan, kemudahan diskaun baikpulih kapal, kemudahan bon prestasi dan pembiayaan pajakan atau penjualan ansuran.

Selain daripada memberi pinjaman berjangka kepada sektor perkapalan dan limbungan, Bank Industri juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat untuk syarikat-syarikat Bumiputera yang kecil tanpa mengenakan bayaran.

Bank Industri mempunyai prosedur dan peraturan terlentu bagi urusan pengeluaran pinjamannya. Setiap permohonan pinjaman projek dikaji dengan teliti untuk menentukan viabiliti

serta kejayaan projek sebelum ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman dan Lembaga Pengarahnya. Begitu juga bagi pengeluaran pinjaman yang dikawal rapi oleh pengurusan atasan serta Unit Auditan Projek bagi menentukan pengeluaran pinjaman itu adalah teralor, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi dan mengikuti perkembangan Bank Industri melalui wakilnya dalam Lembaga Pengarah Bank tersebut. Setakat ini Kementerian Kewangan tidak pernah menerima sebarang pengaduan terhadap amalan negatif dan peyelewangan dalam urusan pinjaman Bank Industri,

PERKHIDMATAN PAKAR KAJIAN TENAGA NUKLEAR

14. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah usaha-usaha Kementerian dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar kajian tenaga nuklear dari bekas-bekas Republik Soviet yang pada masa ini berada di pasaran dunia? Apakah status kajian tenaga atom negara pada masa ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding); Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tiada membuat sebarang usaha untuk mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar kajian tenaga nuklear dari bekas-bekas negara Republik Soviet. Pada masa ini pakar-pakar di bidang kajian tenaga nuklear di Malaysia adalah diperolehi melalui Program Kerjasama Teknikal Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Walau bagaimanapun, pihak Unit Tenaga Nuklear, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengkaji/meneliti setiap pakar yang dicadangkan oleh IAEA. Pihak (JTN) juga akan

mendapatkan kelulusan Kerajaan Malaysia (Kementerian Dalam Negeri) bagi setiap pakar yang akan menjalankan tugas di Malaysia.

Pada masa ini kajian di dalam bidang teknologi nuklear telah dijalankan di dalam berbagai bidang, di antaranya adalah pertanian, industri, perubatan, keselamatan dan strategik.

Di dalam bidang pertanian, UTN telah berjaya menghasilkan benih padi baru iaitu 'MA 03' ataupun Tongkat Ali dengan menggunakan teknik nuklear. Hasil penemuan benih padi baru ini, akan dapat meningkatkan hasil yang tinggi iaitu 5000—7000 kg/hektar, tahan patah dan tahan penyakit. Baru-baru ini UTN telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kawasan Muda (MADA) untuk meneruskan projek penggunaan teknik nuklear di dalam penanaman padi di kawasan Muda secara bcrsepadu.

Di dalam bidang industri UTN telah memberi khidmat analisis menggunakan kaedah-kaedah pengaktifan neutron (NNA) dan Analisis Neutron Tertunda (DAN) kepada institusi-institusi di Malaysia. UTN juga telah memberi khidmat Ujian Tanpa Musnah (NDT) kepada industri-industri kejuruteraan dan petrolcum di Malaysia.

Kemudahan penyinaran sinar gamma (SINAGMA) di UTN digunakan untuk menyah kuman-kuman pada barang-barang perubatan di peringkat komersial. Ia juga merupakan kemudahan lerulung di sektor awam menerima pengiktirafan ISO 9002 setelah memenuhi segala keperluan piawaian antarabangsa.

UTN telah membekalkan isotop dan kit untuk diagnostik kepada hospital untuk perubatan nuklear. Di dalam bidang penyinaran makanan UTN telah menjalankan penyelidikan ke atas

beberapa barangan seperti buah-buahan, sayuran, bijirin, daging ayam dan udang bagi mengurangkan kerosakan lepas tuai dan memanjangkan tempoh segar barangan tersebut.

Di dalam bidang alam sekitar kajian pemetaan paras sinaran latar belakang di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data asas mengenai aras sinaran dan keradioaktifan alam sekitar di Malaysia.

Untuk melupuskan sisa radioaktif yang boleh dibakar seperti sisa organan, UTN akan membangunkan satu loji insinerator di peringkat pilot. Di samping itu, UTN juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan melakukan rawatan dan pelupusan sisa radioaktif di peringkat kcbangsaan.

Bagi kajian jangka panjang, UTN akan menumpu kepada kajian bahan termaju (advanced material) termasuk penggunaan bahan komposit, seramik dan alloi.

KEGIATAN TABLIGH— MENGHARAMKAN

15. Dato' Haji Mohatnad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan semua kegiatan tabligh di seluruh negara kerana ianya tidak sesuai dengan ajaran Islam yang sebenarnya;
- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi menjelaskan kepada orang ramai supaya mereka tidak mengikut cara hidup yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin tabligh tersebut yang akan merugikan umat Islam; dan
- (c) daripada negara manakah asal-usulnya kegiatan tabligh tersebut yang diikuti oleh sebahagian umat Islam di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan kegiatan tabligh di seluruh negara kerana ianya tidak menyalahi/bertentangan dengan akidah Islamiah,
- (b) Kerajaan memang memberi penjelasan dari semasa ke semasa kepada orang ramai mengenai cara hidup sebenar supaya mereka dapat menolak sebarang elemen-elemen yang bertentangan dengan Islam atau unsur-unsur negatif yang tidak sesuai untuk diamalkan. Dengan demikian orang ramai tidak lagi terikut-ikut dengan kegiatan tabligh.
- (c) Jemaah tabligh adalah berasal dari Mewat, India, iaitu satu kawasan di selatan New Delhi. Pusat kegiatan jemaah ini sekarang ialah di Nizamuddin, iaitu 3 batu dari New Delhi.

PAMPASAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG PASIR PANJANG- KAMPUNG SUNGAI NIBUNG, SABAK BERNAM

16. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Menteri berkenaan sedar bahawa Kerajaan telah mengambil sebahagian dari tanah kepunyaan penduduk di Kampung Pasir Panjang hingga ke Kampung Sungai Nibung dalam daerah Sabak Bemas pada tahun 1954 untuk dibina jalan raya:

- (a) jika Menteri Kerja Raya menyedari perkara ini memang berlaku; adakah beliau bercadang untuk melaksanakan bayaran pampasan dengan segera;

- (b) jika Kerajaan bersetuju membayar pampasan tersebut, adakah Kerajaan akan membayar mengikut nilai harga tanah pada masa sekarang;
- (c) mengapakah pampasan ini terlalu lama terbiar Lidak diambil tindakan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan ini berlaku.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Memandangkan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah berlaku sebelum merdeka iaitu pada tahun 1954, oleh itu Kementerian akan menyasat perkara ini dengan lebih teliti dengan bantuan jabatan-jabatan negeri yang berkenaan dan penerangan ataupun rekod-rekod jika ada, yang seimbang dengan perkara tersebut pada masa itu.

NILAIAN TAHUNAN—KENAIKAN

17. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nilai tahunan baru-baru ini telah bertambah dalam lingkungan 100% hingga 200% telah menyebabkan kesusahan yang sangat besar kepada tuanpunya-tuanpunya harta di Wilayah Persekutuan dan bahawa sebilangan besar tuanpunya-tuanpunya harta tidak diberikan hak untuk membantah terhadap penambahan nilai tahunan yang diperuntukkan di bawah seksyen 142 dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 sebab notis-notis untuk penambahan tersebut tidak dihantar kepada tuanpunya-tuanpunya harta, yang mana tidak menerima notis-nolis penambahan nilai tahunan tersebut, penambahan masa untuk membolehkan mereka menjalankan hak mereka untuk membantah di bawah seksyen 142 Akta tersebut. Jikalau tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Sebenarnya kenaikan purata nilai tahunan adalah di dalam anggaran 50%. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana kenaikannya melebihi 100%, yang mana bergantung kepada nilai sewa pasaran ataupun nilai pasaran tanah; yang berbeza mengikut kedudukan, jenis harta serta faktor lain yang mempengaruhi nilai.

Tuanpunya harta adalah diberi hak untuk membantah terhadap penambahan nilai tahunan di mana pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun menetapkan prosidur-prosidur untuk membuat bantahannya iaitu:

- (i) Notis Semakan Semula Senarai Nilai telahpun diedarkan sebelum 18 November, 1991 mengikut masa yang ditetapkan oleh Perkara 141(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Notis berkenaan dihantar kepada pemilik berdaftar serta mengguna alamat surat-menyurat yang dimaklumkan kepada jabatan ini.
- (ii) Seterusnya pengwartaan di Warta Kerajaan dan pengisytiharan di akhbar-akhbar tempatan juga telah dibuat mengenai Semakan Semula Senarai Nilai ini. Pemilik berdaftar sepatutnya sedar mengenai perkara ini serta datang membuat semakan ke jabatan ini jika mereka masih belum menerima Notis Semakan berkenaan.
- (iii) Tempoh masa yang dibenarkan untuk mengemukakan bantahan bertulis sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976 ialah selewat-lewatnya 14 hari sebelum berkuatkuasanya Senarai Nilai, iaitu sehingga 17 Disember 1991.

- (iv) Walau bagaimanapun, Jabatan ini masih menerima bantahan-bantahan lewat (selepas 17 Disember 1991) yang mempunyai alasan-alasan konkrit dan munasabah.

RANCANGAN STRUKTUR DAN TEMPATAN BAGI MAJLIS PERBANDARAN

18. Tuan Fung Kui Lim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan nama-nama Majlis Perbandaran seluruh negara yang sudah menyiapkan pelan tempatan sesebuah bandar dan majlis manakah yang sudah melaksanakan pelan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Rancangan struktur telah disiapkan dan diwartakan bagi lapan buah Majlis Perbandaran, iaitu Seremban, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kota Setar, Kangar, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Ini tidak termasuk rancangan struktur yang disediakan bagi Majlis Daerah.

Mengcnai rancangan tempatan, ianya telah disediakan bagi Majlis Perbandaran Seremban, Johor Bahru dan Kangar. Walaupun belum diwartakan, Pihakberkuasa Tempatan boleh mula menggunakan sebagai panduan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan bila hendak diwarta dan dikuatkuasakan Rancangan Struktur dan Tempatan adalah di bawah bidangkuasa Pihakberkuasa Negeri.

SELUDUP BERAS—TINDAKAN TERHADAP PEMBORONG

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan sebutkan 10 nama syarikat besar yang terbabit dalam kegiatan menyeludup beras dari negara jiran, apakah tindakan telah dan akan diambil terhadap mereka selain daripada membatalkan lesen pemborongnya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sebanyak empat buah syarikat pemborong beras di Johor, tiga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu masing-masing di Perak, Kelantan dan Sabah terlibat dalam kegiatan menyeludup beras. LPN telah mengambil tindakan menarik balik dan membatalkan lesen pemborong-pemborong beras tersebut mengikut peruntukan dibawah Peraturan 9(2)P.U.(A) 184/73. Nama syarikat-syarikat yang terlibat tidak dapai diberitahu memandangkan perkara ini masih dalam tindakan mahkamah.

PERKESO—PERLUASAN SKOP DAN PERANAN

20. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bolehkah Kementerian Sumber Manusia menimbang untuk meluaskan skop serta peranan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi mengendalikan hal ehwal pemberhentian pekerja akibat dari penutupan kilang atau syarikat dengan menubuhkan Tabung Perlindungan Pekerja Kebangsaan; dan
- (b) bolehkah Kementerian menimbang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan ke atas pemberhentian pekerja di setiap negeri bagi mengendalikan kes-kes pemberhentian pekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

- (a) Sejak beberapa tahun kebelakangan, masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang terlibat dengan penutupan tempat pekerjaan disebabkan majikan menjadi taksolven telah mendapat perhatian Kementerian Sumber Manusia. Menteri Sumber Manusia memang sedar bahawa apabila seseorang majikan menjadi taksolven, pada kebiasaannya seseorang pekerja

akan ditamatkan perkhidmatannya yang seterusnya akan membuat tuntutan gaji dan faedah-faedah yang belum dibayar melalui pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, sejumlah besar tuntutan-tuntutan pekerja tidak dapat ditunaikan disebabkan oleh masalah kekurangan kewangan yang dihadapi oleh pihak majikan yang telah menjadi taksolven dan juga disebabkan oleh peruntukan-perumukan di bawah Akta Syarikat, Akta Kebangkrapan dan lain-lain undang-undang yang sedia ada.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Sumber Manusia telah mengarahkan Jabatan Buruh mengkaji dan menyediakan satu laporan khas berkenaan dengan penubuhan Tabung Perlindungan Gaji dan Faedah-faedah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Buruh telah menyediakan satu laporan khas berkenaan dengan penubuhan tabung tersebut dan ianya telah dibentangkan untuk perbincangan di Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang diadakan pada 28hb April, 1992. Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, selepas memperbincangkan perkara ini, telah merujuk cadangan ini ke Jawatankuasa Teknikal untuk dikaji dengan terperinci.

Kementerian Sumber Manusia berharap, sekiranya tidak ada apa-apa halangan, tidak lama lagi satu Rang Undang-undang akan dikemukakan ke Dewan yang mulia ini berkenaan dengan penubuhan Tabung Perlindungan Gaji dan Faedah-faedah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa mengambil

berat tentang kebajikan pekerja-pekerja dan langkah-langkah ini membuktikan kebenarannya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan apabila suatu Rang Undang-undang berkenaan dengan perkara ini dikemukakan ke Dewan yang mulia ini tidak lama lagi. Kerajaan Barisan Nasional harus dipuji di atas sikap ini.

- (b) Buat masa ini tidak terdapat sebarang keperluan bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengawasi pemberhentian pekerja memandangkan jentera yang disediakan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk mengendalikan kes pekerja-pekerja yang diberhentikan adalah mencukupi. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 menggariskan dengan jelas hak-mutlak majikan dan para pekerja. Ini termasuklah perkara berkaitan dengan penamatan perkhidmatan seseorang pekerja berasaskan kriteria-kriteria tertentu. Seseorang pekerja yang merasa dirinya telah dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan tanpa sebab tertentu boleh, di bawah undang-undang khususnya Akta Perhubungan Perusahaan 1967, memohon kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk dipulihkan semula di dalam perkhidmatannya, Jentera yang wujud pada masa ini untuk mengendalikan penamatan perkhidmatan adalah mencukupi.

KEBAKARAN KEDAI DI KUALA PENYU, SABAH

21. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sudahkah penyiataan terhadap kebakaran 9 buah

kedai di Kuala Penyu baru-baru ini. Berikutan dengan kejadian ini adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan satu unit pasukan Bomba di Kuala Penyu supaya tidak lagi bergantung kepada Perkhidmatan Bomba dari Beaufort yang jauhnya lebih 30 km.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha: Kebakaran 9 buah kedai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat telah berlaku pada 19-2-1992 yang lalu. Waktu kejadian adalah 6.55 pagi. Sebanyak 2 buah jentera bomba dengan 10 anggota telah dihantar untuk memadamkan kebakaran yang melibatkan bangunan lama yang diperbuat daripada papan. Tiada sebarang kecederaan/kematian dilaporkan. Jumlah kerugian adalah dianggarkan sebanyak \$2.59 juta manakala harta yang diselamatkan adalah berjumlah kira-kira \$2.35 juta. Memang menjadi amalan biasa, Bomba akan menjalankan pnyiasatan terhadap setiap kebakaran yang berlaku untuk mengetahui punca-punca kebakaran, kerugian dan mengkaji tindakan operasi pemadaman yang telah dijalankan dan sebagainya. Di dalam hal ini didapati punca kebakaran berkenaan adalah dipercayai akibat daripada litar pintas elektrik.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mempunyai perancangan untuk membina sebuah balai bomba di Kuala Penyu di mana cadangan untuk projek berkenaan telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga tetapi tidak dapat dilaksanakan disebabkan pembekuan semua projek-projek negeri termasuk projek Bomba pada ketika itu.

Projek berkenaan telah juga dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam tetapi tidak dapat diluluskan kerana kedudukan kewangan yang kurang mengizinkan. Kementerian ini akan sentiasa berusaha untuk mengadakan sebuah Bomba di Kuala Penyu, Sabah.

**DEFISIT IMBANGAN
PERDAGANGAN**

22. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Kewangan menyalakan berapakah jumlah "Trade Deficit" untuk negara kita pada tahun 1991 dan adakah defisit ini yang terbesar sekali sejak tahun 1982 dan jika ia apakah sebabnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Jumlah import bagi tahun 1991 ialah \$101.1 juta, manakala jumlah eksport ialah \$94.7 juta. Dengan itu imbalan perdagangan Malaysia telah mencatat defisit sebanyak \$6.4 ribu juta dalam tahun 1991. Keadaan defisit ini merupakan kali kedua dialami dan jumlahnya adalah besar jika dibandingkan dengan defisit sebanyak \$0.9 ribu juta, defisit yang pertama kali dialami pada tahun 1982.

Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan defisit dalam imbalan perdagangan ialah:

- (a) pertumbuhan import yang pesat, iaitu sebanyak 27.8 peratus dalam tahun 1991. Sebahagian besar daripada import adalah dalam bentuk barangan pelaburan dan barangan perantara yang merupakan 83.6 peratus dari jumlah import dalam tahun 1991. Keadaan ini disebabkan oleh permintaan import yang tinggi dari sektor perkilangan akibat kemasukan modal pelaburan asing dan pertambahan pelaburan dalam negeri sejak tahun 1988.
- (b) Pada masa yang sama, eksport berkembang pada kadar yang perlahan, iaitu sebanyak 18.9 peratus, jika dibandingkan dengan kadar pertambahan import. Pertumbuhan yang agak perlahan ini adalah disebabkan oleh permintaan luar negara yang kurang menggalakkan ke atas eksport Malaysia akibat daripada

pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang perlahan. Pada tahun 1991, pertumbuhan ekonomi OECD dianggarkan 1 peratus berbanding dengan 2,6 peratus pada tahun 1990.

- (c) Di samping itu, pertumbuhan pengeluaran komoditi utama negara yang perlahan dan harga komoditi yang kurang memuaskan secara keseluruhannya, juga menyebabkan pertumbuhan eksport berkembang pada kadar yang perlahan.

HARGA BARANGAN PENGGUNA—SIARAN MELALUI RADIO

23. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bolehkah Kementerianya mempertimbangkan penyiaran harga barangan pengguna melalui radio, katakan sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedia menimbangkan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menyiarkan harga barangan pengguna melalui radio tertakluk kepada kerjasama daripada Kementerian Penerangan.

KESESAKAN LALULINTAS DI PEKAN BUKIT MERTAJAM

24. Tuan Chian Heng Kai minla Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kesesakan lalu lintas di pekan Bukit Mertajam adalah amat serius dan runcing. Jika ya, apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk mengatasi dsan menyelesaikannya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalulintas di pekan Bukit Merlajam adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian telah difahamkan, untuk mengatasi masalah kesesakan di Bukit Mertajam, bagi jangka masa pendek pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengubahsuai sistem aliran lalu lintas di bandar tersebut. Bagi rancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang mengkaji cadangan kemungkinan untuk menyambungkan Jalan Megat Harun ke Lebuh Tembikai dan Jalan Muthupalaniappa ke persimpangan Jalan Arumugam Pillai/ Jalan Berapit.

SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI RUMAH—KEKESANAN UNDANG- UNDANG

25. Tuan Foo Piew Kok minla Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap pemaju rumah jika mereka itu tidak mendapat Sijil Kelayakan Menduduki itu dalam 2 minggu selepas penyerahan kunci rumah:

- (a) sejauhmana berkesan dan berkuasa dari segi undang-undang, persetujuan yang tercapai di antara pihak Kementerian betiau, pemaju dan arkitek bahawa pemaju seharusnya mendapat Sijil Kelayakan Menduduki dari pihak Majlis Tempatan dalam dua minggu selepas penyerahan kunci rumah;
- (b) sama ada pembeli rumah itu boleh meminta tuntutan daripada pemaju rumah jika pemaju rumah gagal atas perkara tersebut.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makJuman Dewan yang mulia ini, apa yang diaturkan oleh Kementerian ini berkenaan dengan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki di antara Pemaju, Juru Perunding dan Majlis-majlis Berkuasa Tempatan, hanya menyentuh prosedur memohon dan seterusnya pengeluaran sijil tersebut dan merupakan tindakan secara pentadbiran sahaja. Ianya tidak meliputi pindaan kepada undang-undang. Oleh itu, soal kekesanan dan penguasaan dari segi undang-undang tidak timbul. Memandangkan peraturan pentadbiran ini masih belum dilaksanakan maka Kementerian ini tidak dapat memberitahu kekesanan peraturan itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seseorang pembeli rumah hanya boleh membuat tuntutan ganti rugi atau pampasan kerana pemaju lewat menyerahkan rumah mengikut peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian jualbeli yang ditandatangani.

Mengikut perjanjian jualbeli yang terwujud sekarang, seorang pembeli tidak berhak menuntut ganti rugi jika sekiranya rumah telah diserahkan pemilikan kosong bersama penyambungan bekalan air dan elektrik kepadanya walaupun tanpa Sijil Kelayakan Menduduki.

JUALAN MURAH PALSU— TINDAKAN KEPADA PENIAGA

26. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilangan pejabatnya di seluruh negara dan jumlah anggota Bahagian Penguatkuasaan. Apakah kejayaannya dalam usaha untuk mencegah inflasi. Sejak tertubuhnya Kementerian tersebut, berapakah pemeriksaan telah dijalankan. Berapa peniaga yang dikenakan lindakan termasuk mereka yang menawar jualan murah yang palsu.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mempunyai 40 pejabat di seluruh negara dan jumlah anggota Bahagian Penguatkuasa ialah seramai 652 orang.

Kejayaan Kerajaan dalam membendung inflasi dapat diukur daripada paras inflasi di negara kita pada masa ini dan perbandingannya dengan paras inflasi di negara-negara lain. Paras inflasi di negara kita pada masa ini adalah atas kadar 4.5% dan ianya adalah di antara yang terendah di dunia.

Sejak Kementerian ditubuhkan pada 27hb Oktober, 1990 sehingga 21hb April, 1992 Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan pemeriksaan ke atas 283,248 premis perniagaan di seluruh negara dan mengambil tindakan undang-undang ke atas 8,578 peniaga termasuk 169 peniaga yang menawarkan jualan murah yang palsu.

PENYAKIT THALASSAEMIA— KAJIAN DAN RAWATAN

27. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kesihatan menyatakan samaada pihak Kementerian telah membuat kajian terhadap penyakit Thalassaemia yang bertambah menular dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang;

- (a) untuk memberikan taraf subsidi bagi rawatan pesakit Thalassaemia sejenis penyakit kurang darah yang berpunca dari keturunan (heredilary);
- (b) s takat ini, apakah langkah Kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan, berhubung dengan pengubatan dan rawatan pesakit Thalassaemia ini; dan
- (c) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan Tabung Darah Khas bagi pesakit-pesakit ini di Hospital Kerajaan,

memandangkan pesakit Thalassaemia memerlukan pemindahan darah yang kerap.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin:

Kajian terhadap penyakit Thalassaemia di negara ini dibuat oleh pegawai-pegawai dari Institut Paediatrik Hospital Besar Kuala Lumpur, Pusat Perkhidmatan Darah Hospital Besar Kuala Lumpur dan dari Universiti-universiti tempatan.

- (a) Pada masa ini rawatan pesakit Thalassaemia di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah percuma.
- (b) Pesakit-pesakit Thalassaemia memerlukan pemindahan darah dan kekerapannya berdasarkan kepada tahap kekurangan darah mereka.
- (c) Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menyediakan Tabung Darah Khas bagi pesakit-pesakit Thalassaemia kerana Kementerian ini berpendapat adalah lebih praktikal mempunyai satu Bank Darah yang 'common' di mana ia dapat menggunakan kepakaran yang sedia ada untuk pelbagai rawatan dan tindak khusus kepada rawatan-rawatan tertentu sahaja.

BANGUNAN SEKOLAH/RUMAH GURU USANG—MEMPERBAIKI

28. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan untuk membaikpulih sekolah-sekolah dan rumah-rumah guru yang usang serta tidak selesa untuk didiami di luar bandar negeri Sarawak. Sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa banyak sekolah di kawasan Sri Aman, Sarawak telah menghadapi kekurangan kemudahan asas dan peruntukan daripada Kerajaan untuk maksud pembinaan ini adalah sukar untuk diperolehi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membaiki bangunan sekolah terutamanya sekolah-sekolah luar bandar yang telah usang dan rosak. Usaha dilakukan seliap tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Kementerian Pendidikan menyedari masalah kekurangan kemudahan asas di sekolah-sekolah, bukan sahaja di kawasan Sri Aman, Sarawak tetapi juga di seluruh negara. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak berusaha untuk mengatasi masalah tersebut dalam RM6.

PASPORT ANTARABANGSA YANG DITAHAN—BILANGAN

29. Tuan Wong Wing Onn minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan Pasport Antarabangsa rakyat Malaysia yang ditahan oleh Jabatan Imigresen atas sebab:

- (a) tinggal lebih masa di luar negeri; dan
- (b) terbabit dalam kegiatan-kegiatan di luar negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Bilangan Pasport Malaysia yang ditahan oleh Jabatan Imigresen kerana pemegangnya telah tinggal lebih masa dan juga melakukan lain-lain kesalahan di luar negeri sejak tahun 1985 sehingga 15-4-1992 adalah seperti berikut:

(a) tinggal lebih masa/bekerja secara haram	7.757
(b) terlibat dalam aktiviti pelacuran	132
(c) terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan dadah	1.728
(d) lain-lain kes jenayah	1.760
Jumlah	<u>11,377</u>

**PEMBELIAN MERCEDES 230E
OLEH PRESIDEN MPPJ—
SIASATAN**

30. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiataan oleh Agensi Anti-Rasuah ke atas isu pembelian Mercedes 230E oleh Persiden MPPJ, yang mana tidak berhak memiliki kereta sedemikian; dan
- (b) tindakan bagaimanakah yang akan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab terhadap perkara yang luarbiasa ini.

Tuan Othman bin Abdul: Kes berkenaan masih lagi dalam penyiataan Badan Pencegah Rasuah dan dengan demikian hasilnya belum dapat diumumkan.

Berhubung dengan soalan kedua daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, tumpuan siasatan dan apa-apa tindakan lanjut oleh BPR hanyalah terhadap perkara-perkara yang melibatkan perbuatan rasuah sahaja yang mana ianya menjadi bidang tugas Badan ini.

**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN—PINDAAN**

31. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan sedia meminda Perlembagaan Persekutuan supaya wakil yang dilantik yang pindah ke parti politik yang lain atau bersara dari parti politik di mana mereka adalah ahli dilantik dalam pilihanraya, akandisingkir. Kalautidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pada masa ini Kerajaan belum lagi ada apa-apa cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan ini.

**BEKALAN ELEKTRIK DI
KAMPUNG SUNGAI HAJI
DORANI**

32. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Adakah Kementerian sedar bahawa penduduk Kampung Sungai Haji Dorani dan kampung-kampung lain di sekitarnya tidak mendapat bakalan elektrik dengan sempurna yang kadang-kadang bekalan terlalu lemah (tidak mencukupi) menyebabkan lampu malap dan televisyen tidak keluar gambar.
- (b) Bilakah masalah ini dapat diatasi.
- (c) Mengapakah kawasan ini dan kawasan-kawasan sekitarnya kerap sangat bekalan elektrik terputus terutama pada hari Sabtu dan Ahad.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Kampung Sungai Haji Dorani dan kampung-kampung sekitarnya telah diberi bekalan elektrik melalui Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar beberapa tahun yang lalu. Pada mulanya kampung-kampung ini dibekalkan dari dua pencawang iaitu Parit Satu Sungai Haji Dorani (100kVA) dan Peket 60 (300 kVA). Pencawang-pencawang ini tidak dapat menampung pertambahan beban akibat dari pertambahan pengguna di kawasan ini. Oleh yang demikian satu lagi pencawang elektrik telah mula dibina pada 1 April 1992 di Kg. Nelayan Sungai Haji Dorani (100 kVA) untuk menampung beban elektrik. Kerja menentang kabel sedang dijalankan.

Dengan terbinanya pencawang yang ketiga ini dan kerja penyambung kabel disiapkan dalam masa satu bulan, adalah diharapkan masalah kekurangan tenaga elektrik dan voltan rendah di Kampung Sungai Haji Dorani dan kawasan-kawasan kampung sekitarnya akan dapat diatasi.

Mengenai soalan (c) Ahli Yang Berhormat, gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di kawasan ini adalah berpunca dari talian 33 kV yang panjang dan melintasi kawasan sawah pada yang luas. Talian-talian ini terdedah kepada cuaca buruk terutamanya petir dan kilat. Talian 33 kV ini adalah disambung dari Batang Berjuntai. Mengikut rekod Pejabat Pengurus Daerah Klang, TNB kekerapan gangguan bekalan elektrik enam bulan yang lalu tidak menunjukkan satu pola tertentu bahawa gangguan kerap berlaku pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

Untuk mengurangkan masalah ini, satu lagi punca bekalan tatian 33 kV telah disiapkan iaitu dari Hutan Melintang.

KESESAKAN LALULINTAS DI LEMBAH KELANG

33 .Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Adakah beliau sedar tentang masalah kesesakan lalulintas di kawasan Lembah Kelang yang kian bertambah dari masa ke semasa; dan
- (b) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini tentang langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk mencapai penyelesaian tetap atau masalah yang begitu buruk ini.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Kerajaan memang sedar yang masalah kesesakan lalulintas di kawasan Lembah Kelang kian bertambah dari masa ke semasa. Satu faktor yang telah mengakibatkan masalah ini adalah pertambahan kenderaan yang begitu pesat dan pengaliran kenderaan yang tinggi di Kuala Lumpur. Mengikut perangkaan dalam masa satu hari jumlah

pergerakan kereta persendirian di jalanraya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 1990 ialah sebanyak 1,150,000 dan jumlah ini dijangka akan meningkat ke 2,189,000 pada tahun 2000.

- (b) Dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas telahpun dipertingkatkan dengan membina jejambat. Bulatan-bulatan berkenaan adalah seperti berikut:

(1) *Pembinaan Jejambat (Flyover)*

- (a) Bulatan Jalan Cheras
- (b) Bulatan 5 1/2 Jalan Cheras
- (c) Bulatan Jalan Kg. Pandan/Jalan Tun Razak
- (d) Bulatan Jalan Tun Razak/Jalan Pahang
- (e) Bulatan Edinburgh

(2) *Melebar dan Memperbaiki Jalan-jalan yang sedia ada*

Di antara jalan-jalan utama yang telah dilebar dan diperbaiki ialah:

- (a) Jalan Raja Chulan
- (b) Jalan Ampang
- (c) Jalan Gombak
- (d) Jalan Sentul
- (e) Jalan Genting Kelang
- (f) Jalan Puchong (Fasa 1 & 2 telah siap, Fasa 3 & 4 akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

(3) *Memperbaiki Persimpangan-persimpangan Jalan*

Beberapa persimpangan-persimpangan jalan telah dilebar untuk memperbaiki pengaliran lalulintas iaitu:

- (a) Jalan Ipoh/Jalan Perhentian
- (b) Jalan Sentul/Jalan Sentul Sehaluan
- (c) Jalan Damansara/Jalan Kepong
- (d) Jalan Semarak/Jalan Padang Tembak
- (e) Jalan Cheras/Jalan masuk ke Taman Segar.

(4) *Cadangan projek-projek Pengangkutan Awam*

Beberapa projek sistem pengangkutan awam telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Antara projek-projek yang utama adalah seperti berikut:

- (a) Sistem Transit Laju Ringan (LTR)
- (b) Sistem Monorel
- (c) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking)
- (d) Memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

TV4—SIARAN

34. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Penerangan menyatakan tentang mengadakan siaran TV4, dari

segi apakah rancangan-rancangan yang akan dikendalikan, keluasan sebarannya dan bilakah siaran ini akan dimulakan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kementerian bercadang mengadakan siaran TV tambahan atau TV4 seawal-awalnya pada tahun 1994. Pemilihan syarikat untuk melaksanakan siaran TV4 ini akan dibuat melalui tender. Siaran akan dihadkan kepada kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang sahaja. Kerajaan belum menentukan rancangan-rancangan yang akan diadakan. Ini akan diputuskan kelak.

INFLASI—LANGKAH MEMBENDUNG

35. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah program jangka pendek dan jangka panjang bagi menyahut seruan Kerajaan untuk menggalakkan simpanan/tabungan dan apakah juga langkah diambil bagi membendung inflasi di negara ini.

4-5-7992

45. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi pada masa sekarang dan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kadar inflasi ini.

5-5-7992

68. Tuan Joseph Voon minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi yang dijangka akan meningkat di negara ini.

6-5-7992

64. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selepas beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk

mengawal keadaan inflasi negara kita, apakah keadaan inflasi ekonomi negara kita sekarang. Apakah kesannya langkah-langkah oleh Kerajaan dalam kawatan inflasi ekonomi kita; dan

- (b) apakah langkah-langkah atau cadangan-cadangan sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan selanjutnya.

12-5-1992

3. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi untuk tahun 1991 dan bulan Januari hingga April 1992 dan memberikan sebab-sebab yang mengakibatkan inflasi.

20-5-1992

70. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kadar inflasi bagi tahun 1991 sebanyak 4.4% tidak mencerminkan keadaan kenaikan kos sara hidup yang sebenar, sebaliknya harga-harga barangan keperluan seperti makanan dan pakaian, harga rumah dan kadar sewa rumah telah naik dengan ketara antara 10% hingga 50% secara kasar;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memben-
dungkan inflasi secara yang wajar bagi mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh golongan pendapatan rendah terutama yang tinggal di bandar.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dalam sesi persidangan Dewan kali ini, selain daripada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong pada hari ini, terdapat juga beberapa soalan lain mengenai inflasi, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari: Bukit Mas pada 4-5-1992, Tanjung Aru pada 5-5-1992,

Teluk Intan pada 6-5-1992, Bukit Bintang pada 12-5-1992 dan Bayan Baru pada 20-5-1992. Oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh mengenai perkara yang sama, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut serentak pada hari ini.

Walaupun terdapat tekanan ke atas harga, keadaan inflasi dalam negara adalah terkawal. Kadar inflasi negara seperti yang diukur oleh Angka tunjuk Harga Pengguna (AHP) bagi tempoh Januari—Februari, 1992 telah meningkat sedikit iaitu pada kadar 4.4% berbanding dengan 3.7% pada tempoh yang sama tahun 1991. Semua angka tunjuk kecil AHP meningkat, iaitu angka tunjuk kecil pakaian dan kasut sebanyak 5.6%, perabot, hiasan dalam, perkakas rumah dan urusan rumahtangga sebanyak 4.1%, rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan sebanyak 4.2%, rekreasi, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan 5.6% dan pengangkutan dan perhubungan sebanyak 3.0%. AHP untuk makanan telah meningkat kepada 6%. Dalam kumpulan makanan, harga makanan di rumah telah meningkat 6.4%, manakala di luar rumah telah naik 4.1%. Bagi makanan di rumah, harga buah-buahan dan sayur-sayuran telah meningkat 17.1%, manakala bagi ikan telah meningkat sebanyak 10.6%.

Berbagai pihak sebelum ini telah mempertikaikan bahawa AHP tidak mencerminkan kadar pertumbuhan inflasi sebenar. Oleh itu Kerajaan telah mengkaji semula sekumpulan barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam AHP dan telah menggunakan tahun 1990 sebagai tahun asas yang baru. Penggunaan tahun asas ini adalah lebih menggambarkan corak perbelanjaan purata isirumah penduduk Malaysia.

Kenaikan inflasi negara adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Ini termasuklah pertumbuhan pesat ekonomi negara dalam tempoh lima

tahun lepas. Penggunaan awam dan swasta yang meningkat dengan ketara telah menyebabkan tekanan ke atas sumber-sumber dan harga. Pada masa yang sama bekalan wang telah berkembang dengan pesat selaras dengan aliran masuk pelaburan asing. Pengembangan ekonomi yang pesat juga telah membawa kepada permintaan tenaga kerja yang meningkat hingga menyebabkan negara menghadapi kekurangan tenaga kerja lerutamanya tenaga kerja mahir. Ini telah menyebabkan kadar upah meningkat dan seterusnya mendorong kepada kenaikan kadar inflasi.

Kerajaan sentiasa mengawasi dengan teliti keadaan inflasi dalam negeri. Beberapa langkah fiskal dan kewangan telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi. Ini termasuklah:

- (i) Menggalakkan simpanan dalam negeri. Untuk mencapai matlamat tersebut Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah membebaskan kawalan pentadbirannya ke atas penelapan kadar faedah pinjaman asas dengan izin, "base lending rate" sistem bank dan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras kadar faedah dalam negeri yang sesuai. Pada masa yang sama, kedudukan mudah tunai menjadi semakin ketat oleh Bank Negara Malaysia. Ini telah meningkatkan kadar faedah simpanan serta menggalakkan tabungan.
- (ii) Dalam Belanjawan 1992, Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa langkah untuk menggalakkan simpanan dalam negeri. Ini termasuklah membenarkan pembukaan cawangan baru bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bank, mengadakan perkhidmatan bergerak dan menubuhkan pondok-pondok di pusat pameran atau kompleks perniagaan. Selanjutnya, tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi dari akaun simpanan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dinaikkan daripada \$5,000 kepada \$50,000.
- (iii) Manaikkan nisbah rizab berkanun (statutory reserve ratio) bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar. Pada 15hb Ogos, 1991 nisbah rezab berkanun telah dinaikkan sebanyak satu mata peratusan kepada 7.5%. Seterusnya pada 18hb April, 1992 BNM telah mengumumkan bahawa nisbah rizab berkanun ini akan dinaikkan lagi kepada 8.5% berkuatkuasa mulai pada 2hb Mei, 1992. Usaha ini dijangka dapat menyerap lebihan mudahtunai dalam sistem urusan bank, mengurangkan pertumbuhan bekalan wang serta permintaan aggregate dan seterusnya dapat membantu meredakan tekanan inflasi.
- (iv) Mengetatkan syarat kelayakan bagi penggunaan kad kredit dan syarat-syarat pinjaman sewa-beli bagi kenderaan bermotor. Ini bertujuan mengurangkan penggunaan kredit yang tinggi oleh pengguna.
- (v) Kerajaan juga telah melonggarkan dasar pengambilan buruh asing untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Usaha ini dijangka dapat mengurangkan tekanan terhadap upah dan seterusnya paras harga dalam negeri.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi tidak akan memberi kesan sepenuhnya kiranya rakyat jelata tidak turut memberi

kerjasama dengan memainkan peranan masing-masing bagi membanteras inflasi. Ini termasuklah berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri, menambahkan tabiat menabung dan sebagainya. Saya percaya jika seliap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing kita dapat membendung innasi di negara kita pada tahap yang paling rendah.

SKIM PERKHIDMATAN JURUTERA DALAM SSB

36. Tuan Wahab bin Suhaili minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada penelitian telah dibuat dengan sewajarnya di mana di bawah "Banded Scheme", Jurutera A18 yang mempunyai tempoh perkhidmatan lima tahun (Gaji: \$1,530.00), serta memenuhi syarat di para 9(a)(i)—(v) Skim Perkhidmatan Jurutera layak dipertimbangkan oleh Ketua Perkhidmatan meningkal ke Kod Gaji A/11 (GJ1: \$2,205). Memilih SSB bererti Jurutera-jurutera yang mempunyai perkhidmatan 4 tahun 11 bulan 29 hari (bergaji \$1,470 pada 31-12-1991) akan diletakkan di Gred J3 PIT5 (Gaji \$1,521) sahaja. Sementara Jurutera-jurutera lain yang telah cukup 5 tahun perkhidmatan dan telah ditingkatkan ke Kod Gaji AU (Gaji \$2,205) akan diletakkan ke Gred J3 PIT16 (Gaji S2479). Ini jelas menunjukkan perbezaan sebanyak \$858; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada Jurutera-jurutera yang berkhidmat selama 4 tahun 11 bulan 29 hari pada 31-12-1991 itu dimasukkan ke dalam Gred J3 PIT16.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah SSB perbekalan ke skel gaji yang lebih tinggi berasaskan genap tempoh perkhidmatan 5 tahun seperti didapati dalam skim-skim perkhidmatan JKK yang disusun semula yang menggunakan pakai "banded scale" tidak lagi diperuntukkan. Keputusan prinsip ini bukan sahaja bagi Skim Perkhidmatan Jurutera tetapi juga meliputi perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Penyelidik, Pensyarah Universiti dan Pensyarah ITM. Di sebaliknya, di bawah SSB skim-skim perkhidmatan yang sedemikian memberi peruntukan kepada anggota untuk dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi selepas disahkan dalam perkhidmatan iaitu genap 3 tahun dan memenuhi lain-lain syarat yang ditetapkan. Dari segi kemajuan kerjaya, didapati lebih baik.
- (ii) Walau bagaimanapun, di bawah SSB tawaran opsyen telah diberi kepada mereka yang terlibat sama ada hendak kekal dalam skim perkhidmatan lamanya atau setuju terima syarat-syarat baru di bawah SSB (maksudnya tidak ada unsur paksaan). Bagi penyandang-penyandang yang merasakan syarat-syarat perkhidmatan di bawah JKK dahulu itu adalah lebih baik baginya, mereka boleh menolak

tawaran opsyen ke SSB dan kekal dalam skim lama serta menikmali apa juga faedah yang terdapat dalam skim perkhidmatan berkenaan. Pegawai-pegawai ini boleh memasuki SSB apabila dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi dalam skim lamanya. Bagi yang setuju terima SSB, mereka adalah tertakuih kepada syarat-syarat baru SSB yang diluluskan oleh Kerajaan.

- (iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Jurutera yang berkenaan telahpun dimaklumkan akan perbezaan faedah dalam skim lama JKK dan skim baru SSB untuk membolehkan mereka membuat pilihan.
- (b) Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kelonggaran syarat kepada Jurutera yang berkhidmat selama 4 tahun 11 bulan 29 hari pada 31-12-1991 untuk dimasukkan ke dalam Gred J3 P1T16 kerana tindakan itu tidak akan berkesudahan di situ. Ia pasti mencetuskan tuntutan yang sama daripada pegawai-pegawai lain yang hampir masuk ke lingkungan itu serta juga pegawai-pegawai daripada perkhidmatan yang sama kedudukannya.

UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA 1952—PINDAAN

37. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandangkan gantirugi yang diberi kepada mangsa kemalangan di bawah undang-undang lama dan lapuk, Pampasan Pekerja 1952 adalah terhad dan

tiada realistik. Dengan keadaan yang demikian adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji undang-undang tersebut supaya gantirugi yang diberi di bawah undang-undang itu lebih wajar dan seimbang dengan keadaan semasa, jikalau tidak, mengapa;

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Sivil Law Act 1956 yang dianggap tiada adil dan tiada selaras dengan cita-cita Kerajaan untuk membentuk masyarakat yang penyanyang yang terkandung di dalam Wawasan 2020 YAB Perdana Menteri dan kalau tidak kenapa; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pencen untuk orang tua (old age pension) pembayaran bantuan kebajikan kepada yang miskin, yang tidak berkerja, berpencen atau berpendapatan tetap, jikalau tidak kenapa.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Akta Pampasan Pekerja 1952 masih terpakai bagi golongan pekerja-pekerja yang tidak layak mendapat apa-apa pampasan mengikut peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Dengan itu adalah tidak tepat sekiranya dikatakan Undang-undang Pampasan Pekerja 1952 sudah menjadi lapuk. Ganti-rugi yang diberi di bawah Akta tersebut adalah dinilai mengikut garis yang tertentu. Pada masa ini Kerajaan berpendapat belumlah wajar undang-undang itu dipinda.
- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak ada sebarang cadangan untuk meminda Civil Law Act 1956. Konsep-konsep di bawah 2020 adalah luas dan sekiranya ada

perkembangan yang menunjukkan wajar Civil Law Act 1956 dipinda, Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

- (c) Mengenai definisi yang terdapat di dalam kamus perkataan pencen bermakna saraan yang diberi dari semasa ke semasa yang diberi oleh mana-mana majikan termasuk Kerajaan sebagai balasan setelah berkhidmat dan saraan ini diberi setelah seseorang itu bersara. Selain daripada Akta Pencen 1980 terdapat juga Employees Provident Fund (Kumpulanwang Simpanan Pekerja) 1951. Sebagai negara yang masih membangun Malaysia mungkin belum lagi berupaya membuat satu skim secara am untuk membantu orang-orang tua. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan Kerajaan telah melancarkan pelbagai skim untuk membantu rakyat miskin termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Projek Ikhtiar dan sebagainya.

BENTENG DI KAWASAN PEMBALAKAN—TINDAKAN

38. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam tempoh 1-2-1987 sehingga 19-2-1992, berapakah orang dari Negeri Sarawak telah ditangkap oleh pihak Polis sebab mereka mengambil tindakan bantahan menentang syarikat-syarikat pembalakan kayu, termasuklah tindakan mendirikan benteng-benteng, dan daripada jumlah bilangan itu, berapakah telah dihadapkan ke mahkamah, berapakah telah dipenjarakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dari tarikh 1-2-1987 hingga 29-2-1992, seramai 587 orang telah ditangkap kerana mendirikan benteng di kawasan-kawasan pembalakan yang telah

diluluskan oleh pihak Kerajaan. Daripada jumlah ini, seramai 512 orang telah dihadapkan ke Mahkamah di mana 39 orang telah didapati bersalah dan dipenjarakan.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN—BANTUAN

39. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah mereka yang mendapat bantuan daripada Tabung Pemulihan Usahawan telah berjaya memulihkan perniagaan mereka dan telah membayar balik pinjaman mereka.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat atau projek-projek yang diluluskan bantuan dari Tabung Pemulihan Usahawan adalah terdiri daripada syarikat-syarikat atau projek-projek yang bermasalah dan tenat. Oleh itu usaha pemulihan mereka adalah agak rumit dan memerlukan masa yang panjang.

Dengan demikian adalah terlalu awal bagi Kementerian Kewangan untuk melaporkan kejayaan yang telah dicapai dalam membantu usahawan-usahawan Bumiputera dibawah Tabung Pemulihan Usahawan kerana proses pemulihan ke atas syarikat atau projek berkenaan masih berjalan. Pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan proses pemulihan berjalan dengan cepat dan lancar.

Ini termasuklah mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan projek-projek di bawah Tabung Pemulihan Usahawan terutamanya dengan juruperunding-juruperunding dan institusi-institusi kewangan, untuk menentukan kedudukan ataupun kemajuan bagi setiap projek yang dibiayai di bawah

Tabung Pemulihan Usahawan. Sekiranya pelaksanaan ke atas projek-projek berkenaan didapati terlalu memakan masa, pihak Tabung Pemulihan Usahawan akan membuat penyiataan bagi mengenalpasti sebab-sebab kelewatan dan seterusnya akan mengarahkan pihak-pihak berkenaan supaya mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mempercepatkan pelaksanaan pemulihan kes-kes tersebut.

Selakat 31 Mac 1992, sejumlah 386 permohonan telah diluluskan untuk bantuan berjumlah 5646.64 juta di bawah Tabung Pcmulihan Usahawan. Dari jumlah itu, sejumlah \$419.58 juta telah dikeluarkan kepada 325 pemohon yang berjaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini 14 pemohon yang mendapat bantuan di bawah Tabung ini telah berjaya menyiapkan projek mereka. Pembayaran balik pinjaman pula adalah sebanyak \$9.67 juta yang melibatkan 31 pemohon. Jumlah bayaran balik itu adalah dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut kemajuan pemulihan projek.

LEMBAGA PENAPISAN FILEM— GARISPANDUAN

40. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan telah mewujudkan suatu garispanduan kasar terhadap Lembaga Penapisan Filem (LPF) untuk mencegah filem-filem yang bercorak seks, hantu dan jenayah daripada disiartontonkan;
- (b) jelaskan istilah 'Seks', 'Haniu' dan 'Jenayah' dengan tafsiran yang lebih terperinci dalam konteks garispanduan Lembaga Penapisan Filem; dan
- (c) nyatakan jumlah kakilangan Lembaga Penapisan Filem dan dengan jumlah ini apakah cukup untuk melaksanakan kerja-kerja penapisan sepanjang tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Garis panduan penapisan filem telah lama wujud dan digunakan oleh ahli-ahli LPF dalam menjalankan tugas harian mereka.
- (b) Tidaklah perlu saya jelaskan istilah 'seks', 'hantu' dan 'jenayah' dalam garispanduan tersebut kerana dalam penapisan filem perkara utama yang mesti diberi tekanan adalah kesan keseluruhan filem tersebut kepada penonton-penonton dan adakah ia memberi apa-apa pengajaran/pendidikan,
- (c) Sekarang terdapat 24 orang Ahli LPF dan jumlah ini akan ditambah kepada 32 orang mulai 1 Jun 1992 ini. Jumlah ini adalah memadai untuk melaksanakan tugas-tugas yang ada sekarang dan sekiranya keadaan memerlukan bilangan ini akan ditambah masa yang akan datang.

KUALA LUMPUR DAN LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN—KRITERIA

41. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang diambil kira sewaktu mengisytiharkan Kuala Lumpur dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan;
- (b) apakah benar dengan berita yang menyatakan bahawa kawasan perindustrian di sekitar Kerteh dan Kemaman, Terengganu akan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan; dan
- (c) sekiranya benar, apakah kriteria terhadap keputusan tersebut dan adakah Kerajaan Negeri Terengganu merestuinnya. Sekiranya tidak benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menafikan berita tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Suleiman bin Mohamad):

- (a) Kriteria-kriteria yang diambil-kira sewaktu mengisytiharkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:
- (i) Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia dan kedudukannya di tengah-tengah Semenanjung menjadikan Kuala Lumpur mudah dihubungi dari seluruh pelusuk negara.
 - (ii) Kuala Lumpur adalah pusat pemerintahan, pentadbiran, perniagaan dan kewangan. Adalah wajar Kuala Lumpur ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan.
 - (iii) Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang maju setaraf dengan Bandaraya-bandaraya maju lain di dunia. Oleh itu pembangunan ke arah ini adalah lebih mudah sekiranya Kuala Lumpur adalah Wilayah Persekutuan.
 - (iv) Kuala Lumpur ditadbirkan oleh satu perbadanan tunggal (sole corporation) iaitu Perbandaran Ibu Kota sejak 1-4-1969 lagi dan mempunyai kuasa otonomi dalam hal-hal kewangan. Untuk memperluaskan lagi pentadbiran secara ini maka haruslah ditubuhkan Wilayah Persekutuan supaya komplikasi dari segi undang-undang tidak timbul.

Pihak Kerajaan tidak mempunyai kriteria-kriteria tertentu sewaktu mengisytiharkan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Labuan dipilih untuk diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan kerana Kerajaan Persekutuan mendapat tawaran dari Kerajaan Negeri Sabah untuk menyerahkan Pulau Labuan kepada Kerajaan. Kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat-syarat yang termaktub dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan,

- (b) Setakat ini adalah tidak benar dengan berita yang menyatakan bahawa kawasan perindustrian di sekitar Kerteh dan Kemaman, Terengganu akan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan.

**JABATAN PENDAFTARAN
NEGARA—BILANGAN
KAKITANGAN**

42. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh negara amnya dan Petaling Jaya, Persiaran P. Ramlee dan Jinjang Utara khasnya. Berapakah kakitangan akan ditambahkan bagi tahun-tahun 1992, 1993, 1994 dan 1995. Apakah usaha untuk meningkatkan kualiti dan ihtijamnya. Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan kelewatan mengeluarkan kad pengenalan baru selain daripada masalah awalan (teething trouble).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara bagi seluruh negara ialah seramai 2,229 orang. Di Ibu Pejabat Petaling Jaya seramai 800 orang. Wilayah Persekutuan (Persiaran P. Ramlee) 74 orang dan Kepong (Jinjang

Utara) 7 orang. Jabatan Pendaftaran Negara akan mengambil kakitangan tambahan seramai 600 orang mulai Mei 1992.

Dari masa ke semasa Jabatan mengambil dayausaha bagi meningkatkan kualiti dan ihtijamnya. Di antaranya ialah memberi latihan kepada kakitangan untuk meningkatkan kemahiran dan pemahaman tugas dan mempertingkatkan sistem dan proses pengeluaran kad pengenalan.

Di antara faktor-faktor utama menyebabkan kelewatean pengeluaran kad pengenalan baru ialah:

- (i) masalah kakitangan yang masih belum mencukupi di unit prosesan berbanding dengan jumlah permohonan yang sentiasa bertambah;
- (ii) masalah pemohon yang tidak mengemukakan dokumen sokongan semasa membuat permohonan. Ini menyebabkan permohonan tersebut akan dikui di mana permohonan itu dibuat dan ianya mengambil masa.

(Soalan No.43—Sila lihat jawapan kepada soalan No.2)

KAD PENGENALAN BERMUTU TINGGI—ARAHAN TAKLIMAT

44. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Kementerianya telah mengeluarkan satu arahan bertulis bertarikh 24-2-92 supaya semua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri tidak mengadakan taklimat mengenai pertukaran kad pengenalan bermutu tinggi kepada pihak pembangkang, jika ya, apakah sebabnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian tidak ada mengeluarkan arahan sedemikian pada tarikh yang disebutkan itu.

BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA—PERBEZAAN

45. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa rakyat kita dibezakan sebagai 'Bumiputera' dan 'bukan Bumiputera' merupakan halangan terbesar untuk mencapai Wawasan 2020. Jika ya, bilakah perbezaan ini dibasmikan; dan
- (b) apakah Wawasan 2020 bererti bahawa pada masa itu negara kita hanya tinggal satu bangsa, satu bahasa dan satu agama. Jika ya, apakah erti tiga 'satu' ini.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Nampaknya Ahli Yang Berhormat sampai hari ini masih keliru dengan pendekatan yang diamalkan oleh Kerajaan berkaitan dengan kumpulan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Pendekatan yang berasaskan kedudukan Bumiputera dan bukan Bumiputera yang dilaksanakan oleh Kerajaan selama ini sebenarnya bukanlah dengan niat untuk sengaja membezakan rakyat Malaysia dalam kumpulan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Ahli Yang Berhormat sebagai rakyat negara ini tentu sedia maklum masalah-masalah perbezaan ekonomi dan ketidakseimbangan yang dialami di kalangan kaum-kaum di negara ini. Oleh kerana kaum Bumiputera telah dikenalpasti sebagai kumpulan yang ketinggalan dalam banyak bidang kemajuan, kepentingan mereka diketengahkan semata-mata dengan hasrat untuk memastikan mereka mendapat perhatian dan bantuan yang

sewajarnya. Matlamat jangka panjang di sebalik pendekatan ini ialah untuk membolehkan kaum Bumiputera bergerak maju bersama-sama rakan bukan Bumiputera mereka secara adil dan saksama dalam arus pembangunan ekonomi negara. Atas prinsip ini sahajalah, pendekatan Bumiputera dan bukan Bumiputera diamatkan oleh Kerajaan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Pelaksanaan DEB selama 20 tahun membuktikan bahawa terdapat kemajuan yang positif dan lebih jelas berikutan dari pendekatan ini, dan oleh kerana itulah ianya kini diteruskan di bawah Dasar Pembangunan Nasional. Sama-samalah kita berharap supaya keseimbangan ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera ini akan tercapai menjelang tahun 2020 dan dari itu, pendekatan dasar-dasar negra yang tertentu tidak perlu lagi diasaskan kepada kepentingan kumpulan Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

- (b) Bukanlah menjadi hasrat Wawasan 2020 supaya Malaysia mempunyai satu bangsa, satu bahasa dan satu agama seperti yang difahami oleh Yang Berhormat. Wawasan 2020 tidak pun menyebut soal tiga 'satu' yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Apa yang dimaksudkan ialah menjelang tahun berkenaan, kita berjaya mewujudkan sebuah "Bangsa Malaysia" yang bersatu padu, mempunyai nilai-nilai moral dan etika yang utuh, mampu bersaing, dinamik dan kukuh serta mempunyai daya ketahanan. Dengan wujud sepenuhnya nilai-nilai ini maka setiap rakyat Malaysia akan benar-benar

menghayati dan mengamalkan sikap dan nilai yang sejajar dengan konsep negara Malaysia sebagai negara maju dalam semua aspek pembangunan.

Sesungguhnya di samping rakyat Malaysia dikenali sebagai bangsa Malaysia, 'keethnikan' dan kebebasan agama mereka tetap terpelihara.

SETINGGANDAN T.O.L.— JUMLAH

46. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) populasi penduduk setinggan di Malaysia pada hari ini;
- (b) berapa ramai yang memiliki T.O.L, dan berapa ramai lagi yang tidak memilikinya;
- (c) apa yang dilakukan oleh Kerajaan dalam usaha membekalkan rumah yang sesuai untuk rakyat Malaysia sedemikian; dan
- (d) adakah Kerajaan pertimbangkan untuk memperkenalkan satu undang-undang untuk memastikan penduduk-penduduk di bandar diberi gantirugi yang sewajarnya apabila mereka diarahkan berpindah.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dalam sesi-sesi Parlimen yang lalu saya telah menerangkan bahawa isu setinggan dan lesen TOL adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Kerajaan Persekutuan memang bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri mengendalikan program Perumahan Awam Kos Rendah.

Di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, perkara setinggan diberi perhatian oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bukanlah merupakan amalan

DBKL memberi pampasan kepada setinggan yang terpaksa dipindahkan. Sebaliknya DBKL menawarkan mereka tempat tinggal di rumah panjang atau rumah pangsa yang dibina oleh DBKL.

**KAMPUNG BARU—
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

47. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dipohon oleh pihak Kementerian untuk pembangunan kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan jumlah keseluruhan yang diluluskan;
- (b) adakah pihak Kementerian bersetuju dan memohon bahawa kampung-kampung baru patut diberikan satu pertiga dari jumlah wang pembangunan yang diperuntukkan untuk pembangunan luarbandar kerana satu pertiga dari penduduk luar bandar adalah terdiri dari penduduk kampung baru seperti yang diprjuangkan dalam Rancangan Perpaduan Negara yang diluluskan oleh MCA dalam Oktober 1989; dan
- (c) adakah pihak MCA atau Gerakan membuat sebarang permohonan khas yang disebutkan di atas.

Dato' Dr Teng Chew Peh:

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon jumlah wang sebanyak \$285.6-juta untuk kemajuan kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai "Kampung Baru". Berdasarkan kepada kriteria dan panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan seperti agensi-agensinya melaksanakan projek-projek di kampung-kampung tersebut,

kamampuan hasil Kerajaan pada keseluruhannya, keperluan dan keutamaan projek-projek, kemampuan dari segi pelaksanaan seperti tenaga kerja, kepakaran teknikal dan sebagainya, maka jumlah wang yang dapat diagihkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sebanyak \$21.6 juta untuk membiayai projek-projek kecil seperti pembinaan dan kemudahanjalan, longkang, parit dan balai raya. Walau bagaimanapun, kampung-kampung baru ini juga mendapat peruntukan daripada agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya, dari semasa ke semasa.

- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bersetuju dengan kaedah pemberian peruntukan pembangunan berasaskan jumlah penduduk seperti yang dicadangkan itu. Pengagihan peruntukan pembangunan kini berdasarkan kepada keperluan serta keutamaan projek, khususnya di kampung-kampung yang mundur sekali.
- (c) Pihak MCA dan Gerakan sentiasa membuat permohonan peruntukan bagi membangun dan memajukan kampung-kampung baru, melalui Wakil-wakil Rakyat mereka.

**SEKOLAH AGAMA RAKYAT—
BILANGAN**

48. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) nyatakan bilangan Sekolah-sekolah Agama Rakyat atau persendirian dan jumlah murid-muridnya di seluruh negara;

- (b) apakah bentuk kawalan yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap sekolah-sekolah tersebut;
- (c) bagaimana Kerajaan dapat memastikan bahawa sekolah-sekolah tersebut benar-benar berfungsi berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara; dan
- (d) adakah Kerajaan Negeri menyedari hakikat bahawa segelintir daripada sekolah-sekolah tersebut telah dieksploitasi sebagai kubu kegiatan pusat penentangan terhadap Kerajaan dan apakah tindakan yang diambil untuk menangani fenomena ini.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun, 1991, bilangan sekolah agama rakyat di seluruh negara berjumlah 161 buah. Manakala bilangan murid-muridnya berjumlah 56,217 orang.
- (b) & (c) Untuk memastikan supaya sekolah-sekolah agama rakyat ini terkawal dan berfungsi selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, sekolah-sekolah ini diwajibkan berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri ataupun Kementerian Pendidikan. Selain daripada itu Kerajaan mengawal sekolah-sekolah ini dari segi kurikulum. Kurikulumnya adalah diselaraskan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Penuntut-penuntut sekolah agama rakyat juga boleh mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan di samping mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah yang berkenaan.

- (c) Setakat ini Kerajaan tidak menerima sebarang maklumat atau pengaduan yang menyatakan sekolah-sekolah ini dieksploitasikan bagi menentang Kerajaan.

**KEBAKARAN SEKOLAH AGAMA
TAUFIQIAH KHAIRIAH AL-
HALIMIAH, YAN**

49. Tuan Fung Kui Lun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah hasil siasatan Suruhanjaya DiRaja mengenai keselamatan sekolah dan hasil laporan siasatan kebakaran Sekolah Agama Taufiqiah di Yan, Kedah dan apakah cadangan yang dikemukakan untuk dilaksanakan oleh sekolah-sekolah seluruh negara.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telahpun mengumumkan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (Jilid 1) berhubung dengan tragedi kebakaran Sekolah Agama Taufiqiah Khairiah Al-Halimiah, Yan, Kedah. Hasil siasatan boleh didapati dalam laporan tersebut,

Mengenai cadangan keselamatan sekolah bagi dilaksanakan oleh sekolah-sekolah di seluruh negara, ianya adalah terkandung di dalam Laporan Jilid 2 Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai keselamatan sekolah. Saya difahamkan laporan tersebut telahpun selesai disediakan dan kini dalam proses percetakan. Laporan tersebut akan dikemukakan kepada Kerajaan sebaik sahaja percetakannya selesai.

**KOD ETIKA BAGI PEMIMPIN
POLITIK**

50. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu kod etika bagi pemimpin politik sesuai dengan cadangan mengadakan kod etika bagi Raja-Raja.

Tuan Othman bin Abdul: Saya telahpun menjawab soalan yang hampir sama maksudnya dengan soalan Yang Berhormat dari Kok Lanas ini semasa menjawab soalan No.32 oleh Yang Berhormat dari Kepong pada hari Selasa, 28 April, 1992. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

FELCRA/FELDA/RISDA DI SARAWAK—JUMLAH PROJEK

51. Tuan Robert Lau Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah Lembaga Penyata dan Pemulihan Tanah Negara (FELDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang mana telah berjaya dibangunkan di Sarawak dan berapa banyakkah penduduk-penduduk di Sarawak yang telah menikmati dan berapa banyakkah perbelanjaan setakat ini telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) jumlah kos dan lokasi projek-projek FELCRA, FELDA dan RISDA telah diadakan serta apakah projek-projek lain yang akan dijalankan di dalam Rancangan Malaysia Keenam di Sarawak dan beberapa banyakkah penduduk-penduduk yang akan memperolehnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari); FELDA dan FELCRA mempunyai projek-projek di negeri Sarawak tetapi pihak RISDA tidak beroperasi di negeri tersebut. Program pembangunan tanah FELCRA di negeri Sarawak adatah tertumpu kepada program pemulihan. Sehingga 1991

pencapaian FELCRA di Sarawak adalah seluas 7,804 hektar (19,283.6 ekar) seperti jadual di bawah:

<i>Jenis Tanaman</i>	<i>Luas (Hektar)</i>
Getah	183
Kelapa sawit	4,460
Koko	2,073
Lain-lain	1,088
	7,804

Sehingga Disember 1991, jumlah projek FELCRA di Sarawak ialah sebanyak 33 projek termasuk 11 projek di peringkat perancangan. Perbelanjaan bagi projek-projek tersebut ialah \$18.39 juta. Jumlah peserta-peserta pula ialah seramai 1,805 orang. Mengenai lokasi pula kebanyakan projek-projek tersebut terdapat di kawasan-kawasan Sibu, Kalaka, Sri Aman, Samarahan, Sankei dan Siburan. Bagi rancangan Malaysia Keenam pula sebanyak \$ 14.27 juta telah diperuntukkan bagi FELCRA memajukan kawasan seluas kira-kira 9,660 hektar.

FELDA pula telah membangunkan 6 buah rancangan dengan keluasan 7,997 hektar. Rancangan-rancangan berkenaan masih lagi di berbagai peringkat pembangunan. Oleh yang demikian, penempatan pekerja di rancangan-rancangan ini yang dianggarkan seramai 980 belum lagi dilaksanakan. Jumlah yang telah dibelanjakan oleh FELDA sehingga Disember 1991 ialah sebanyak \$26.753 juta.

Lokasi bagi 6 rancangan FELDA tersebut ialah di Daerah Lundu, Bahagian Kuching dan rancangan-rancangan tersebut dikenali sebagai Sampadi 1 hingga Sampadi 6. Perbelanjaan pembangunan sehingga Disember 1991 bagi rancangan-rancangan tersebut ialah \$26.753 juta. Bagi Rancangan Malaysia Keenam tidak ada kawasan baru yang akan dimajukan oleh FELDA. FELDA akan menjayakan rancangan-rancangan yang sedia ada.

ASEAN—SEMANGAT SETIAKAWAN

52. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menleri Luar Negeri memberitahu setakat manakah berjayanya semangat setiakawan "ASEAN" yang dilaung-laungkan selama ini dan adakah usaha-usaha yang tidak berkesan untuk memulihkan keadaan politik Kemboja itu akan diteruskan oleh rakan-rakan ASEAN yang lain. Adakah Malaysia berjaya untuk menjadi orang tengah dalam semua hal mengenai keamanan di rantau Asean termasuk pelarian Islam dari Myanmar ke Bangladesh.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Keutuhan dan semangat setiakawan ASEAN yang kukuh memang sentiasa wujud semenjak penubuhannya. Fenomena ini dapat dilihat seperti di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN di Singapura pada Januari yang lalu, di mana beberapa dayausaha setiakawan ASEAN itu di bidang politik-keselamatan, ekonomi dan functional jelas kelihatan.

Sehubungan dengan ini, anggota-anggota negara ASEAN telah bersetuju bersama untuk meningkatkan kerjasama politik dan keselamatan melalui penyertaan negara-negara Asia Tenggara dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama dan Pengwujudan Awal Zon Aman, Bebas dan Berkecuali dan Zon Bebas Senjala Nuklear; menubuh satu Kawasan Dagangan Bebas ASEAN (AFTA) berasaskan kepada Tarif Keistimewaan Samarata (CEPT) dalam tempoh 15 tahun serta menerima prinsip-prinsip asas EAEC dan pengesahannya sabagai satu projek ASEAN; dan mengubahsuai institusi-institusi ASEAN dan mengukuhkan Urusetia ASEAN, demi untuk meningkatkan lagi keutuhan ASEAN.

Semangat setiakawan ASEAN yang kukuh ini juga terbukti di dalam usaha-usaha ASEAN mencari penyelesaian politik yang menyeluruh di Kemboja.

Semenjak pencerobohan Vietnam ke atas Kemboja, ASEAN dan beberapa negara tertentu telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mencari penyelesaian kepada pergolakan di Kemboja di peringkat antarabangsa dan serantau sehingga termeterinya Perjanjian Damai Kemboja pada 23hb Oktober 1991.

Untuk menyokong proses perdamaian ini, Malaysia, negara-negara ASEAN yang lain dan beberapa negara tertentu telah lurut serta di dalam pelaksanaan perjanjian itu melalui "United Nations Advance Mission in Cambodia", (UNAMIC) dan "United Nations Transitional Authority in Cambodia" (UNTAC). Sokongan masyarakat antarabangsa terutamanya negara-negara jiran di rantau ini dan kerjasama sepenuhnya antara puak-puak Kemboja adalah sangat perlu untuk mencapai perdamaian dan kestabilan di Kemboja dan seterusnya pilihanraya umum diadakan dan Kerajaan baru ditubuhkan di negara itu. Setakat ini nampaknya pihak-pihak yang berkenaan menunjukkan kesediaan untuk berbuat demikian. Usaha-usaha tersebut di atas jelas membuktikan komitmen negara-negara anggota ASEAN membantu memulihkan semula keadaan di Kemboja. ASEAN akan terus bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara lain bagi membantu Kemboja dalam proses perdamaian ini dan usaha pemulihan dan pembangunan semula negeranya.

Malaysia berpegang teguh kepada prinsip hubungan baik antara semua negara di rantau ini untuk menjamin keamanan dan kestabilan yang berkekalan. Sekiranya timbul sebarang masalah, ianya hendaklah diselesaikan melalui rundingan secara aman untuk menghindari sebarang salah faham dan ketegangan. Dalam hal ini, Malaysia sentiasa bekerjasama dengan negara-negara lain untuk menjaga keamanan di rantau ini dan di mana perlu menjadi

orang tengah untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Setakat ini Malaysia telah berjaya memainkan peranannya dengan baik.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah mengambil pendirian yang tegas terhadap isu pelarian orang Islam Myanmar. Negara-negara ASEAN, OIC dan dunia antarabangsa juga telah menyatakan pendirian masing-masing yang sudah tentu telah diambil perhatian oleh Kerajaan Myanmar. Kita ingin melihat Myanmar dan Bangladesh menyelesaikan isu pelarian orang Islam ini secara dua hala. Dalam hubungan ini, kita mengalu-alukan perbincangan yang telah berlangsung di antara kedua buah negara baru-baru ini dan kata sepakat yang telah tercapai untuk menyelesaikannya.

TARIKH PUASA DAN HARIRAYA—PENYELARASAN

53. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan penyelarasan puasa dan Hari Raya Puasa bagi negara-negara ASEAN:

- (a) sila huraikan kaedah-kaedah syarak yang menjadi sandaran kepada langkah itu;
- (b) sejauhmana perlaksanaannya di setiap negara yang terlibat;
- (c) bagaimana dalam menentukan tarikh Hari Raya pihak Indonesia telah membuat pengumuman sebelum merundingkan dengan pihak Malaysia. Adakah maklumat itu benar; dan
- (d) adakah pelaksanaan penyelarasan baru-baru ini satu percubaan dan adakah ia akan diteruskan atau sebaliknya bergantung kepada perkembangan selanjutnya.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Penyelarasan penentuan awal Ramadan dan awal Syawal bagi negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura adalah dibuat berdasarkan hukum syarak. Mengikut kaedah syarak jikalau anak bulan dapat dirukyah di mana-mana negara yang berada dalam satu matlak ianya boleh diterima pakai oleh negara-negara tersebut. Dalam hubungan ini negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura adalah terletak dalam satu matlak yang sama. Nas-nas hadith yang menjadi asas bagi penggubalan kaedah tersebut adalah berdasarkan hadith-hadith yang bermaksud seperti berikut:

"Jangan kamu berpuasa sebelum melihat hilal dan jangan kamu berbuka (Hari Raya) sehingga kamu melihatnya. Maka apabila bulan itu ditutup awan maka kamu hitunglah (takdirkanlah) malam itu".

Hadith tersebut diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.

Dan Hadith yang lain bermaksud:

"Apabila kamu melihat hilal maka puasalah kamu dan apabila melihat lagi (bulan berikutnya) maka berbukalah, sekiranya bulan ditutup awan maka puasalah 30 hari".

Diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Imam Ahmad Ibnu Hambal.

- (b) Mengenai soalan peranggan (b), keempat-empat negara anggota Pertemuan Tahunan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura telah

bersetuju jika anak bulan dapat dirukyah di mana-mana tempat dalam mana-mana negara anggota ia boleh diterima pakai oleh keempat-empat negara tersebut dalam penetapan awal Ramadan dan awal Syawal. Untuk memastikan pelaksanaan ini sebuah Jawatankuasa Tetap-Penyelarasan Rukyah dan Taqwim Islam Antara Empat Negara Islam ditubuhkan.

- (c) Mengenai soalan (c), sebenarnya di Republik Indonesia, penetapan awal Ramadan dan Hari Raya Puasa di negara itu dibuat oleh Badan Hisab dan Rukyah Department Agama Republik Indonesia dan juga pertubuhan-pertubuhan yang mendapat pengiktirafan masyarakat dan pemerintah. Penemuan dan pengamatan dari semua agensi itu digabungkan dan hasilnya akan diguna pakai oleh pemerintah dalam membuat penentuan awal bulan Ramadan atau Syawal. Pengumuman awal yang dibuat oleh pihak Department Agama Republik Indonesia sebenarnya menyatakan tarikh melihat anak bulan Syawal. Oleh kerana pada tahun ini mengikut perkiraan hisab anak bulan tidak boleh kelihatan maka pakar astronomi botech mengagakkan yang Hari Raya Puasa akan jatuh pada hari 5hb April, 1992. Ini disebabkan pada saal matahari terbenam pada 3hb April 1992 hilal masih di bawah ufuk.
- (d) Mengenai soalan perenggan (d), pelaksanaan penyelarasan penetapan awal Ramadan dan Syawal bagi negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang. Kaedah ini juga akan dapat mewujudkan semangat setiakawan antara negara-negara jiran yang memang telah terjalin rapat.

KETUA TEMPAT MENGUNDI— BIDANGKUASA

54. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan berikutan keputusan hakim dalam kes petisyen pilihanraya kecil kawasan Bukit Payong, Terengganu:

- (a) adakah langkah-langkah wajar diambil untuk memastikan supaya Ketua Tempal Mengundi sentiasa tepat dalam menggunakan budi-bicaranya dan dengan demikian keputusannya tidak diragui lagi;
- (b) Apakah bidang-bidang yang Ketua Tempat Mengundi boleh putuskan dan apa yang tidak boleh mereka putuskan;
- (c) adakah SPR mulai sekarang akan menempatkan doktor-doktor di setiap tempat mengundi bagi memastikan orang-orang uzur benar-benar tidak dapat melakukan tanggungjawabnya dan boleh tugasnya diwakilkan kepada orang lain; dan
- (d) jika tidak, apakah langkah bagi mengatasi masalah pengundi uzur bila berbangkit kelak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):

- (a) Bidangkuasa Ketua Tempat Mengundi ketika pilihanraya ada diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981.
- (b) Perkara-perkara ini juga ada diperuntukkan dalam Peraturan yang dinyatakan di atas.
- (c) SPR tidak bercadang untuk menempatkan doktor atau pegawai perubatan di tempat-tempat mengundi kerana ini tidak diperlukan oleh undang-undang.

- (d) Perkara ini ada diperuntukkan dalam Peraturan 19(7)Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981. Di samping itu satu borang khas disediakan untuk ditandatangani oleh agen-agen tempat mengundi sebelum wakil seseorang pemilih yang uzur atau tidak berdaya dibenarkan mengundi bagi pihak pemilih tersebut.

**KONSEP ZOPFAN DAN ZON
BEBAS NUKLEAR—PENDIRIAN
MALAYSIA**

55. Tuan Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesediaan Amerika Syarikat bersedia mengiktiraf untuk menjadikan rantau ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan Zon Bebas Nuklear; dan
- (b) memandangkan Singapura akan menjadi pengkalan untuk tentera Amerika, apakah terdapat jeminan Singapura bahawa kepalterbang berkuasa nuklear dan yang dilengkapkan dengan senjata nuklear tidak dibenarkan sama sekali menggunakan pengkalan di Republik tersebut sebagai menghormati prinsip ZOPFAN dan Bebas Nuklear di rantau ini. Jika tiada jaminan Singapura, apakah langkah Malaysia seterusnya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Pendirian Malaysia mengenai tawaran Singapura untuk memberi kemudahan ketenteraan kepada Amerika Syarikat adalah jelas sepertimana yang pernah saya sampaikan di Dewan yang mulia ini pada 6-2-1991 dan 12-12-1989 dan juga dalam kenyataan-kenyataan akhbar mengenainya.

Tawaran Singapura itu tidak melibatkan penubuhan pengkalan tetap Amerika Syarikat. Malaysia telah diberitahu oleh Singapura dan Amerika Syarikat mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, ia tidak bertentangan dengan konsep ZOPFAN.

- (b) Sesuai dengan pendirian Malaysia yang menentang adanya senjata nuklear, Malaysia juga tidak bersetuju dengan kehadiran kepalperang nuklear di rantau ini. Saya percaya pendirian ini difahami oleh Singapura.

**GURU BAHASA IBAN—LATIHAN
DI MAKTAB PERGURUAN**

56. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah guru Bahasa Iban yang lelah mengajar bahasa Iban di Sekolah Menengah dan Rendah di Sarawak dan adakah mereka diberi latihan atau kursus di Maktab Perguruan untuk mengajar matapelajaran tersebut; dan
- (b) adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa buku teks bahasa Iban bagi kegunaan Sekolah Rendah dan Menengah masih belum mencukupi. Adakah Kementerian bercadang memberi peruntukan khas untuk membekalkan buku teks tersebut.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru bahasa Iban di Sekolah Menengah dan Rendah di Sarawak adalah seperti berikut:
- (i) Sekolah Rendah=846 orang
 - (ii) Sekolah Menengah=126 orang

Pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak ada memberikan latihan atau kursus untuk mengajar bahasa Iban di Maktab-maktab Perguruan. Bagaimanapun, di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, pihaknya ada membantu Persatuan Guru-guru Bahasa Iban Sarawak mengendalikan Kursus Pengajaran Pembelajaran Bahasa Iban bagi guru-guru yang memerlukannya.

- (b) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menyediakan buku-buku teks Bahasa Iban untuk kegunaan peringkat sekolah menengah dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, buku-buku teks bahasa Iban yang telah diterbitkan setakat ialah satu judul untuk Tingkatan 1 dan satu judul lagi untuk Tingkatan 2. Kedua-dua buku tersebut telahpun dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks dan diedarkan kepada semua pelajar yang mengambil mata pelajaran ini. Selain itu, pada masa ini pihak Kementerian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sedang dalam proses menyediakan buku teks bahasa Iban untuk Tingkatan 3.

INDIAN OIL CORPORATION- PETRONAS—MENGgantUNG PEMBELIAN MINYAK

57. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Indian Oil Corporation (IOC) telah mengambil keputusan menggantung pembelian minyak dari PETRONAS:

- (a) kenapakah pihak India berbuat demikian. Adakah pihak Malaysia dirundingkan terlebih dahulu sebelum keputusan dibuat. Berapakah jumlah minyak yang dibekalkan oleh PETRONAS menurut perjanjian dengan IOC;
- (b) adakah PETRONAS menanggung kerugian berikutan dengan pergantungan itu. Jika ya, banyak mana kerugian yang ditanggung; dan
- (c) tidakkah Malaysia bercadang untuk mengambil tindakan menggantung terus penjualan minyak PETRONAS ke India sebagai mengenakan tekanan terhadap India yang menindas umat Islam Kashmir.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini PETRONAS dan anak syarikatnya, PETRONAS Trading Corporation Sdn. Bhd. mempunyai 3 kontrak untuk membekalkan minyak kepada Indian Oil Corporation (IOC). Oleh itu kenyataan baliawa IOC telah menggantung pembelian minyak daripada PETRONAS adalah tidak benar. Dengan demikian, soalan-soalan seterusnya oleh Yang Berhormat tersebut tidak berkaitan.

TUDM—KEUPAYAAN PERTAHANAN UDARA

58. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian telah dibuat oleh Kementerian untuk meningkatkan keupayaan pesawat-pesawat pejuang TUDM berikutan dengan kelemahan yang begitu ketara yang dialami oleh pesawat pejuang jenis

- " Skyhawk yang sering terhempas. Dalam hubungan ini, adakah Kerajaan bercadang membeli pesawat-pesawat terkini dan peluru-peluru berpandu darat ke udara terancang untuk melengkapkan TUDM dengan persenjataan udara yang terbaik di rantau ini;
- (b) adakah benar Malaysia bercadang membeli pesawat pejuang MIG-29 Fulcrum dari CIS. Jika benar, apakah yang menjadi alasan dan keperluan untuk membeli pesawat pejuang Russia tersebut sedangkan terdapat laporan Asian Defence Journal menyebut bahawa MIG-29 kurang berkesan dalam Perang Teluk. Jika tidak, apakah alternatifnya; dan
- (c) apakah penjelasan Kerajaan bahawa berbanding dengan kelengkapan pesawat pejuang dan sistem senjata udara Singapura, negara kita masih terkebelakang dengan republik kecil tersebut padahal Malaysia mempunyai ruang udara dan perairan yang lebih luas serta menghadapi permasalahan pertikaian wilayah yang lebih mencabar dengan negara-negara serantau yang berjiran.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Selaras dengan matlamat Dasar Pertahanan Negara, TUDM diperlukan untuk meningkatkan keupayaan pertahanan udara melalui kelengkapan canggih. Proses pemodenan ini termasuk pembelian pesawat dan sistem-sistem yang lebih mantap. Ini dirancangkan berperingkat-peringkat dan dilaksanakan

tertakluk kepada kemampuan negara dan keadaan keselamatan serantau.

- (b) Adalah benar bahawa MIG 29 adalah di antara pesawat yang sedang dikaji. Bagaimanapun, keputusan adalah tertakluk kepada keupayaan sistetn, persenjataan dan bantuan senggaraan dan lojistik, termasuk penglibatan industri tempatan. Semua ini akan dianalisa sebelum apa-apa keputusan dibuat.
- (c) Keupayaan sesuatu negara adalah berkaitan dengan dasar dan matlamat umum sesebuah negara. Begitu juga kekuatan pertahanan bergantung kepada elemen-elcmen politik, ekonomi, sumber dan lain-lain. Pertahanan adalah satu daripada clemen-elemen negara. Dasar kita adalah untuk membangun berperingkat-peringkat.

**MADRASAH TAUFIQIAH
KHAIRIAH HALIMIAH, VAN,
KEDAH—LAWATAN Y.A.B.
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

59. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah masih berhasrat untuk melawat Madrasah Taufiqiah Khairiah Halimiah Padang Lumat, Yan, Kedah dan akan membuat rayuan dari pihak sekolah tersebut supaya lawatan boleh dilakukan; dan
- (b) sebab-sebab mengapa jadual kunjungan ke sekolah tersebut disiarkan secara meluas sebelum pihak sekolah membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melawat sekolah berkenaan jika perlu,
- (b) Berita cadangan lawatan ke mana-mana tempat oleh seseorang Menteri biasanya menjadi bahan berita pihak media massa dan siaran yang dibuat itu adalah tidak bercanggah dengan undang-undang.

**RUANG UDARA SELATAN
MALAYSIA—PERATURAN
PENGGUNAAN**

60. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan tindakan dan pendirian Kerajaan sekarang mengenai peraturan penggunaan ruang udara negara ini bagi latihan oleh tentera udara negara asing berikutan dengan kerapnya penggunaan ruang udara di selatan Malaysia yang digunakan untuk latihan tentera udara asing dan berlakunya banyak kejadian kemalangan pesawat udara tentera yang terhempas dan mengancam keselamatan awam.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dimaklumkan bahawa ruang udara di selatan Malaysia digunakan oleh pesawat tentera asing untuk laluan ke kawasan latihan di Laut China Selatan. Selain dari itu, pesawat-pesawat yang berlepas dan mendarat di pangkalan-pangkalan Paya Lebar dan Tengah terpaksa melalui kawasan selatan Johor kerana kedudukan tempat yang berhampiran.

Kementerian Pertahanan telahpun mengambil tindakan menghadkan laluan ke Luar China Selatan kepada pesawat Tentera Udara Singapura sahaja. Pesawat-pesawat tentera dari negara lain yang berpangkalan di Singapura tidak dibenarkan menggunakan laluan ini.

Dimaklumkan juga untuk pesawat berlepas dan mendarat di pangkalan Paya Lebar dan Tengah, Kementerian Pertahanan telah mengemukakan cadangan peraturan baru yang mana Kabinet telahpun mengambil maklum dan mengarahkan Kementerian Pertahanan membincangkan peraturan baru ini dengan pihak Singapura.

**PINJAMAN PERUMAHAN
SECARA ISLAM—
PELAKSANAAN**

61. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan meluaskan pembiayaan membeli rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan mengikut prinsip 'Al-'Bai Bithaman 'ajil dan sekiranya tidak, mengapa;
- (b) bilangan Bank dan Institusi Kewangan yang mengeluarkan pinjaman cara Islam; dan
- (c) implikasi terhadap kedudukan kewangan Kerajaan sekiranya semua Institusi Kewangan mengamalkan sistem ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman;

- (a) Kerajaan mengkaji cadangan melaksanakan skim pembiayaan membeli rumah mengikut prinsip 'Al-'Bai Bithman 'Ajil.
- (b) Pada masa ini, selain daripada Bank Islam Malaysia Berhad, tidak ada institusi kewangan lain yang menjalankan sepenuhnya urusan pinjaman secara Islam.
- (c) Pelaksanaan sistem pinjaman secara Islam oleh institusi-institusi kewangan di negara ini tidak akan menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan. Ini adalah kerana pelaksanaan sistem pinjaman secara Islam itu dibuat secara beransur-ansur agar

orang ramai dapat menerimanya sebagai suatu sistem alternatif kepada sistem kewangan yang ada sekarang.

**GURU DI SEKOLAH MENENGAH/
RENDAH DI SABAH—
KEKURANGAN**

62. Tuan Othman Minudin minta Menteri Pendidikan menerangkan perkara-perkara yang berikut:

- (a) ada berapa lagi kekosongan guru-guru di Sekolah Menengah dan di Sekolah Rendah di seluruh negara dan khususnya di negeri Sabar;
- (b) bagaimanakah cara pengambilan guru-guru ini;
- (c) apakah kelayakan yang diperlukan oleh seseorang untuk melayakkan diri sebagai:
 - (i) Guru Sekolah Menengah;
 - (ii) Guru Sekolah Rendah; dan
- (d) Sabah dan Sarawak senantiasa menghadapi kekurangan guru sama ada Sekolah Menengah mahupun Sekolah Rendah. Kementerian Pendidikan telah mengambil guru-guru sandaran dan menghantar guru-guru daripada Semenanjung (sebagai langkah) sementara untuk meringankan masalah ini. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah ini secara lebih kekal dan menyeluruh dan bukan dengan cara 'Band-aid' dengan izin.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mengalami kekurangan guru terlatih seramai 5,930 orang

bagi sekolah menengah dan 14,562 orang bagi sekolah rendah. Kekurangan guru-guru terlatih di Sabah ialah seramai 660 orang bagi sekolah menengah dan 2,788 orang bagi sekolah rendah.

- (b) Pengambilan guru-guru adalah ditetapkan seperti berikut:
 - (i) Guru-guru peringkat siswazah dilatih oleh universiti tempatan dan luar negeri;
 - (ii) Guru-guru Latihan Maktab dan program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan;
 - (iii) Guru-guru sandaran tanpa latihan diambil oleh Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri untuk mengisi kekosongan,
- (c) Untuk melayakkan diri sebagai guru terlatih kelayakan yang diperlukan ialah:
 - (i) untuk Guru Siswazah, Ijazah Kepujian dengan Diploma Pendidikan/ Kursus Perguruan di Maktab Perguruan;
 - (ii) untuk Guru Bukan Siswazah, SPM/STPM dengan latihan Maktab Perguruan dengan memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Malaysia dan empat kepujian lagi dalam mana-mana mata-pelajaran dalam Sijil SPM/MCA/SPVM/SPMV termasuk kepujian dalam matapelajaran yang berkaitan dengan kursus yang dipohon.

(d) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di Sabah dan Sarawak ialah:

- (i) mengambil lebih ramai anak-anak tempatan memasuki bidang perguruan di Maktab-maktab Perguruan Sabah dan Sarawak;
- (ii) memberikan bantuan biasiswa kepada anak-anak tempatan melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi;
- (iii) menempatkan lebih ramai guru-guru terlatih dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak;
- (iv) guru-guru yang memohon bertukar ke Sabah dan Sarawak diberi keutamaan;
- (v) Kementerian Pendidikan akan terus menggunakan khidmat guru-guru sandaran tanpa latihan sehingga bilangan guru terlatih dapat dikeluarkan dengan secukupnya;
- (vi) menambah kapasiti maktab-maktab yang sedia ada dan juga akan membina 3 buah lagi maktab baru di Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam.

KELAPA SAWIT/KOKO/GETAH/ KELAPA/KOPI—PENANAMAN

63. Tuan Joseph Voon minta Menteri Pertanian menyatakan berapa luaskah tanah yang telah dibangunkan untuk penanaman kelapa sawit, koko, getah, kelapa dan kopi di seluruh Malaysia.

Dan sedarkah beliau bahawa pembangunan tanah cara ini lelah mengakibatkan peningkatan pendatang haram berhijrah ke Malaysia.

Tuan Mohd. Shariff bin Omar:

Pembangunan kawasan untuk penanaman kelapa sawit, koko, getah, kelapa dan kopi dalam tempoh 5 tahun (1986—1990), adalah pada kadar 3% atau 128,616 hektar. Walau bagaimanapun, keluasan untuk penanaman getah telah berkurangan sebanyak 77,540 hektar dan kopi sebanyak 11,866 hektar.

Sebenarnya pembangunan kawasan penanaman ini bukanlah menjadi sebab utama meningkatnya penghijrahan pendatang lanpa izin ke negara ini. Berdasarkan perangkaan bilangan buruh asing yang mendaftar sehingga 15hb April, 1992, didapati 59% daripadanya terlibat dalam ssektor binaan, 21% sebagai pembantu rumah dan hanya 20% terlibat dalam sektor perladangan.

AGENSI PEKERJAAN DI LUAR NEGERI—SINDIKET

64. Tuan Lew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar mengenai sindiket yang menggunkan agensi mencari pekerjaan di luar negeri secara haram, menyebabkan ramai rakyat negeri ini menjadi mangsa sindiket berkenaan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mencegah kegiatan sindiket berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Pihak Kerajaan memang sedar terdapat beberapa orang perseorangan yang menggunakan nama syarikat tertentu mengurus pemergian pekerja-pekerja Malaysia ke luar negeri, misalnya ke negara Jepun dan Taiwan. Pekerja-pekerja tersebut telah dijanjikan dengan pekerjaan bergaji lumayan dengan bayaran di antara \$1,000.00 hingga \$1,500.00 bagi tiap-tiap orang. Pemergian mereka ialah dengan menggunakan perkhidmatean syarikat-

syarikat pelancongan sah yang biasa mengenakan tambang kepaltcrbang pergi balik di antara \$3,500.00 hingga \$4,200.00. Mereka yang pergi ke negara-negara tersebut sebagai pelawat biasa atau pelancong kadangkala di tinggal begitu sahaja tanpa sebarang pekerjaan atau diberi pekerjaan tetapi tidak diberi gaji seperti yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum dapat mengesahkan sama ada orang-orang yang terlibat menjalankan kegiatan ini mendapat bantuan dari agensi-agensi mencari pekerjaan luar negeri atau sebaliknya.

Pihak Polis telah menjalankan siasatan dan membuat beberapa serbuan terhadap mereka yang terlibai dalam kegiatan ini. Misalnya dalam operasi pada 21-3-1992, limabelas syarikat di Perak, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur telah diserbu dan 13 orang yang disyaki ditahan untuk siasatan. Pihak Polis akan terus memerhati kegiatan ini dan mengambil tindakan yang sesuai untuk mcbanterasnya.

PENYELENGGARAAN JALAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

65. Tuan Lim Lay Hoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang hendak mengambil tindakan terhadap mana-mana Majlis Kerajaan Tempatan yang enggan membaiki jalan-jalan tar dalam Taman-taman Perumahan yang rosak serta parit dan longkang yang lama. Alasan-alasan yang selalu diberikan ialah masalah kekurangan wang. Adakah Kementeriannya bercadang memberi satu garis panduan tentang pembahagian perbelanjaan semasa memberi peruntukan kepada Kerajaan Tempatan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Kerja-kerja penyelenggaraan jalan termasuk longkang-longkang jalan dalam Taman-taman Perumahan adalah merupakan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Persekutuan pada dasarnya memang ada memberi bantuan berbentuk geran setiap tahun kepada negeri-negeri bagi menyelenggarakan jalan-jalan di kawasan Pihak Berkuasa Negeri untuk diagih-agihkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, mengikut Perlembagaan Persekutuan pada perkara 109(1)(b) berdasarkan kepada kriteria-kriteria jalan yang layak menerima geran tersebut sepertimana yang digariskan oleh Majlis Kewangan Negara.

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Berkuasa Tempatan dalam penyelenggaraan jalan-jalan di kawasan mereka terutama dalam masalah pengagihan geran tersebut yang tidak dilaksanakan sepenuhnya. Perkara ini telahpun dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 34 pada 2 November 1989 yang lalu. Di antara persetujuan yang lelah dicapai ialah Kerajaan Negeri akan mengagihkan peruntukan tersebut seperti yang diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Masalah kekurangan peruntukan bagi menyelenggara jalan-jalan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tidak seharusnya timbul sekiranya pengagihan tersebut oleh Kerajaan Negeri dibuat mengikut prosidur yang telah ditetapkan dalam keputusan MNKT.

Di samping geran penyelenggaraan jalan yang sepalutnya diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada juga menyediakan peruntukan di bawah Butiran Projek 1 (BP 1) bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam kerja-kerja seperti menaikkan taraf jalan dan longkang serta membaiki longkang-longkang atau parit yang rosak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Kementerian ini bagi tujuan kerja-kerja tersebut. Mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak

melaksanakan kerja-kerja tersebut setelah pemberian peruntukan ini diberikan, pihak Kementerian ini berhak untuk tidak memberi lagi apa-apa bentuk bantuan kepada mereka di masa akan datang.

RASUAH—PROGRAM PENCEGAHAN

66. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah kedudukan amalan buruk rasuah di negara ini jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara lain yang sedang membangun;
- (b) adakah program-program pencegahan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah untuk menghapuskan segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan sudah cukup bagi mencapai matlamat mewujudkan sebuah masyarakat yang bertata etika dan bermoral sepenuhnya menjelang tahun 2020; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem 'informer dalaman' untuk membanteras perbuatan rasuah sebagaimana yang dijalankan oleh setengah-setengah negara lain.

Tuan Othman bin Abdul: Menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, suka saya memaklumkan di Dewan ini bahawa rakyat Malaysia amat beruntung kerana negara ini tergolong dalam kumpulan negara-negara yang mempunyai masalah rasuah di peringkat paling minima dan terkawal jika dibandingkan dengan banyak negara-negara lain sama ada yang maju atau sedang membangun.

Program-program pencegahan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah dari masa ke semasa mencukupi bagi

mengawal amalan rasuah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Meskipun begitu, program pencegahan berbentuk pendidikan moral bertujuan untuk memupuk dan mengekalkan sikap rakyat supaya membenci serta mengelakkan diri dari perbuatan rasuah adakah merupakan usaha-usaha yang berterusan kerana ianya mempunyai matlamat jangka panjang. Saya yakin dengan usaha-usaha yang berterusan itu dan dipertingkatkan sejajar dengan kehendak semasa, Insya Allah, kita boleh mewujudkan sebuah masyarakat yang berpegang kuat kepada nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Di samping itu, suka saya mengingatkan di sini bahawa keberkesanan usaha-usaha Kerajaan serta pencapaian matlamat diluju bergantung besar kepada sokongan dan kerjasama daripada masyarakat keseluruhannya.

Bagi menjawab soalan ketiga, BPR sememangnya telah melaksanakan sistem berkenaan. Walau bagaimanapun, langkah sedemikian adalah merupakan satu pendekatan dan strategi yang tidak boleh dihebahkan kepada umum demi menjaga kerahsiaan tindakan-tindakan oleh BPR. Tambahan lagi, langkah ini bertujuan untuk melindungi orang-orang yang menjadi 'informer' atau sumber BPR.

PIKET/MOGOK—PUNCA UTAMA

67. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah piket, mogok, tunjuk perasaan dan lain-lain oleh pekerja di negara ini sejak 1985;
- (b) apakah punca utama yang menyebabkan wujud kejadian tersebut dan peranan Kementerian bagi menyelesaikannya dan sejauh manakah kejayaannya;
- (c) sehingga setakat manakah kerugian telah dialami akibat tindakan tersebut; dan

- (d) berapa ramaiakah pekerja yang terlibat diambil tindakan, disingkirkan akibat keadaan tersebut oleh majikan mereka.

akibat tindakan mogok sejak tahun 1985 adalah seperti berikut:

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Sejak tahun 1985 hingga Mac tahun ini, jumlah piket yang berlaku ialah 90 manakala bilangan pemogokan ialah 25 bagi tempoh yang sama;
- (b) Punca utama yang menyebabkan pemogokan berlaku adalah seperti berikut:

- (i) mempertikaikan syarat-syarat pekerjaan, termasuk tindakan memungkiri perjanjian-perjanjian bersama serta lain-lain kontrak perkhidmatan oleh majikan atau Kesatuan Sekerja;
- (ii) membantah terhadap pembuangan atau pengantungan kerja atau isu-isu bersabit dengan kemudahan dan layanan yang tidak memuaskan di tempat-tempat pekerjaan;
- (iii) membantah terhadap keengganan pihak majikan atau Kesatuan Sekerja memulakan rundingan bersabit perjanjian bersama atau kebuntuan dalam perundingan syarat-syarat bagi perjanjian bersama.

- (c) Akibat daripada tindakan mogok, pekerja-pekerja yang terlibat biasanya tidak dapat pembayaran gaji bagi tempoh pemogokan manakala majikan berkenaan pula turut mengalami pengurangan pengeluaran dalam masa tersebut. Mengikut rekod yang disimpan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan, bilangan hari kerja yang hilang

Tahun *Bil. Hari Kerja yang hilang*

1985	34,773
1986	14,333
1987	11,035
1988	5,784
1989	22,877
1990	301,978
1991	23,448
1992(sehinggaMac)	448
Jumlah	<u>414,725</u>

- (d) Daripada sejumlah 125,586 orang pekerja yang terlibat dalam pemogokan sejak tahun 1985, hanya seramai 265 orang telah dibuang kerja.

**DATARAN MERDEKA—
KEGIATAN**

68. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan dari segi perbandingan, berapa kerapkah Dataran Merdeka digunakan untuk kegiatan seni muzik rock berbanding dengan kegiatan yang berunsur dakwah.

Tuan Othman bin Abdul: Dataran Merdeka digunakan untuk berbagai-bagai kegiatan termasuklah persembahan muzik rock dan kegiatan berunsur dakwah. Dari segi perbandingan dari tahun 1990 hingga 1992 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Konsert Rock</i>	<i>Dakwah</i>	<i>Lain-lain Persembahan</i>
1990	0	0	9
1991	3	3	16
1992	4	2	8
(sehingga 25.4.92)			
	<u>7</u>	<u>5</u>	<u>33</u>

KEGIATAN KEBUDAYAAN DAN DAKWAH—PERBELANJAAN

69. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah yang telah dibelanjakan oleh Dewan Bandaraya untuk memperkembangkan kegiatan kebudayaan di Kuala Lumpur seperti kegiatan teater dan seni dibandingkan dengan kegiatan dakwah dan rohaniah.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membelanjakan sebanyak \$100,000 untuk kegiatan-kegiatan seni dan kebudayaan dan lebih kurang \$200,000 bagi kegiatan berbentuk dakwah dan rohaniah tiap tahun.

SEKOLAH RENDAH MUBALIGH—PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN

70. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Memeri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah-sekolah rendah mubaligh (mission-aided schools) di seluruh negeri Sarawak; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu sekolah-sekolah ini yang pada masa sekarang tidak menerima sebarang peruntukan untuk penyelenggaraan (maintenance grant).

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahii Yang Berhormat,

- (a) jumlah sekolah-sekolah rendah mubaligh (mission-aided schools) di seluruh negert Sarawak ialah 314 buah;
- (b) buat masa ini Kementerian Pendidikan memberi bantuan kepada sekolah yang tidak

mendapat peruntukan Kerajaan adalah berdasarkan kepada "Grant Code Regulations 1956". Ia mengandungi:

(i) Pembaikan Kecil

Ini melibatkan segala bentuk pembaikan kecil di bawah Kepala B26 dengan menggunakan "Perbelanjaan Mengurus". Bagi tahun 1991, sejumlah \$779,250 telah diluluskan kepada sekolah-sekolah bantuan di Sarawak.

(ii) Penyelenggaraan— Bantuan Modal

Ini melibatkan segala bentuk penyelenggaraan di bawah pecahan Kepala P26. Peruntukan Penyelenggaraan ini memerlukan permohonan dari Lembaga Pengurusan Sekolah melalui Bantuan Modal. Bagi tahun 1991, sejumlah \$2,957,655 telah diluluskan kepada sekolah-sekolah bantuan di Sarawak.

HOSPITAL DAERAH TUARAN FASA

71. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut syarat tawaran, Hospital Daerah Tuaran, sebenarnya siap pada bulan November 1991, tetapi hingga 7 April 1992, kerja atas projek itu masih belum selesai. Bilakah Hospital Daerah Tuaran akan siap dan dapat digunakan untuk perkhidmalan perubatan awam. Apabila Hospital Daerah Tuaran sudah beroperasi, adakah Kerajaan akan menempatkan kakitangan termasuk pakar perubatan, paramedic dan jururawat tempatan ataupun termasuk kakitangan asing di Hospital tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Hospital Daerah Tuaran Fasa 1 dijangka siap bulan Jun 1992. Pada masa sekarang projek ini pada tahap 95% pembinaan. Apabila siap, kakitangan yang sesuai dan mencukupi akan ditempatkan untuk memberi perkhidmatan yang diperlukan di hospital ini.

**PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR
MALAYSIA—MATLAMAT**

72. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerangkan tentang matlamat badan galakan perdagangan yang baru (the new trade promotion body)—Lembaga Galakan Perdagangan (Trade Promotion Board) dan adakah Lembaga ini diperkembangkan kepada setiap Kementerian Perindustrian Negara untuk terlibat sama dalam perutusan ke seberang laut (overseas mission).

Tuan Chua Jui Meng: Matlamat utama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) adalah untuk membangun dan menggalakkan eksport barangan Malaysia terutama barangan perkilangan ke luar negeri secara terancang untuk mencapai sasaran nilai eksport daripada \$79,500 juta pada tahun 1990 kepada \$255,700 juta dalam tahun 2000 khususnya nilai eksport barangan perkilangan daripada \$48,000 juta kepada \$210,000 juta dalam jangkamasa OPP2 itu.

Untuk mencapai matlamat tersebut MATRADE akan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) merancang dan melaksanakan satu strategi pemasaran eksport negara bagi menggalakkan eksport barangan perkilangan MATRADE akan juga menjadi badan utama untuk membangunkan eksport barangan-barangan pengeluaran industri-industri kecil dan sederhana;

- (ii) menjalankan perisikan perdagangan dan kajian pasaran dan mewujudkan satu sistem maklumat yang komprehensif untuk mempertingkatkan dan membangunkan perdagangan;
- (iii) menganjurkan rancangan-rancangan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pemasaran termasuk pengiklanan, pembungkusan, pendedaran dan "labelling";
- (iv) meningkat dan memelihara kepentingan-kepentingan perdagangan luar Malaysia di seberang laut;
- (v) mewakili Malaysia dalam mana-mana forum antarabangsa yang berkaitan dengan perdagangan;
- (vi) membangun, menggalak, memudahkan dan membantu dalam bidang-bidang perkhidmatan yang berkaitan dengan perdagangan; dan
- (vii) menasihati Kerajaan dalam perkara-perkara yang melibatkan atau dalam mana-mana perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan untuk bertindak sebagai agen Kerajaan atau untuk mana-mana orang perseorangan, badan dan organisasi dalam perkara-perkara sedemikian.

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, MATRADE akan disokong oleh Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri.

Sebagaimana amalan sekarang dalam merancang penghantaran rombongan-rombongan galakan perdagangan Malaysia ke luar negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menggalakkan semua pihak yang terlibat di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyertai rombongan-rombongan tersebut bersekali dengan syarikat-

syarikat swasta dan pengusaha-pengusaha tempatan yang menganggotainya.

KEMISKINAN DI MALAYSIA— KADAR PERATURAN

73. Tuan Harrison Ngau Laing minta Perdana Menteri menyatakan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada masa ini:

- (a) sektor penduduk manakah yang paling dipengaruhi oleh kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (b) sehingga manakah pemusnahan alam sekitar menyumbang kepada masalah kemiskinan dan penurunan dalam taraf kehidupan rakyat, sudah adakah kajian dibuat untuk menenulkan kesan pemusnahan alam sekitar ke atas ekonomi negara? Jika sudah apakah hasil kajian ini dan jika belum, mengapa kajian belum dilakukan;
- (c) apakah insentif yang diberikan kepada sektor perdagangan agar mereka peka terhadap alam sekitar dalam operasi mereka; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang digunakan oleh Kerajaan untuk melindungi kehidupan rakyat negara ini daripada industri-industri yang tidak dibenarkan beroperasi di negara asal mereka kerana mengeluarkan pencemaran yang terlalu banyak agar tidak memasuki negara ini dan memusnahkan alam sekitar serta membahayakan kehidupan rakyat negara ini.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun ke tahap yang rendah iaitu pada kadar 17.1% pada tahun 1990. Bagi

Semenanjung Malaysia kadarnya ialah 15%, Sabah 34.3% dan Sarawak 21%.

Jika dilihat dari segi pecahan mengikut bandar dan luar bandar pula, kadar kemiskinan di luar bandar masih didapati lebih tinggi dari kadar di bandar-bandar. Secara keseluruhannya, kadar kemiskinan di luar bandar ialah 21.8% sedangkan di bandar kadarnya ialah 7.5%. Kadar-kadar bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pula adalah seperti berikut:

Kadar Kemiskinan 1990

	<i>Bandar</i>	<i>Luar Bandar</i>
Semenanjung	7.3%	19.3%
Sabah	14.7%	39.1%
Sarawak	4.9%	24.7%
Malaysia	7.52	1.8%

Pecahan mengikut etnik pula mendapati kadar kemiskinan di kalangan bumiputera adalah lebih tinggi iaitu 20.8% di Semenanjung, 41.2% di Sabah dan 21% di Sarawak. Kadar kemiskinan kaum Cina didapati lebih rendah iaitu 5.7% di Semenanjung, 4% di Sabah dan 4.4% di Sarawak.

- (b) Pada amnya, sememanglah diakui bahawa pemusnahan alam sekitar, terutama menerusi kesannya terhadap punca-punca mata pencarian golongan miskin atau berpendapatan rendah mempunyai hubungkait dengan masalah kemiskinan dan taraf hidup. Bagaimanapun, bagi negara ini, perkara ini tidak pernah menjadi satu isu yang membimbangkan. Menerusi berbagai strategi dan program pembangunannya, Kerajaan telah berjaya mengatasi dan

seterusnya memastikan supaya kehidupan penduduk miskin tidak terjejas akibat dari aktiviti-aktiviti pembangunan negara, khususnya yang melibatkan kawasan-kawasan perhutanan, perairan dan suasana sekeliling. Malahan, disebabkan oleh sikap berhati-hati dan niat ikhlas di pihak Kerajaanlah, masalah kemiskinan di negara ini telah dapat diatasi dengan jayanya. Di tahun-tahun akan datang pula, Kerajaan akan terus mengambil langkah berhati-hati untuk mengelakkan potensi kesan negatif akibat pencemaran alam sekitar ini. Ini jelas apabila Kerajaan menetapkan supaya usaha pembangunan di bawah Dasar Pembangunan Nasional tidak menjejaskan alam sekitar dan ekologi, bahkan melindungkannya dari pemusnahan. Kualiti alam sekitar adalah sentiasa diawasi oleh beberapa agensi Kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Kaji-cuaca. Di samping itu, penilaian kesan alam sekitar "environmental impact assessment" juga diperlukan terhadap semua projek-projek pembangunan supaya pencemaran alam sekitar dapat dielakkan.

- (c) Kerajaan memang sentiasa memberikan galakan dan insentif kepada sektor perdagangan agar mereka peka terhadap alam sekitar. Antaranya ialah dengan memberikan pertimbangan dalam pengecualian cukai ke atas pembelian alatan kawalan pencemaran, memberikan insentif kepada penubuhan dan pengurusan kemudahan bagi merawat sisa-sisa industri seperti pengecualian cukai, elaun modal khas, taraf perintis dan sebagainya di bawah Akta

Galakan Pelaburan (1989). Di samping itu juga, pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, penjagaan serta pengekalahan mutu kualiti alam sekitar dari segi kebersihan dan kepentingannya, adalah merupakan insentif bagi peningkatan produktiviti negara. Sehubungan dengan itu juga, pihak industri tidak terkecuali dari menyediakan satu persekitaran yang terkecuali dari menyediakan satu persekitaran yang bersih dan bebas dari pencemaran bagi memastikan pertumbuhan berterusan dan berpanjangan.

- (d) Kerajaan telah menetapkan satu prosedur kelulusan yang bersepadu bagi mengawal kemasukan industri-industri yang tidak dibenarkan beroperasi di negara asal. Peranan ini telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti MIDA, MITI, Pusat-pusat Pelaburan yang terdapat di negeri-negeri di dalam membuat penilaian dan penapisan tentang kesesuaian sesuatu industri tersebut dari aspek alam sekitar.

KWSP—PENGELUARAN SIMPANAN UNTUK MEMBINA RUMAH PANJANG DI SARAWAK

74. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh penduduk di pedalaman negeri Sarawak dari simpanan KWSP mereka sendiri untuk tujuan membina rumah mereka di rumah-rumah panjang di pedalaman;
- (b) adakah Kementerian Kewangan bercadang memudahkan proses mengeluarkan caruman KWSP bagi penduduk rumah panjang di pedalaman Sarawak; dan

(c) berapa banyakkah keluarga yang sudah dikenalpasii sebagai rakyat termiskin di negeri Sarawak. Daripada jumlah ini berapa banyak yang sudah memohon dan menerima ptnjaman khas \$13,000 untuk satu keluarga bagi tujuan mendirikan rumah mereka sendiri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Sehingga 31 Mac 1992, sebanyak 357 permohonan pengeluaran simpanan bernilai \$1,213,857 telah diluluskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada ahli-ahlinya untuk maksud membina rumah panjang di pedalaman Sarawak.
- (b) Permohonan-permohonan pengeluaran simpanan oleh ahli-ahli KWSP bagi maksud membina rumah panjang di pedalaman Sarawak adalah diluluskan oleh KWSP di bawah Skim Pengeluaran Perumahan-nya. Skim ini membenarkan ahli KWSP membeli atau membina rumah kediaman yang berharga tidak melebihi \$32,000 di aias tanah yang terletak di luar mana-mana kawasan Majlis Perbandaran atau MajHs Tempatan Sarawak termasuk juga yang dibina atas Tanah Rezab Kanun Bumiputra dan Tanah Adat Bumiputra Sarawak. Syarat-syarat ini telah didapati tidak menimbulkan masalah dan dengan demikian Kementerian Kewangan tidak ada cadangan memindanya buat masa ini.
- (c) Malaysia mempunyai 143,100 keluarga termiskin (pendapatan sekeluarga kurang dari \$185 sebulan). Dari jumlah tersebut, sebanyak 11,100 keluarga adalah dari Sarawak dan 24,700 keluarga dari Sabah. Negeri Sarawak lelah mendafiarkan sebanyak 5,000 keluarga miskin yang mungkin layak untuk diberi pinjaman sebanyak \$13,000

sekeluarga di bawah Skim Perlapakan dan Kemudahan (SPK). Dari 5,000 keluarga yang berdaftar 554 keluarga telah diberikan pinjaman di bawah skim SPK untuk membina rumah sendiri. Kerajaan negeri Sabah setakat ini belum melaksanakan projek SPK.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menieri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN PIHAK-PIHAK
BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Sualu Akta untuk meminda Akia Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempaian 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
TRIBUNAL PERKHIDMATAN
AWAM (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal

Perkhidmatan Awam 1977; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan." (29hb April, 1992)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas diminta sambung.

3.39ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, scmalam saya menyentuh perkara alam sekitar dan pada semalam juga kita telah mendengar satu kenyataan daripada Wisma Putra, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membuat keputusan untuk menyerlai Sidang Kemuncak

Bumi di Rio. Keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadiri Sidang Kemuncak di Rio pada bulan Jun ini bukan sahaja dialu-alukan dan menggembirakan seluruh rakyat negara kita, malah juga telah mendapat sambutan yang begitu hangat di kalangan negara-negara membangun.

Ertinya ataupun kesimpulannya, sekali lagi Perdana Menteri kita berupaya dan mampu mengangkat darjat negara kita di peringkat antarabangsa. Kalau kita mengikuti ulasan-ulasan yang dibuat oleh Menteri-menteri Alam Sekitar yang menyertai persidangan di Kuala Lumpur yang baru tamat semalam, rata-rata mengatakan bahawasanya Sidang Rio tidak akan mencapai apa-apa hasil sesudah peranan yang telah dimainkan oleh Malaysia dengan begitu tegas menonjolkan isu-isu yang wajar bagi diperjuangkan untuk mengatasi masalah alam sekitar dengan negara-negara membangun. Oleh itu kita juga tahu bahawasanya negara-negara membangun begitu berharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja hadir, tetapi juga menjadi jurucakap kepada negara-negara membangun bagi memperjuangkan isu-isu kepentingan bersama.

Pendek kata, secara ikhlas marilah kita bersama-sama termasuk Pembangkang menyatakan sekali mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, Sidang Bumi akan diadakan di kalangan Ahli-ahh Parlimen sempena dengan sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara di Rio nanti. Insya Allah kita akan turut serta dan yakin kita berupaya bersama-sama menangani segala usaha golongan tertentu terutama beberapa NGO. Bukan Kerajaan bertujuan untuk memburukkan imej negara. Kita akan mempersembahkan nada dan matlamat seperti mana yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

kita. Kita mesti berani seperti tentera dan polis kita yang sanggup mati untuk mempertahankan maruah dan martabat negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk pula kepada tajuk yang sangat hangat diperbincangkan sekarang ini iaitu kedudukan institusi raja-raja. Pandangan dan perspektif yang saya akan bawa dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia pada hari ini hanya sekitar persoalan falsafah dan pengertian institusi raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sejak mencapai kemerdekaan telah menjadikan demokrasi sebagai satu sistem politiknya. Sejak tempoh tersebut, gerakan perkembangannya tidak dapat disekat lagi. Kita lelah menyaksikan betapa sistem demokrasi secara tidak disedari meresap ke dalam institusi-institusi kehidupan dan secara tidak disedari juga telah membentuk institusi sendiri hingga secara perlahan-lahan ia telah menguasai politik sosial di negara ini.

Demokrasi di Malaysia seperti di negara lain di dunia adalah diumpamakan cahaya bagi mereka yang mahukan kuasa memiliki dan menggunakannya dengan sepenuh merupakan satu kebanggaan. Demokrasi juga seperti senjata; lebih kukuh pemilikannya dan kawalannya, lebih gagaha pemerintahan yang ada, sebaliknya kegagalan mengawal demokrasi boleh membawa akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keutamaan sifatnya itulah demokrasi di Malaysia telah mengharungijalan penuh liku sama seperti sejarah sosial dan politiknya rebah dan bangun dipuji dan dicela. Ada kalanya dikatakan bebas, seringkali pula diikat dan dijerat. Itulah corak perjalanan dari awal kemerdekaan dicapai hingga sekarang.

Di samping perjalanan tui, matlamat dan aspirasi demokrasi telah dilihat bukan sahaja sebagai alat membantu pembangunan, tetapi kadangkala lebih

sebagai suatu yang diperalatkan. Apa yang dilakukan secara sedar dan ada yang tidak. Demokrasi di Malaysia tanpa disedari telah menerima risiko dan akibat percubaan menggunakan demokrasi tanpa satu landasan yang kukuh. Beberapa bentuk gejala dan konflik secara sentuh cetusan telah dan sering terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem politik demokrasi beraja seperti yang diamalkan di Malaysia, lidaklah dapat dinafikan kita juga menghadapi beberapa pertelingkahan dalam membuat tafsiran. Dengan tercapai kemerdekaan, kita sudah mempunyai sebuah Perlembagaan. Perlembagaan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa yang merupakan historical document yang dengannya kita diakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang merdeka. Tanpa Perlembagaan ini maka lidak adalah dokumen sejarah yang boteh dijadikan panduan, yang boleh dijadikan tanda bahawa negara kita diakui sebuah negara merdeka di peringkat antarabangsa. Dengan dokumen bersejarah inilah maka Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu didaulatkan. Dengan dokumen sejarah inilah Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan dengan bersejarah ini jugalah ada keistimewaan untuk orang-orang Melayu dan golongan bumiputera.

Perlembagaan ini merupakan dokumen sejarah yang wujud bukan sahaja untuk menjamin masa depan negara, tetapi untuk menentukan masyarakat berbilang kaum di negara ini dan berbagai fahaman agama dapat hidup dengan harmoni. Kerana Pertembagaan ini bukan sahaja memberi garis-garis kebebasan untuk ita bertindak, tetapi juga menjamin tegaknya keadilan dengan perhitungan faktor-faktor sejarah. Perlembagaan inilah yang memberi hak kerakyatan kepada bukan bumiputera dan Perlembagaan inilah yang menentukan dasar ekonomi bebas. Perlembagaan ini jugalah yang didaulatkan oleh Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh memilih, yang mengiktirafkan hanya sebahagian sahaja daripada Perlembagaan kerana tindakan untuk mengiktirafkan sebahagian sahaja daripada kandungan Perlembagaan bererti mencabul kedaulatan Perlembagaan itu sendiri. Lebih-lebih lagi Perlembagaan itu sendiri telah meletakkan cara-cara untuk menidakkannya. Apabila sesudah merdeka kita sudah mempunyai hak untuk membuat keputusan. Ketika kita mula-mula mencapai kemerdekaan, kita sebenarnya mencapai kemerdekaan politik, iaitu mendapat kuasa untuk membuat keputusan. Sejak itu kita telah bermesyuarat di Dewan yang mulia ini, Kita telah meminda Perlembagaan apabila kita fikirkan ianya perlu dipindahkan mengikut cara-cara yang ditentukan oleh Perlembagaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah membuat undang-undang di dalam Dewan ini, tiap kali kita bersidang kila telah meluluskan Undang-undang kerana negara kita diperintah mengikut Undang-undang. Tanpa Undang-undang negara kita akan menjadi huru-hara. Kalau kita tidak mempertahankan undang-undang itu di dalam Dewan ini dan Undang-undang itu sendiri telah dipertahankan oleh angkatan bersenjata di negara kita—Angkatan Udara, Angkatan Darat dan Laut, Anggola Polis dan Tentera. Banyak nyawa telah terkorban di kalangan anggota polis dan tentera. Rakyat telah bersama-sama dengan angkatan bersenjata untuk mendaulatkan undang-undang negara, tetapi semua pengorbanan ini akan tersia-sia seandainya dalam usaha kita untuk menyelesaikan sebarang masalah kita terlupa kepada undang-undang yang kita sendiri daulatkan. Sebaliknya, semua pengorbanan ini memberi erti yang besar kerana pengorbanan inilah untuk mempertahankan cara hidup yang telah kita perersetujui bersama-sama. Dengan adanya Undang-undang sebagai tempat rujukan, maka kita dapat mengenal apa yang salah dan apa yang benar dalam usaha menegak keutuhan negara dalam

masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Undang-undang sebagai rujukan, kila dapat menjelaskan peranan masing-masing tanpa sebarang ragu-ragu. Perlembagaan menjelaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Perlembagaan menjelaskan Islam sebagai agama rasmi. Perlembagaan menjelaskan tentang hak-hak keistimewaan orang Melayu dan Perlembagaan menjelaskan juga tentang peranan dan institusi raja-raja di negara kita ini.

Peruntukan Perlembagaan mewujudkan pre-supposition tentang adanya peranan tertentu dan tidak adanya campurtangan dengan hal-hal tertentu. Raja-raja dikatakan oleh Perlembagaan sebagai simbol kedaulatan politik negara melalui demokrasi. Oleh itu, interaksi antara kedaulatan negara, iaitu kedudukan raja-raja dan kedaulatan rakyat iaitu hak-hak dan peranan rakyat dalam sesebuah negara demokrasi seharusnya dapat beraksi atau berperanan mengikut yang dikehendaki oleh semangat Perlembagaan negara kita.

Kedaulatan dari segi undang-undang ini in terms of legal theory, sebagai simbol negara dan kedaulatan rakyat dalam sistem politik, jika hendak dikekalkan maka raja-raja mestilah berwaspada 'behave' supaya tidak ada saling mencampuri urusan atau bidangkuasa yang telah dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap soal tentang demokrasi, maka ianya bukan persoalan the will of raja-raja yang memerintah atau kehendak raja-raja, tetapi the will of the people atau kehendak rakyat yang raja-raja kena iktiraf dan akui.

Bagaimanakah kehendak dan keagungan raja-raja ini diterjemahkan tidak lain melalui badan perwakilan iaitu Parlimen, Melalui peraturan-peraturan yang telah ditentukan dalam apa jua kita hanya perlu bertindak di atas bidang dan hak kuasa kita sahaja, melebihi

darinya bererti melanggar peraturan. Apabila terjadi pelanggaran secara langsung ianya telah mencemarkan konsep keagungan itu. Apabila seorang raja mahu bertindak melebihi haknya atau bertindak seperti rakyat kebanyakan dalam semua soal, maka sudah tentu kedudukan raja- raja yang dianggap istimewa itu telah dicemari.

Keistimewaan, keagungan dan kesucian kedudukan raja-raja tidak boleh dicemari oleh tingkah laku dan tindak tanduk tertentu. Ini adalah persefahaman dan persetujuan bersama dalam meletakkan dan mentakrifkan kedudukan dan keistimewaan raja sebagai payung negara. Tanpanya bererti penyelewengan-penyelewengan pada kedudukan, keistimewaan dan simbol scorangraja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, adalah satu kenyaalaan bahawa seluruh rakyat mengakui hakikat kewujudan keistimewaan raja-raja. Raja simbol keadilan. Keadilan yang memayungi kesejahteraan rakyat Kedaulatan negara simbolnya dipegang oleh raja. Keadilan dan kemakmuran negara simbolnya adalah daulat pemerintahan raja yang adil.

Seperti mana soal bahasa, agama dan bendera kebangsaan, ini menjadi simbol kenegaraan, maka keistimewaan pada kedudukan raja-raja adalah dianggap tidak tercemar, ada kesuciannya. Bila ada keistimewaan dan kesuciannya, janganlah ianya dicemarkan sama ada dari dalam atau luar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sistem ini dicemari melalui perlakuan atau tindakan, ianya akan memberi gambaran raja-raja itu kembali. Apabila seseorang Raja itu melakukan sesuatu yang bukan bidangnya ia akan tercemar. Tanda-tanda seperti raja tidak boleh diheret ke mahkamah adalah refleksi atau gambaran satu kedudukan yang istimewa. Bila terdapat pola-pola perlakuan yang bercanggah dari

peraturan-peraturan keistimewaan itu, bererti raja yang tidak boleh disentuh atau ditegur atau dikritik telah membolehkan dirinya ditegur, dikritik malah dipersendakan.

Dengan itu raja yang demikian telah mencemari dan menghinakan kedudukan, keistimewaan dan kesucian yang dikatakan ada padanya. Disebabkan keistimewaan dan kedudukan raja, tidak mungkin boleh disentuh oleh rakyat, hatta Perdana Menteri sendiri, kecuali apabila raja itu sendiri melalui tindak-tanduknya, memberi ruang untuk dirinya dicemari dan dipandang serong oleh rakyat dari kedudukannya yang sebenar.

Ini dari segi perspektif yang saya fahami, Tuan Yang di-Pertua, dalam kedudukan institusi-institusi raja-raja sebagai anak Melayu yang taat kepada raja-raja yang kita junjung bersama. Bukan seperti kedudukan Perdana Menteri, Menteri-menteri atau Menteri Besar yang terpaksa berhadapan dengan mahkamah rakyat setiap kali pilihanraya atau setiap kali pemilihan parti diadakan. Jika mereka didapati menyeleweng, mengumpul harta atau salahguna kuasa, mereka akan dipersoalkan tentang tanggungjawab mereka. Sejarah politik demokrasi negara ini telah melihat Menteri dan pemimpin Kerajaan diseret ke mahkamah dan dipenjarakan atau diberhentikan. Dalam krisis raja dan Menteri Besar sudah banyak kali Menteri Besar tersingkir, meskipun yang campurtangan dan mengganggu perjalanannya pentadbiran berpunca dari raja yang terlibat sendiri.

Saya mengemukakan hujah ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada pihak terutamanya Pembangkang sering membezakan ataupun membandingkan pemimpin-pemimpin rakyat dengan raja-raja. Kalau pemimpin boleh ada itu, kenapa Raja tidak boleh ada itu. Sebab itu saya memberi pentafsiran dari segi perbezaandi kalangan pemimpin dan kedudukan raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah wajar supaya kcharmonian hubungan antara pemimpin Kerajaan dengan raja-raja yang ada ini dapat dikekalkan dan dipelihara. Salu Kod Elika diperkenalkan dan diterima oleh kedua-dua pihak bagi benar-benar menjelaskan tentang kesamaran yang wujud di sekitar apa yang dikatakan keistimewaan atau kedaulatan raja-raja supaya dengan adanya satu garis pemisah yang jelas dan tegas antara yang boleh dan yang tegah, tidak timbul lagi sebarang kekeliruan dalam perlakuan dan tindakan pada masa-masa akan datang.

Semalam Ketua Pembangkang Seolah-olah menyoal, apakah raja-raja Melayu ini hak orang-orang Melayu, bukan hak seluruh rakyat Malaysia? Sebenarnya, apa yang dibuat oleh UMNO yang saya fahami oleh parti Kerajaan, terutamanya yang didukung oleh UMNO, peranan yang dipermainkan oleh UMNO, kerana UMNO adalah tulang belakang. Dan apabila masalah ini berbangkit, tidak ada siapa yang berani mengambil langkah permulaan kecuali UMNO. Kalau DAP merasakan mereka bertanggungjawab, mahu memainkan peranan, kita mencadangkan DAP menghadap raja-raja Melayu, mengambil alih peranan ini untuk membetulkan kedudukan institusi ini. Tetapi Ketua Pembangkang mengatakan kenapa perkara ini hanya dibawa oleh UMNO.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu lahu dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini perlu tahu siapa yang sebenarnya mempertahankan kedudukan raja-raja ini baik dari segi sejarah sampai sckarang ini. Dalam apa jua pentafsiran yang dibuat melalui Kod Etika yang diperkatakan sekarang ini ialah bertujuan ini untuk memperkukuhkan kedudukan raja-raja. Berbeza dengan pihak tertentu, pihak Pembangkang yang sememangnya dalam hati kecil mereka supaya mencari jalan.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru); (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Adakah Yang Berhormat dari Pasir Mas sedar bahawa etika tingkah-laku yang telahpun diajukan kepada Majlis Raja-raja itu merupakan satu etika yang rasmi kepada Kerajaan dan bagi rakyat Malaysia kerana ianya hanya syor atau cadangan dari UMNO sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang ianya daripada UMNO dan UMNO ialah tulang belakang kepada parti pemerinlah. Syor itu telahpun dibuat dan sama ada ianya rasmi atau tidak, itu bukan soal saya menjawab. Saya bukan dalam Kerajaan. Tetapi bagi fahaman saya, apa pun yang dibuat asalkan ianya mempunyai niat yang baik, itu yang penting. Bukan soal mekanismnya. Mekanism itu satu perkara yang lain, satu soal sama ada ianya rasmi atau tidak. Tetapi niat itu untuk kebaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita, tidak seperti Pembangkang yang hanya mengharap kalau ada pertelingkahan di kalangan raja-raja dan parti pemerintah, maka mereka mendapat "political mileage" dan harap ramai rakyat yang menyokong Barisan Nasional akan berpindah menyokong Pembangkang. Itu sahaja yang ada pada Pembangkang.

Saya hendak tunjuk satu bukti, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya terima satu risalah "Pupusnya Raja Melayu di tangan Mahathir." Risalah ini berapa muka? Tujuh muka. Gambar di muka depan ini ialah gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Saya hendak tanya Pembangkang. Perkara ini

dibuat dengan begitu teliti, dengan begitu cermat dan bahasa ini disusun begitu kemas mempergunakan raja supaya mengkonfrantasi dengan UMNO. Apabila mengkonfrantasi dengan UMNO hendak beritahu bahawa UMNO tidak menghormati raja-raja dan hendak bagi sokongan kepada Pembangkang. Itulah tujuannya. Tetapi kalau kita lihat apabila risalah ini diterbitkan dengan menfotostatkan gambar ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, sebenarnya apabila ditulis dan menceritakan perkara-perkara yang bukan-bukan ini, yang merosakkan kedudukan Raja-raja Melayu ialah parti-parti Pembangkang. (*Tepuk*)

Ini dokumen yang cukup jelas, banyak dihantar melalui pos dan ditabur di merata tempat, mempergunakan raja hendak melagakan dengan UMNO dan harapannya dapat "political mileage" dan perpecahan orang Melayu, kononnya kita ini orang Melayu mesti mempertahankan raja. Memang kita mempertahankan raja.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tanya macam Hang Tuah. Punya taat kepada raja. Hang Tuah bukan Hang Jebat. Hang Tuah ini dia buat apa sahaja untuk raja-raja. Tetapi macam mana banyak Hang Tuah sekali pun seperti cerita sejarah Melaka dahulu akhirnya jatuh juga kepada Portugis. Tetapi siapa yang melakukan ini? Sebenarnya mereka mencemarkan kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan-Raja saya. Dan saya tidak suka perkara ini. Saya mesti memperkatakan hal ini. Tetapi rakyat akan mendapat gambaran bahawa inilah perbuatan pihak parti pemerintah Kerajaan Pusat. Kalau berani, lurunkan tandatangan. Turunkan tandatangan. Mesti bertanggungjawab. Pemimpin yang berani mesti bertanggungjawab, dia turunkan tandatangan. Masuk jail keluar jail tidak menjadi persoalan. Jangan berani buat, jail tidak berani masuk. Ah! Kalau hendak jadi macam Nelson Mandela,

jadi macam Nelson Mandela. Kalau hendak jadi macam Gulbuddin Hekmatyar, jadi macam Gulbuddin Hekmatyar. Janganlah jadi penakut. Baling batu, sembunyi tangan. Yang rosaknya ialah raja-raja. Lepas itu salahkan orang lain. Saya mengatakan demikian kerana hendak mempertahankan kedudukan raja-raja. Sebab itu timbul keretakan.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang timbul masalah di Kelantan, terutamanya kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja saya, saya percaya ia telah diberi salah maklumat dan salah nasihat dan mereka ini akan terus berbuat demikian selagi mana mereka menganggap inilah satu-satunya senjata politik terakhir untuk mereka ini. Cukuplah, cukup. Sebab kita mahu mempertahankan kedudukan raja-raja tetapi berasaskan kepada yang sudah diterjemahkan melalui undang-undang.

Hari ini semua orang bercakap. Bila bercakap ada baik, ada tidak baik. Maka kita mengizinkan Pembangkang memberi ruang kepada rakyat dan pihak-pihak tertentu mempersoalkan perkara ini. Siapa yang bertanggungjawab dalam soal ini? Kalau kita hendak yang keluaran risalah politik, keluarlah. Saya pun banyak juga kena dan saya pun sekali-kala buat risalah juga. Kita mengakui, tetapi janganlah sampai kita gunakan risalah mengenai dengan raja-raja. Hendak tulis, tulislah apapun, but for God's sake, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita merosak institusi raja-raja. Rakyat mesti tahu yang membesarkan isu ini itu ialah Pembangkang.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman (Kuala Terengganu):
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Saya adangkan supaya dibaca surat layang itu supaya menjadi rekod dalatn Hansard sebab surat itu telah disebutkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya boleh baca, Tuan Yang di-Pertua, tetapi buang masa. Sebab dalam risalah ini dia kata macam-macam terhadap pemimpin UMNO yang tidak betul. Jadi, kalau saya baca dan masuk dalam *Hansard*, ia menjadi rekod. Saya bukan bodoh. Ahli Parlimen Kuala Terengganu cerdik. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun lagi.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Dia menggunakan surat itu, saya fikir eloklah dijadikan *Hansard* oleh kerana ini ada tuduhan bahawa surat ini dibuat oleh pihak Pembangkang. Surat ini boleh dibuat oleh sesiapa pun. Biarlah dijadikan *Hansard* supaya dijadikan rekod untuk masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu saya rasa terpulang kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, panjang, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya hendak baca sebab benda itu tidak betul, isi tidak betul. Kalau betul saya baca. Sebenarnya saya harap saya boleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Panjang sangatkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Panjang betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau Ahli Parlimen Kuala Terengganu hendak, saya boleh beri. Ahli Kuala Terengganu baca dan boleh saya kata nanti kemungkinan Ahli Parlimen Kuala Terengganulah yang membuatnya. (*Ketawa*)

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Itu satu tuduhan. Saya minta Yang Berhormat tarik balik tuduhan itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay, saya tarik balik. Saya bergurau sajalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, saya telah menjelaskan perkara ini supaya kedudukan Raja-raja Melayu kita dan Kebawah Duli kita mengetahui tentang lingkaran politik yang sedang berlaku di dalam negara kita sekarang ini. Janganlah sampai ke peringkat kita bergaduh sesama orang-orang politik yang akhirnya kita menyeret kedudukan dan kesucian Raja-raja Melayu kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya katakan tadi etika ini kita mengalu-alukan dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang juga Naib Presiden UMNO yang mengetuai rombongan menemui Raja-raja Melayu dengan penuh sabar dan tabah dan dapat mengolah segala perbincangan dengan baik bagi menjernihkan keadaan yang ada. Saya percaya itu bukan satu kerja yang mudah, macam-macam tafsir yang telah dibuat, tersilap langkah banyak risikonya. Tetapi kita mengalu-alukan dan menyanjung tinggi sebarang usaha yang dibuat oleh seluruh pemimpin-pemimpin kita bagi menjernihkan keadaan yang tidak jernih ini.

Perlu ditegaskan di dalam hal ini, kita tidak beri kesimpulan mengatakan semua raja-raja telah terlibat dalam tindak-tanduk yang mencemar kesucian takhta, tetapi ada beberapa orang dan kerabatnya yang telah melakukan tindakan dan perlakuan tersebut yang telah membabit dan mencemar institusi raja itu sendiri.

Sepertimana kita tidak menyatakan semua pemimpin itu bersih kerana ada di antara mereka yang menyeleweng, mengumpul kekayaan dan tidak amanah pada jawatan yang dipertanggungjawabkan pada mereka. Bezanya ialah

pada pemimpin-pemimpin jenis ini mereka ada mahkamah yang akan menentukan kesalahan-kesalahan mereka. Mereka berhadapan dengan Badan Pencegah Rasuah yang sentiasa mengawasi dan bersedia mengambil tindakan terhadap mereka jika ada bukti-bukti yang jelas dan nyata. Malah mereka mempunyai rakyat untuk mengadili mereka dalam mahkamah pilihanraya nasional dan parti yang boleh segera menentukan tinggi rendahnya kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita menyebut satu falsafah: "Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah" adalah menjadi satu pegangan bangsa Melayu sejak zaman dahulu lagi. Kita tengok filem-filem Allahyarham P. Ramlee cukup banyak. Malah sejarah Raja-raja di dunia juga menjadi contoh betapa Melayu masih setia kepada Rajanya. Sementara hampir seluruh dunia raja-raja disingkir dan dilupakan. Raja-raja Melayu masih dipertahankan meskipun ratio dan jumlah penduduknya adalah tidak seimbang jika dibandingkan dengan seorang raja di Jepun atau seorang raja di Britain dengan jumlah rakyat di negara-negara tersebut.

Lebih dari itu kita tidak mahu cerita raja-raja di negara ini menjadi cerita sejarah sahaja. Bangsa Melayu masih lagi mahu menyamai dan menseirinkan pengertian kedaulatan bangsa itu dengan Rajanya. Maka raja-raja lah yang perlu membuat penyesuaian tentang behavioural pattern, perlakuan dan tindakan raja dalam zaman moden ini, zaman di mana rakyat tidak boleh dicucuk hidung seperti yang berlaku di zaman Sultan Melaka atau sebelum merdeka. Malahan dari segi kesenangan dan kekayaan, nyatalah raja-raja yang ada sekarang jauh lebih senang dan kaya dari raja-raja dahulu.

Oleh itu telah tiba masanya satu persefahaman yang konkrit dicapai dan dipatuhi agar jangsan sampai perselisihan dan kekeliruan pada hak-hak dan

tanggungjawab masing-masing dicemari lagi. Sebelum sesuatu terlambat adalah baik semua pihak berhati-hati dan bermuafakat mencari yang jernih, membuang yang keruh, bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan gading mana yang tidak retak. Bulat air kerana pembemung, bulat manusia kerana muafakat. Semoga bangsa Melayu dan rajanya, kedaulatan akan terus berjalan seiring,

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita mendengar kembali bagaimana gelagat selengah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja (ini Ahli Bayan Baru boleh tunggu) di negara ini telah membuat tindakan-tindakan yang hanya mahu merosakkan imej-negara Malaysia yang kita cintai. Mereka bukan lagi bertindak untuk kepentingan pekerja tetapi lebih merupakan untuk mendapat kepentingan diri mereka sendiri. Apa yang berlaku tentang hasrat pemimpin kesatuan sekerja hendak menarik kesatuan dari International Labour Organisation (ILO) adalah satu contoh untuk mensabotaj nama baik negara dan kesatuan sekerja negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya kita sudah berbincang dengan panjang mengenai perkara ini dahulu dalam Dewan yang mulia ini. Hanya saya ingin mencadangkan, bagi membendungkan tingkah laku setengah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dari bertindak sesuka hati mereka dan membelakangkan kepentingan pekerja, satu peraturan perlu dibuat supaya semua pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak dibenarkan lagi menerima gaji kerana kerja-kerja kesatuan. Sebaliknya hanya diberi elaun tidak melebihi \$500 sebulan. Pindaan dan peraturan mesti dibuat. Dengan ini keikhlasan mereka untuk terus memimpin kesatuan sekerja akan dapat dilihat.

Apa yang berlaku sekarang ialah selengah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja bukan sahaja mengambil gaji beribu-ribu ringgit dari tabung kesatuan

tetapi mengutip berbagai-bagai elaun perjalanan dan sebagainya untuk diri mereka dengan beralaskan perjuangan pekerja. Oleh itu pemberian dan penerimaan gaji adalah dilarang, Jika mereka benar-benar ikhlas, mereka mestilah menganggap ianya sebagai kerja-kerja sukarela dan bukannya makan gaji kesatuan. Kita sering mendengar tentang gaji-gaji pekerja yang tidak pun sampai \$400 hingga \$500 sebulan, tetapi pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang tidak pun membuat kerja melainkan menguruskan kesatuan mungkin dibayar antara \$4,000 hingga \$5,000 sebulan. Sedangkan duit gaji mereka diambil dari potongan gaji pekerja-pekerja bawahan yang benar-benar menumpahkan keringat untuk mencari sara hidup.

Saya percaya jika mereka tidak dibenarkan menerima gaji tetapi diberi elaun khas sahaja, sudah pasti banyak pemimpin kesatuan sekerja yang ada akan berhemih dan akan muncullah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang benar-benar ikhlas yang tidak menganggap makan gaji hasil titik peluh bekerja sebagai sara hidup. Dalam hal ini sistem elaun yang diamalkan oleh CUEPACS dapat dijadikan contoh di mana pemimpinnya tidak hidup dengan makan gaji dari duit ahli yang dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyokong apa yang telah dibawa oleh Ahli Parlimen dari Kota Setar sewaktu membawa Usul Titah Ucapan DiRaja ini iaitu mengenai dengan Majlis Peguam. Sebenarnya masalah Majlis Peguam bukan kali ini sahaja kita bawa dalam Dewan ini. Ianya dibincangkan banyak kali, boleh dikatakan setiap kali Dewan bersidang, masalah Majlis Peguam sering dibangkitkan.

Saya menyokong penuh saranan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Kota Setar supaya struktur dan kedudukan Majlis Peguam dikaji semula supaya peranan Majlis Peguam sebagai badan

profesional bukan sahaja berupaya dan mampu menjaga kepentingan ahli tetapi juga sebagai Majlis Peguam yang boleh dihormati dan tidak terlibat dengan kepentingan-kepentingan yang di luar daripada peranan dan fungsi Majlis Peguam itu sendiri,

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin membetulkan ataupun menjelaskan apa yang saya maksudkan semalam contoh-contoh, untuk rekod dalam Dewan yang mulia ini, apabila disebut bahawa setiap keputusan yang dibuat di mahkamah kalau memihak kepada UMNO ini, mahkamah tidak berat sebelah dan memihak kepada UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri maklumat-maklumat terperinci.

- (1) Pilihanraya Perlis 1982 iaitu pilihanraya kecil di kawasan DUN Beseri di mana calonnya Azmi Khalid, calon BN lawan calon PAS Husin Ahmad. PAS menang tanpa bertanding kerana di waktu itu tersilap isi borang. Pihak PAS membawa kes ini ke mahkamah. Tetapi akhirnya PAS menang tanpa bertanding. Kalau dikatakan mahkamah itu memihak kepada UMNO mungkin terpaksa diadakan pilihanraya sekali lagi. Mana yang dikatakan bukti menyatakan bahawa mahkamah itu memihak kepada parti pemerintah.
- (2) Contoh yang kedua, DUN Tanjung Puteri, Johor, tahun " 1986 atau 1987. Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) mencabar BN di mahkamah. Keputusannya akhirnya Razak Ahmad menang sewaktu melawan Allahyarham Dato' Yunus Sulaiman.

Ini satu lagi bukti di mana mahkamah itu adil dan tidak berat sebelah. Kes Fan Yew Teng, Menglembu Perak, tahun 1974. Dalam kes ini BN berjaya mendapat keputusan mahkamah pada awalnya supaya diadakan pilihanraya

semula. Tetapi Fan Yew Teng mencabar kembali di mahkamah. Akhirnya BN lewas dan tidak ada pilihanraya kecil, bererti juga memihak kepada parti Pembangkang.

Satu lagi contoh kes Hashim Endut, pada satu ketika tahun 1984 gugur sebagai Ahli Parlimen kerana diisytiharkan muflis. Kalaulah Barisan Nasional ini dikatakan mempengaruhi mahkamah, sudah barang tentu perkara ini tidak akan berlaku—korban satu kerusi pihak Barisan Nasional. Samalah juga dengan kes Wakil Rakyat Kota Melaka pada waktu itu, yang sekarang ini Ketua Pembangkang bertanding di Pulau Pinang.

Ketua Pembangkang sendiri pada tahun 1986 didakwa di mahkamah dalam isu Raket kerana membuat beberapa kenyataan yang tidak betul, akhirnya didapati bersalah tetapi dendanya kurang dari \$2,000. Apa kata kalau Kerajaan pemerinlah, parti pemerintah, yang dikalakan boleh dipengaruhi mahkamah, mempengaruhi mahkamah kena denda \$2,001. Sudah barang tentu Ketua Pembangkang tidak ada dalam Dewan Rakyat ini—disqualified, tetapi tidak. Bererti mahkamah kita jelas membuktikan betapa dari segi keadilan tidak memihak kepada mana-mana. Sebab itu kita ingin menyarankan supaya pihak pembangkang cukuplah mempersoalkan institusi mahkamah ini, insititusi kehakiman ini, baik dalam mana-mana ceramah, dalam mana-mana perhimpunan sekalipun kalau tidak bersetuju lawan dari segi politik. Mesti ada polilical witr, berlawan dari segi politik. Jangan kita mempersoalkan institusi yang sudah kita wujudkan melalui sistem pemerintahan yang sudah diterima dalam Perlembagaan negara. Kalau kita mengganggu-gugat kedudukan ini, sudah barang tentu ianya akan menimbulkan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu—sebelum saya merumuskan ucapan ataupun perbahasan saya ini—semalam Ketua Pembangkang juga telah menyebut, cuba sekali lagi hendak

menarik perhatian, hendak menjadikan isudi antara Bank Pertanian dengan Kementerian Kewangan kerana kononnya Kementerian Pertanian dengan Kementerian Kewangan ada masalah. Ertinya memang pihak pembangkang mengharapkan akan berlaku perpecahan di dalam UMNO.

Saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin pemimpin Kerajaan yang ada sekarang kalau kila lihat dari segi kedudukan Naib-naib Presiden UMNO, adalah tokoh-tokoh muda yang mempunyai sejarahnya tersendiri, kehebatan dan kewibawaan mreka dan saya mengenali secara peribadi, baik Menteri Kewangan, baik Menteri Pertanian, baik Menteri Luar yang menjadi pemimpin pelapis yang ada sekarang ini. Saya percaya mereka tidak akan terjebak seperti peristiwa sebelum ini, peristiwa tahun 1981, peristiwa tahun 1984 dan kemuncaknya tahun 1987. Memang pembangkang mengharapkan perpecahan ini dan inilah harapan satu-satunya lagi yang terakhir, jika ada perpecahan, pihak pembangkang akan mendapat untung. Saya tidak fikir perkara ini akan berlaku kerana kita sudah belajar daripada sejarah. Pengalaman sejarah kita sudah cukup mengajar betapa pahitnya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu yang menjadi tulang belakang kepada politik negara kita ini dan kita tidak akan mengizinkan perkara ini berlaku dan mereka hanya mengharapkan sebab isu-isu lain sudah tidak ada tagi. Hendak mengkritik dasar tidak boleh dikritikkan lagi. Hendak bercerita di peringkat antarabangsa, dunia antarabangsa sudah mengiktiraf kita. Hendak mengungkit soal ekonomi, pertambahan ekonomi baik dan peminipin-pemimpin kita di peringkat Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan kakitangan Kerajaan pada pandangan saya secara peribadi keseluruhannya telah perform dengan baik, telah menunaikan tanggungjawabnya. Boleh dikatakan masing-masing dengan tegas

dan kecergasannya, dengan aktiviti-aktivitinya. Jadi, isu ini sudah tidak ada lagi. Yang ada hanya dua sahaja yang mereka harap; sejauh mana mereka boleh menggunakan kedudukan raja-raja sebagai senjata politik. Yang kedua, berdoa kepada Allah Taala kalau ada perpecahan dalam UMNO, bila pecah sekali lagi, mereka akan mendapat untung. Itu sahajalah, yang terakhir. Tidak ada lain lagi, sudah tumpul. Sebab itu saya mengajak rakan-rakan kita semua secara ikhlas, mari kita kembali di bawah satu payung untuk kedaulatan dan martabat perjuangan bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan mereka dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong peraturan yang dibuat oleh Menteri Penerangan. Walaupun Ahli Parlimen Kota Setar mempersoalkan tetapi saya rasa tidak jauh pandangan dengan saya bersabit dengan rambut pendek ini. Sewajarnya kita menyokong tindakan seumpama ini supaya gambar-gambar yang keluar dalam televisyen ini tidak menjolok mata. Bagi kepentingan generasi sekarang dan akan datang dalam erti memupuk moral dan akhlak. Bukan sahaja filem-filem di dalam negara kita, artis-artis negara kita tetapi juga filem-filem import yang kita dapati kalau gelojoh sangat supaya ianya dihentikan.

Saya menyokong tindakan yang telah dibuat oleh Menteri Penerangan ini supaya sekurang-kurangnya ianya satu lagi perubahan di mana banyak perubahan sebelum ini dibuat yang sudah menjadikan Kementerian Penerangan sebagai satu Kementerian yang cukup dinamik sekarang ini. Begitu juga dengan Kementerian-kementerian lain, baik keseluruhan Kementerian yang tidak dapat saya sebut satu persatu tetapi saya menyatakan tadi saya mengucapkan tahniah di atas prestasi rakan-rakan kita di dalam Kabinet ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi rumusannya, kita baru sahaja selesai mengadakan satu pilihanraya kecil di

Bukit Payung. Barisan Nasional sekali lagi berjaya merampas kembali kerusi Bukit Payung dari tangan PAS dengan majoriti 389 undi. Dengan kemenangan itu, jelaslah rakyat sekali lagi telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk meneruskan segala dasar yang ada di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kepimpinan Kerajaan Terengganu yang telah berjaya memandu pengundi-pengundi Bukit Payung untuk membuat pilihan yang tepat dan baik dari sebelumnya. Dengan kemenangan Bukit Payung itu, jelaslah apa yang digembar-gemburkan oleh PAS tentang cerita raja dan UMNO, tentang hukum hudud dan janji-janji manisnya tidak diterima oleh rakyat. Rakyat tahu PAS dan sekutu-sekutunya tidak berkemampuan untuk membuat sesuatu yang konkrit. Apa yang sedang berlaku di Kelantan adalah bukti jelas PAS hanya bermain politik dengan teori, kosong yang tidak menampakkan sebarang cahaya untuk menyinarakan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pilihanraya kecil adalah wajar pihak Kerajaan memikirkan semula keperluan yang sebenar. Ini saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Marang. Dia sudah mula menyoalkan perlu atau tidaknya pilihanraya kecil. Semalam dia sebut tidak perlu sebab menghabiskan wang ringgit. Baru kalah sekali sudah tidak mahu lagi pilihanraya kecil—very good. Jadi, kita mengalu-alukan, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin mencadangkan pilihanraya kecil—memang saya bersetuju dalam bab ini dengan Ahli Parlimen dari Marang—bukan sahaja memakan banyak masa dan tenaga tetapi juga perbelanjaan yang banyak. Adalah lebih baik jika berlaku kekosongan pada setengah kawasan pilihanraya, pilihanraya kecil tidak perlu diadakan, di sebaliknya kita mencari satu mekanisme yang perlu dibentuk bagaimana untuk mentadbir kawasan tersebut dan pilihanraya hanya akan diadakan pada pilihanraya Kebangsaan.

Ini disebabkan dengan adanya pilihanraya kecil, ia lebih banyak mewujudkan politik yang berterusan di kalangan rakyat. Hasilnya ialah pembaziran tenaga dan waktu yang sepatutnya ditumpukan pada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sepatunya diajar kurang berpolitik atau hanya berpolitik pada musim pilihanraya Nasional sahaja dan bukan sepanjang masa. Walaupun kita mengamal demokrasi dan kita akan tetap mendukung demokrasi. Apatah lagi dalam setiap tempoh, lima atau empat tahun pilihanraya terdapat banyak sekali pilihanraya kecil, sehingga ini telah mewujudkan suasana politicing yang berterusan dari satu pilihanraya Nasional ke satu pilihanraya nasional. Dalam waktu negara sedang menuju ke era pembangunan yang pesat, pemikiran rakyat haruslah dialih kepada soal-soal pembangunan daripada politik. Dalam banyak hal, pilihanraya kecil hanya akan memberi kesempatan kepada parti-parti pembangkang khasnya parti politik kecil ini untuk menangkup di air yang keruh.

Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dalam mengambil bahagian perbahasan atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menjunjung kasih kepada Ke bawah Duli Raja-raja kita dan saya sampaikan ucapan ini dan saya sudah namakan ucapan ini, Tuan Yang di-Pertua iaitu "Menangani Rasuah Politik Syirik". Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kok Lanas.

4.18 ptg,

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang Parltmen pada

27hb April baru-baru ini dan seterusnya mengambil bahagian di dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya telah menyeru supaya media massa di negara ini menggunakan sebaik-baiknya kebebasan akhbar. Media massa haruslah menyedari akan tanggungjawab kepada masyarakat dengan bersikap positif khususnya untuk menjaga suasana keharmonian dan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita melihat dengan jelas peranan yang dimainkan oleh media massa di negara ini yang telah memaparkan beberapa cerita sebelah pihak yang seolah-olah telah memberi gambaran yang berat sebelah, gambaran yang tidak benar sehingga telah mewujudkan satu suasana yang tidak harmoni di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini semasa dalam bulan Ramaddan yang penuh berkat, kesucian bulan Ramadan telah dikeruhkan oleh berita gempar yang tidak benar, yang sengaja diperbesar-besarkan untuk memuaskan nafsu pihak-pihak tertentu. Berita yang tidak benar itu telah dijadikan pokok berita oleh sesetengah media massa di negara ini.

Saya memetik *Utusan Malaysia* bertarikh 24hb April 1992 dengan tajuk beritanya "Sultan Kelantan Elak Cukai Kereta \$2.1 juta". *Berita Harian* pada hari yang sama 24hb April 1992 membuat tajuk beritanya "Sultan Kelantan Lari Cukai \$2 juta". Gambaran yang telah dimainkan oleh dua berita ini telah menunjukkan seolah-olah bahawa Kebawah Duli Al-Sultan Kelantan adalah merupakan seorang sukan yang tidak patuh kepada undang-undang. Gambaran seperti ini jika diberi suatu gambaran yang adil dan saksama sudah tentu kita akan dapat melihat tafsiran

yang jelas berkenaan kedudukan dan Perintah Cukai Kastam 1991. Saya berhajat untuk membincangkan ini Tuan Yang di-Pertua, secara akademik. Membahaskan sama ada peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu dalam membangkitkan isu ini secara besar dan meluas adalah kena pada tempatnya atau sengaja diada-adakan.

Tuan Yang di Pertua, isu membeli kereta Lamborghini ini adalah satu isu yang ringkas dan simple. Jika sekiranya kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengendalikan isu ini, saya percaya ianya dapat diselcsaikan lanpa menjadi satu berita gempar sehingga seolah-olah negara ini sudah dilanda oleh ribut taufan.

Sebenarnya isu ini adalah satu isu yang tidak rumit. Isu lersebut suatu isu mudah, jelas, berkait dengan peraturan yang sudah sedia ada. Sekiranya peruntukan undang-undang yang ada itu di tafsirkan secara rasional tanpa perasaan hasad dengki dan dendam kesumat ianya tidak munasabah akan menjadi suatu isu gempar dan hangat.

Tuan Yang di Pertua, sekiranya kita membaca Perintah Cukai Kastam (Pengecualian) 1991 yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri pada 14hb Oktober 1991 dan jika kita mentafsirkan undang-undang ini dengan jelas maka jelas kepada kita bahawa Yang Di Pertuan Agong dan Sukan-sultan adalah merupakan orang-orang atau kumpulan orang yang dikecualikan daripada membayar cukai import dalam pengimportan samada barang-barang untuk kegunaan rasmi atau kegunaan peribadi baginda-baginda.

Tuan Yang di Pertua, pengimportan mengenai kereta adalah termasuk di bawah peraturan pengecualian cukai berkenaan. Manakala jumlah kereta yang boleh diimport ini telah ditelapkan di bawah Perintah Cukai (Pengecualian) 1991 ini adalah diputuskan oleh "Ruler-

in-Council". Perkataan "Ruler-in-Council" ini telah jelas ditakrifkan di bawah Akta Tafsiran 1967 yang bermaksud Pihak Berkuasa Negeri atau State Authority. Dalam kes pngimportan kereta oleh Kebawah Duli Al-Sultan Kelantan pihak berkuasa Kerajaan negeri telah memutuskan bahawa jumlah kereta yang boleh diimport oleh Kebawah Duli Sultan adalah tidak terhad memandangkan jumlah kereta dan pengimortannya adalah melibatkan duit atau wang peribadi baginda sendiri. Oleh kerana Kebawah Duli Al-Sultan Kelantan dikecualikan daripada membayar cukai import yang disebutkan secara jelas dan nyata di bawah Perintah Kastam (Pengecualian) 1991 maka kalau ada kenyataan akhbar atau tajuk berita manamana media massa di negara ini yang menggambarkan bahawa Duli Al-Sultan Kelantan melarikan cukai ianya adalah satu pembohongan dan fitnah yang amat dahsyat.

Tuan Yang di Perlua, pembohongan dan fitnah yang sengaja dibuat ini untuk menghina dan mengaibkan Al-Sullan Kelantan. Penghinaan terhadap sultan adalah penghinaan terhadap rakyat dan Kerajaan Negeri Kelantan. Tetapi yang anehnya ada sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin politik yang berasal dari negeri Kelantan sendiri cuba menanggung di air keruh dengan teus melakukan penghinaan ini. Saya merasa hairan Tuan Yang di Pertua, sejak tahun 1989, 1990, 1991 pada tiap-tiap Perhimpunan Agung UMNO membangkitkan isu raja-raja ini. Kalau kita melihat dengan jelas ucapan yang dibuat oleh tiap-tiap perwakilan ini ianya adalah bertentangan dengan Akta Hasutan 1948. Seksyen 3 Akta Hasutan dengan jelas menyebut bahawa membangkitkan sesuatu untuk mengaibkan Kebawah Duli Sultan dengan niat untuk membangkitkan rasa marah rakyat kepada sultan adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang. Laporan polis demi laporan polis dibuat tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap golongan mereka ini.

Tuan Yang di Pertua, apabila kita memperkatakan soal ini, soal kedudukan institusi raja-raja, sebenarnya kalau kita melihat dalam kedudukan Perlembagaan negara kita adalah jelas. Tidak perlu kita mempertikaikannya kerana Pertembagaan negara ini telah meletakkan kedudukan raja-raja dan institusi-institusi raja-raja ini di suatu tempat yang jelas. Kalau kita memahami kedudukan Perlembagaan negara secara akademik, kita telah memahami dengan jelas fungsi institusi yang dimainkan oleh raja-raja ini. Tanpa, lanpa kita membangkitkan sesuatu perasaan, tanpa kita mengemukakan satu pandangan yang begitu meluas sehingga melibatkan rakyat jelata, sehingga meningkatkan suatu rasa yang tidak senang hati rakyat terhadap institusi raja-raja ini.

Saya tidak menuduh bahawa pemimpin UMNO membenci institusi raja-raja tetapi apa yang sayapertikaikan oleh saya, pernah berkali-kali saya bangkitkan di dalam Parlimen dalam persidangan belanjawan yang lepas, ialah cara bagaimana isu ini dikendalikan, seolah-olah ianya sudah terkeluar daripada batas dan peradaban kita orang-orang Melayu. Kalau kita baca buku Perlembagaan negara, institusi-institusi raja-raja memainkan peranan dua perkara. Yang pertama di bawah Perkara 3 Perlembagaan Negara, raja-raja adalah merupakan ketua kepada Agama Islam di negeri-negeri yang mempunyai raja. Manakala di negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, Yang di-Pertuan Agong adalah menjadi Ketua Agama. Sebagai ketua agama Islam, Baginda Al-Sultan mestilah dilihat sebagai pemimpin, mestilah dilihat sebagai Imam.

Perkara yang kedua, ialah yang dimaksudkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Negara. Institusi Raja-raja dan Sultan-sultan adalah merupakan pelindung dan benteng terakhir untuk menyelamatkan hak istimewa orang-orang Melayu yang termaktub di bawah Perkara 152 Perlembagaan Negara. Hak-

hak istimewa orang-orang Melayu ini pula adalah disebut dengan jelas di dalam Perlembagaan Negara yang mana sebarang pindaan yang hendak dibuat bersabit dengan hak istimewa ini tidak boleh diganggu-gugat oleh mana-mana pihak. Hatta apa-apa pindaan yang cuba untuk dibuat berhubung dengan hak keistimewaan ini tidak boleh diluluskan di dalam Parlimen ini melainkan mesti mendapat izin daripada Kebawah Duli Al-Sultan-Al-Sultan dan melalui Majlis Raja-raja. Sebab itulah apabila ada cadangan untuk mengatakan bahawa telah tiba masanya untuk mengadakan satu Kod Perilaku ataupun Kod Etika bagi Raja-raja Melayu ini, saya rasa usaha ini ialah suatu usaha yang . . .

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tadi Yang Berhormat kata Raja melindungi hak istimewa orang Melayu. Kalau tidak silap saya, pada satu masa dahulu wakil dari Marang berkata hendak menghapuskan hak istimewa orang Melayu. Jadi apakah pandangan Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pertamanya, saya tidak dapat pastikan kebenaran apakah pernah Yang Berhormat dari Marang berucap demikian. Saya tidak pernah mendengar ucapan sedemikian yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah apabila cadangan yang dikemukakan oleh pihak UMNO untuk mengadakan Kod Etika bagi Raja-Raja, saya rasa usaha ini ialah satu usaha yang sia-sia.

Kalau kita hendak mengadakan kod etika bagi Raja-Raja oleh kerana Raja-Raja ini hek semua rakyat di dalam negara ini, institusi yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara kita dan Perlembagaan dijunjung oleh semua orang, maka pandangan daripada parti-parti politik lain dan golongan masyarakat lain juga perlu diadakan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyebut, apabila kita mengajukan, oleh kerana etika diadakan untuk Raja-Raja, apakah tidak perlu satu etika diadakan untuk pemimpin-pemimpin politik, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut orang politik tidak perlu etika kerana mereka telah tertakluk kepada Akta Mencegah Rasuah, Kanun Keseksaan dan kesalahan-kesalahan yang terdapat di bawah undang-undang yang sedia ada. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita faham tentang kedudukan undang-undang di negara ini. Selain daripada kesalahan-kesalahan yang ditakrifkan di bawah undang-undang berkenaan terdapat banyak lagi perbuatan-perbuatan orang-orang politik yang tidak salah dari segi undang-undang tetapi salah dari segi moral. Misalannya, saya beri contoh, seorang Menteri yang berkedudukan menjawat jawatan Menteri menelefon seorang Pengerusi Jawatankuasa Tender meminta kerjasama beliau untuk memberi sesuatu tender kepada sesuatu syarikat atau kumpulan orang-orang tertentu, perbuatan ini tidak salah di sisi undang-undang, tetapi dari segi moral adalah satu perbuatan yang salah. Lebih-lebih lagi. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sedia ada dalam negara ini bahawa sanction to prosecute, kuasa untuk mendakwa tidak terletak kepada tangan rakyat, tidak terletak kepada orang yang menjadi mangsa di dalam penyelewengan.

Di bawah seksyen 376 Kanun Acara Jenayah telah menyebut dengan jelas bahawa Peguam Negara adalah orang yang berhak mengemukakan sanction to

prosecute ke atas mana-mana orang yang bersalah. Adakah terfikir kepada kita, cuba kita fikir dan kita tanya diri kita sendiri apakah munasabah Peguam Negara memberi sanction to prosecute ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Bolehkah, mungkinkah Peguam Negara memberi sanction to prosecute ke atas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Bolehkah Peguam Negara memberi sanction to prosecute ke atas mana-mana Menteri Kabinet? Inilah yang kita pertikaikan. Walaupun kesalahan itu ditakrif dengan jelas dan nyata di bawah Perlembagaan, tetapi oleh kerana kuasa atau sanction to prosecute itu terletak kepada tangan Peguam Negara dan Peguam Negara yang duduknya secara jelas di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka tindak-taduknya juga boleh disemak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebab itulah kita telah membangkitkan banyak kali dalam soal kita hendak menyelesaikan masalah penyelewengan di dalam negara ini, "sistem Ombudsman" perlu diselesaikan. Kalau kita hendakkan kepada suatu Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, langgungjawab Peguam Negara tidak semestinya kepada Perdana Menteri tetapi mestilah terus kepada Parlimen ini. Begitu juga institusi Badan Pencegah Rasuah yang letaknya di bawah Jabatan Peguam Negara. Semua ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan-perbuatan jika ada yang dilakukan oleh mana-mana pemimpin politik tidak boleh dibawa sebegitu senang.

Oleh yang demikian, kalau pihak Kerajaan atau UMNO berhasrat untuk mengenakan etika pre laku ke atas Raja-Raja, pada masa yang sama saya mencadangkan suatu etika dan pre laku ke atas orang-orang politik juga perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah isu pengimportan Lamborghini Sultan Kelantan, dalam soalan saya kepada Yang Berhormat

Menteri Kewangan, saya telah kemukakan beberapa soalan untuk dijawab tetapi malangnya Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak ada dalam Dewan ini—dan telah dilaporkan dalam akhbar kelmarin, 29hb April, 1992 mengenai soalan yang ditanya oleh saya tetapi tidak jelas.

Saya hendak kemukakan soalan ini sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kes pengimportan kereta oleh Sultan Kelantan. Apakah motif sebenar kes itu ditimbulkan secara meluas dan dihebahkan begini ke seluruh negara melalui semua media massa di negara ini? Yang kedua, apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu menandatangani PUA 430, pengecualian pindaan No.9/1991-pada 14.10.1991 benar-benar faham akan kandungan perintah tersebut serta implikasinya? Jika Yang Berhormat Menteri Kewangan faham, apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan faham berhubung dengan perkataan "Ruler-in-Council" dan apakah perbezaan antara "Ruler-in-Council" dengan "Conference of Rulers."

Tuan Yang di-Pertua, sebarang peraturan-peraturan yang melibatkan kepentingan Raja-raja di negara ini mestilah mengikut keperluan perkara 38(4) Perlembagaan Negara, mendapat izin daripada Majlis Raja-Raja Melayu. Perintah Pengecualian Cukai 1991 yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mestilah mengikut Perkara 38(4) Perlembagaan Negara dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja Melayu untuk mendapat keizinan. Jika perkara ini tidak dilakukan, ianya tidak boleh menjadi undang-undang.

Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah Perintah Pengecualian Cukai Bil. 9/1991 tersebut telah dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja Melayu untuk ditandatangani? Saya difahamkan perintah ini tidak pernah dibentangkan

kepada Majlis Raja-Raja Melayu. Jika demikian, bermakna Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap sesuatu undang-undang yang tidak sah—undang-undang yang tidak sah sejak daripada awal lagi. Kalau beliau bercakap tentang sesuatu undang-undang yang tidak sah, kegagalan beliau membawa perintah pengecualian ini ke Majlis Raja-Raja Melayu adalah merupakan satu kecuaihan yang amat sangat dan Yang Berhormat Menteri Kewangan harus meletakkan jawatan di atas isu ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar keputusan kes Mahkamah Agung berhubung dengan rayuan yang dibual oleh Kerajaan Negeri Kelantan Dewan Undangan Negeri Kelantan terhadap dua orang ADUN di negeri Kelantan. Keputusan mahkamah ini telah mencatatkan satu era baru di dalam perkembangan undang-undang Perlembagaan Negara kita.

Mengikut Mahkamah Agung, pindaan Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan untuk menyekat seseorang ahli melompat parti adalah bertentangan dengan Perkara 10(1) (c) Perlembagaan Negara. Dewan Undangan Negeri Kelantan telah mematuhi keputusan tersebut dan dua orang ADUN berkenaan telah dijempul menghadiri mesyuarat. Apa yang saya hendak bangkikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menerima keputusan Hakim Mahkamah Agung berhubung dengan perkara yang sama iaitu undang-undang yang diadakan untuk menyekat mana-mana Ahli melompat parti adalah bertentangan dengan hak asasi Perlembagaan di bawah Perkara 10(1) (c) Perlembagaan Negara maka saya hendak memberitahu banyak lagi undang-undang lain yang sedia ada adalah bertentangan dengan Perkara 10(1) (c) Perlembagaan Negara.

Saya beri satu contoh. Jika kita menerima keputusan Mahkamah Agung itu sebagai keputusan yang mengikat dan kita mesti mematuhi keputusan itu, maka

undang-undang lain yang ada di negara ini yang bercanggah dengan keputusan Mahkamah Agung tersebut harus dipinda. Terdapat banyak peruntukan undang-undang negara ini yang benentangan dengan Perkara 10(1) (c) sesuai dengan hasrat dan semangat keputusan Mahkamah Agung dalam kes tersebut-

Pertama, di bawah Akta Profesion Guaman yang menyebut secara jelas mengenai "office bearers" bahawa dengan izin:

"Mana-mana orang yang memegang jawatan di dalam Majlis Peguam tidak boleh terlibat mana-mana jawatan di dalam parti".

Seksyen 15 Trade Union Act memberi kuasa budibicara kepada Ketua Pengarah Trade Union sama ada untuk mendaftar atau tidak mana-mana pertubuhan Persatuan Sekerja, manakala seksyen 29 Akta yang sama dengan jelas dan nyata menyekat mana-mana orang yang memegang jawatan dalam pertubuhan Persatuan Sekerja daripada memegang apa-apa jawatan di dalam politik. Seksyen 52 menyekat penggunaan wang Persatuan untuk kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 13(3) Akta Perhubungan Perusahaan memberi keistimewaan kepada majikan untuk tidak menjadikan perkara-perkara seperti pemecatan, pergantungan, pertukaran pekerja yang tidak boleh dijadikan isu dalam rundingan secara berkumpulan. Seksyen 23 Akta yang sama memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia sama ada ingin merujuk sesuatu pertikaian itu kepada mahkamah perusahaan atau tidak bagi penyelesaian.

Semua peruntukan yang saya bacakan ini secara jelas dan nyata bertentangan dengan Perkara 10(1) (c) Perlembagaan negara. Kalau kita menerima keputusan itu, keputusan berhubung dengan dua orang ADUN di negeri Kelantan, kita menerima semangat keputusan itu, ternyata bahawa perbuatan menyekat

mana-mana office bearers atau pemegang jawatan di dalam trade union dan di bawah Akta Profesion Guaman untuk menyertai mana-mana pertubuhan politik adalah suatu perbuatan yang sememangnya bertentangan dengan Perkara 10(1) (c).

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau pihak Kerajaan secara ikhlas dan nyata ingin mematuhi peruntukan ini, maka pindaan-pindaan yang sewajarnya mestilah dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang telah saya bacakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini timbul isu. Tadi pun telah disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tentang tindakan yang dibuat oleh Pertubuhan Pekerja-pekerja Logam Dunia yang cuba membawa suatu usul kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk menghalang penyertaan Malaysia daripada mengambil bahagian di dalam mana-mana konvensyen buruh di negara ini. Kemudian pihak pemimpin kesatuan sekerja dituduh cuba menghasutkan mereka ini supaya tindakan sedemikian dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dipertikaikan oleh Kesatuan Sekerja ialah Konvensyen Buruh Antarabangsa (Konvensyen 1987) menyebut dengan jelas bahawa hak untuk menubuhkan persatuan mestilah diberi oleh mana-mana Kerajaan kepada mana-mana pekerja. Konvensyen 1987 yang telah diterima oleh seluruh pertubuhan-pertubuhan buruh antarabangsa mestilah memberi kebenaran kepada mana-mana pekerja di negara ini untuk menubuhkan persatuan. Tetapi di negara ini Seksyen 15 dan seksyen berikutnya memberi kuasa kepada Ketua Pengarah daripada mendaftar mana-mana pertubuhan, tidak secara automatik. Oleh kerana Konvensyen Buruh Antarabangsa itu, Konvensyen 1987 yang tidak terpakai di negara ini maka hasilnya usaha yang dibuat oleh satu kumpulan untuk mendaftarkan Persatuan Pekerja-

Pekerja Industri Elektronik yang akhirnya akan mewakili 120,000 pekerja di negara ini sudah tidak dapat dilakukan. Permohonan demi permohonan telah dibuat oleh 120,000 orang ini untuk menubuhkan persatuan tetapi mereka ini telah dinafikan haknya daripada menubuhkan persatuan. Apa yang diberi hanyalah "In-house Trade Union" yang tidak akan memberi kesan kepada majikan sedangkan kita tahu pada masa yang sama majikan adalah multi-international. Syahkat gergasi antarabangsa yang boleh pada bila-bila masa mengeksploitasi mereka ini. Sebab itu kita tidak hairan kalau kita mendengar Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa terdapat kekurangan tenaga buruh di negara ini dalam industri elektronik kerana gaji yang dibayar adalah terlalu murah. Gaji yang dibayar adalah tidak setimpal dan mereka ini yang cuba hendak menuntut hak ini 120,000 ahli yang ada di seluruh negara ini sehingga kini tidak diberi peluang untuk menubuhkan persatuan.

Kemudian, MTUC membawa cadangan menolong mereka ini menubuhkan tetapi pemimpin-pemimpin mereka pula dituduh untuk memporak-perandakan negara, mengancam keselamatan negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah sekali lagi melihat dan mendengar keputusan yang dibuat oleh hakim di Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu. Hasilnya suatu pilihanraya kecil telah diadakan di Dewan Undangan Negeri Bukit Payung di Terengganu. Barisan Nasional telah menang dengan majoriti 389. Saya ucap tahniah kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apa yang telah saya tanya Yang Berhormat Menteri Undang-undang Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu telah mencatatkan satu

keputusan baru dalam perketnbanan kes pilihanraya di negara ini. Sebelum daripada ini mengikut pengetahuan saya telah ada dua kes yang diputuskan oleh hakim yang membicarakan kes-kes election petition seperti ini. Dalam kes yang pertama kalau tidak silap saya terdapat 200 undi yang dipertikaikan. Kalau tidak silap saya kes yang telah diputuskan oleh Hakim Ismail Khan pada masa itu. 200 undi yang telah dipertikaikan. Manakala selepas itu telah diputuskan dalam satu kes lain oleh Yang Amal Arif pada masa itu—Sultan Azlan Shah sekarang—yang menjadi hakim pada masa itu 100 undi yang dipertikatkan. Tetapi hakim dalam kedua-dua kes itu tidak mengisytiharkan keputusan pilihanraya itu tidak sah.

Tetapi di Terengganu baru-baru ini hanya satu undi yang dipertikai tetapi keputusan telah dibuat, pilihanraya 21 Oktober 1990 tidak sah. Saya tidak berniat untuk mempertikaikan keputusan mahkamah. Kita patuh keputusan mahkamah. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sudah terdapat dua keputusan yang berbeza oleh dua Mahkamah Tinggi yang berlainan. Satu keputusan oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar kes dan satu lagi keputusan Hakim Mahkamah Tinggi lain yang mendengar kes lain berhubung dengan isu yang sama. Jadi sudah tentulah perkara ini kalau kita lihat dari segi perlaksanaannya sudah tentu tidak logik. Bagaimana suatu isu yang sama ada dua keputusan yang berlainan. Sebab itulah saya mencadangkan dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang supaya diadakan suatu rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi di hadapan tiga orang hakim. Sepertimana yang kita lalui kes election petition seperti ini didengar oleh seorang hakim dan hakim itu juga manusia biasa yang boleh membuat kesilapan.

Saya masih ingat Yang Berhormat Tuan Speaker sendiri semasa menjadi hakim di Terengganu mendengar suatu kes election petition telah mencadangkan dalam kes itu telah

melahirkan rasa bimbang oleh kerana kes elcction petition ini hanya didengar oleh seorang hakim maka kemungkinan kesilapan akan berlaku. Maka Yang Arif Tuan Speaker yang pada masa itu menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Trengganu telah mencadangkan supaya suatu reference dibuat daripada Mahkamah Tinggi kepada suatu panel hakim yang terdiri daripada tiga orang hakim untuk menyemak keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kehakiman dalam menjawab soalan saya kelmarin telah menyatakan ini mungkin mengambil masa yang lama. Kalau kita membuat perkara ini melalui rayuan sudah tentu ianya mengambil masa yang lama kerana record of appeal dan sebagainya mesti disediakan. Tetapi kalau kita buat melalui semakan judicial review atau reference kepada mahkamah atau suatu tingkat bidang kuasa yang lebih tinggi dengan memakai tiga orang hakim untuk menyemak kesahihan keputusan hakim Mahkamah Tinggi, maka pembaziran masa dapat dielakkan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kalau Kerajaan tidak berhasrat untuk membolehkan rayuan dibuat daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Agong satu bidang kuasa lain, maka satu peruntukkan undang-undang mestilah dibuat untuk membolehkan satu semakan dibuat oleh suatu jawatankuasa kehakiman yang terdiri daripada tiga orang hakim untuk menyemak keputusan kes Mahkamah Tinggi yang meng isytiharkan sesuatu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh rakyat Bukit Payung dalam pilihanraya yang lepas. Tetapi apa yang saya hendak membangkitkan ialah perkara lama. Cuma sekadar mengingatkan sekali lagi bahawa proses demokrasi di negara ini mesti berjalan dengan baik. Untuk memastikan proses demokrasi berjalan dengan baik,

Kerajaan mestilah dalam apa juga keadaan sekalipun memastikan setiap pilihanraya sama ada pilihanraya umutn negara atau pilihanraya kecil, ianya berjalan dalam keadaan yang adil dan saksama. Bagi memastikan pilihanraya yang adil, beberapa perkara mesti wujud.

Pertama, untuk mewujudkan pilihanraya yang adil dan saksama perkara pertama yang mesti wujud ialah semua parti-parli politik yang bertanding mestilah diberi peluang sama rata untuk menggunakan kemudahan-kemudahan awam. Untuk mewujudkan pilihanraya yang adil dan saksama, semua parti-parti politik yang bertanding mestilah diberi kemudahan untuk menggunakan kemudahan awam secara adil dan saksama.

Kedua, untuk mewujudkan pilihanraya yang adil dan saksama, calon-calon yang bertanding mestilah diberi peluang yang sama rata untuk menggunakan kemudahan mass-media di negara ini.

Yang ketiga, Undang-undang Pilihanraya mestilah dipakai kepada semua parti-parti politik dan calon yang bertanding tanpa memilih bulu. Pilihanraya Bukit Payung telah sekali lagi memperlihatkan secara jelas dan nyata bagaimana Barisan Nasional secara tanpa segan, tanpa silu menggunakan kemudahan-kemudahan jentera Kerajaan untuk melawan parti Pembangkang. Parti Pembangkang PAS yang berlandung dalam pilihanraya tersebut boleh menggunakan kemudahan demikian, boleh menggunakan kemudahan Kerajaan Negeri Kelantan, boleh panggil Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Kelantan kalau kita hendak gunakan kemudahan itu. Tetapi kita memikirkan bahawa perbuatan sedemikian adalah bercanggah dengan moral masyarakat negara ini. Sebarang penggunaan jentera Kerajaan di dalam pilihanraya adalah suatu perbuatan penyalahgunaan harta rakyat, maka kita tidak melakukan demikian. Tetapi Barisan Nasional

secara jelas dan nyata menggunakan semua jentera Kerajaan untuk membanui kemenangan calon mereka.

Undang-undang Pilihanraya pula telah tidak dilaksanakan secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri dalam pilihanraya Bukit Payong, semasa saya bersama dengan Ahli Yang Berhormat Nilam Puri di suatu kawasan dalam pilihanraya kecil, penomon lebih kurang 6,000 orang, saya sendiri telah disekat daripada berucap, diberi notis di bawah Seksyen 27 daripada berucap sedangkan Barisan Nasional pada masa yang sama dibenarkan berucap, tetapi pihak kami tidak dibenarkan berucap. Tetapi saya seorang "a law abiding citizen", saya patuh peraturan tersebut yakni tidak berucap.

Jadi, kalaulah perkara-perkara seperi ini dilakukan terhadap parti Pembangkang, soal menang Barisan Nasional 300, 400, 1,000 undi pun dari segi moralnya bukan suatu pemandangan yang sebenarnya kerana perkara ini ialah suatu perkara yang nyata berlaku, kewujudan pihak tentera dan polis. Saya difahamkan di antara 1,500 hingga 2,000 anggota. Saya difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu hampir 3,000 polis ditempatkan di sana. Kawasan Bukit Payung adalah satu kawasan yang kecil, ke mana sahaja kita pergi bertembung dengan pihak polis.

Dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang seolah-olah suatu pilihanraya yang diadakan di Nicaragua, bukan pilihanraya yang diadakan di Malaysia, suasana takut dan gerun ini lelah wujud di kalangan rakyat sehingga kita difahamkan ada yang takut untuk keluar mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berkehendakan suatu keputusan pilihanraya yang adil untuk melaksanakan sistem demokrasi di

negara ini dengan baik dan sebaiknya, maka apa yang saya katakan tadi, peluang-peluang yang sama rata ini mestilah diberikan kepada semua parti-parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di dalam Dewan ini. Saya membaca Berita Harian 29hb April 1992. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa meraikan kemenangan calon Barisan Nasional di Terengganu telah menyebut antara lain, saya baca petikan akhbar ini:

"Ghafar berkata—PAS juga didapati cuba menentang beberapa projek pembangunan seperti pembinaan Empangan Hidro Pergau yang dibina untuk faedah rakyat Negeri Kelantan."

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ayat yang dapat saya lafazkan di dalam Dewan yang mulia ini, amat dukacita dengan kenyataan ini, Kenyataan daripada seorang Timbalan Perdana Menteri yang saya cukup hormat, matang di dalam politik tetapi membuat kenyataan yang sedemikian rupa. Menduduh Kerajaan Negeri Kelantan menolak pembangunan untuk rakyat Kelantan. Tidak ada sebuah Kerajaan yang berfikiran waras sama ada ianya dipimpin oleh seorang Tok Guru atau dipimpin oleh seorang intelektual Barat atau oleh seorang profesor atau oleh seorang doktor yang menyekat pembangunan untuk rakyat negeri ini. Langsung tidak munasabah.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Silakan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bolehkah Ahli Yang Berhormat beritahu kepada Dewan yang mulia ini, sekiranya Kerajaan PAS tidak

menentang projek Pergau oleh Tenaga Nasional Berhad, kenapakah dan bagaimanakah caranya Yang Berhormat akan memujuk Kerajaan PAS supaya projek ini terus berlaku kerana kalau lama sangat nanti harganya mungkin bertambah dan rakyat akan rugi.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Larut ini out of date. Projek ini berjalan seperti biasa.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Penjelasan. Saya tahun projek ini berjalan, tetapi penenlangan itu nampaknya hebat, kalau boleh mintaah Ahli dari Kok Lanas beritahu kepada Kerajaan Kelantan supaya jangan menentang lagi. Dan apakah Kerajaan Kelantan minta dari Tenaga Nasional Berhad?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah saya senluh isu ini.

Saya melahirkan perasaan dukacita yang amat sangat, kenyataan daripada seorang Timbalan Perdana Menteri yang saya kagum dan saya hormati, sebagai seorang ahli politik veteran negara ini, tetapi membuat kenyataan sedemikian.

Tuan yang di-Pertua, tidak ada kerajaan di dalam dunia ini yang menyekat pembangunan untuk rakyat. Kalau ada sebuah kerajaan yang cuba menyekat pembangunan untuk rakyat, kerajaan itu sudah lama digulingkan oleh rakyat. Cuba sebut kepada saya di mana sebuah kerajaan di dalam dunia ini yang menyekat pembangunan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes isu Pergau, isunya adalah jelas, rundingan-rundingan awal telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional semasa mereka memerintah Negeri Kelantan sebelum tahun 1990. Sebelum daripada Kerajaan Negeri Kelantan sekarang, Angkatan Perpaduan Ummah mengambil alih pucuk pimpinan negeri pada 21hb Oktober 1990; semasa

rundingan itu dibuat oteh kerana Barisan Nasional pada masa itu memerintah Kelantan, maka mereka memberi keizinan secara mulut—saya difahamkan—untuk meneruskan projek ini. Perjanjian yang bertulis tidak pernah ditandatangani, tidak ada satu perjanjian yang bertulis ditandatangani antara Tenaga Nasional Berhad dengan Kerajaan Negeri Kelantan, sedangkan Tenaga Nasional Berhad telah menandatangani perjanjian dengan Kerjaya Balfour Beatly Cementation Sdn. Bhd. Yang anehnya, sanggup pihak Tenaga Nasional Berhad (TEN) menandatangani perjanjian, di mana pihak TEN menandatangani dengan pihak Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. tanpa terlebih dahulu menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Barangkali mereka lakukan ini dengan harapan Pilihanraya Umum 1990, Barisan Nasional memerintah sekali lagi. Tetapi malangnya Barisan Nasional kena pukulan T.K.O. dalam tahun 1990, perkara ini tergendala. Itu perkaranya yang berlaku, tidak ada perjanjian bertulis.

Apabila Kerajaan baru mengambil alih, sudah tentulah syarat-syarat, peraturan-peraturan mesti dirunding semula. Apa yang diputuskan oleh Kerajaan Barisan Nasional, itu persoalan Barisan Nasional sebelum 1990. Bila Kerajaan baru mengambil alih sualu rundingan dibuat di antara pihak TEN dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Dan di dalam rundingan itu, semasa rundingan dibuat beberapa kalipun projek Pergau diteruskan, tidak ada tergendala sedikit pun. Tetapi Kerajaan Negeri Kelantan bertindak apabila pihak Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. melanggar peraturan mencerooboh kawasan tanah Kerajaan. Perbuatan mencerooboh ini salah di bawah Kanun Tanah Negara, salahkah kalau Kerajaan Negeri bertindak? Bukan berniat untuk menghalang projek Pergau, Kerajaan Negeri Kelantan pun sedang berunding dengan pihak Tenaga Nasional supaya meneruskan usaha ini, cuma di dalam pembayaran itu, Kerajaan

Negeri Kelantan meminta suatu pembayaran yang berupa ex-gratia berjumlah \$90 juta. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos melenting, marah: "Oh! ini perbuatan minta rasuah." Yang diminta oleh Kerajaan Negeri Kelantan ialah ex gratia payment iaitu bayaran saguhati kerana tanah kepunyaan Kerajaan Negeri dan hasil mahsul Kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek ini akan kerugian. Kerajaan Negeri Kelantan meminta pembayaran \$90 juta. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos melenting: "Ini bayaran rasuah" katanya, melenting dalam akhbar. Dia yang memulakan di dalam akhbar melenting. Itu suatu permintaan-\$90 juta, kalau tidak boleh bayar \$90 juta tawarlah dengan Kerajaan Negeri; takkanlah kita hendak hak Kerajaan Negeri, tetapi tidak mahu berunding dengan Kerajaan Negeri. Angkuh, sombongnya Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; kita tidak akan berunding dengan Kerajaan Negeri. Tidak mahu berunding; kita hendak hak orang kita tidak mahu berunding dengan orang. Munasabahkah ini, Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita hendak kepada hak Kerajaan Negeri, kita mesti berunding secara baik. Kerajaan Negeri Kelantan tidak perintah menghalang.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah projek ini untuk kepentingan rakyat Negeri Kelantan, saya hendak tanya Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, cuba sebut dalam Dewan yang mulia ini, berapa buah kontraktor daripada Negeri Kelantan yang mendapat kecap nikmat daripada projek ini. Cuba sebut. Semuanya dirunding di peringkat Kuala Lumpur sebelum daripada Pilihanraya Umum 1990, yang dapat projek bukan orang Kelantan, tetapi kontraktor-kontraktor besar di Kuala Lumpur yang ada hubungkait dengan pemimpin-pemimpin politik. Pekerja pula, siapa yang mendapat kerja? Yang mendapat kerja bukan orang Negeri Kelantan. Orang Negeri Kelantan tidak sampai 10%, yang dapat bekerja ialah orang-orang yang dibawa daripada Kuala Lumpur, daripada Perak untuk bekerja dalam projek ini. Yang mengambil kerja

pula, telah diberikan kepada suatu syarikat bernama R.M.Top yang saya difahamkan ada hubung-kait dengan seorang pemimpin politik. Mereka ini mengawal semua tenaga kerja diambil oleh syarikat ini. Apakah kita kata ini kepentingan untuk rakyat Kelantan? Sudah tentulah Kerajaan Angkatan yang bertanggungjawab di negeri Kelantan mesti bertanggungjawab kepada rakyat untuk memastikan projek ini akan mengecapi dan hasilnya akan lumpah kepada rakyat negeri Kelantan. Sebab itulah Kerajaan Negeri Kelantan meminta bayaran tadi, tetapi apabila bayaran diminta, melenting.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pembinaan Empangan Pergau ini pula siapa yang mengecap nikmat? Yang Berhormat Menteri Tenaga sendiri tahu bahawa sebahagian besar daripada tenaga elektrik, hasil daripada Empangan Pergau ini akan disalurkan ke negeri Perak dan negeri-negeri Pantai Barat, bukan rakyat negeri Kelantan yang mengecap nikmat. Jadi, kalau projek sebesar \$ 1.7 billion yang menelan wang Tenaga Nasional dan wang rakyat, tidak boleh memberi faedah secara pukut dan nyata kepada rakyat Kelantan, maka Kerajaan Negeri Kelantan harus mempertahankan mandat yang diberi oleh rakyat. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah menghormati. Yang Berhormat dari Kota Setar semasa membahaskan Titah Ucapan DiRaja beberapa hari lepas mengatakan bahawa Barisan Nasional menghormati keputusan rakyat Kelantan, Barisan Nasional menghormati demokrasi. Keputusan rakyat Kelantan, kemenangan Kerajaan Angkatan di Kelantan dihormati. Cakapnya bukan main manis, tetapi tidak sama dengan bikin apa yang dia buat. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, isu demi isu ditimbulkan di negeri Kelantan. Daripada mula-mula Kerajaan Negeri Kelantan mengangkat Sumpah pada 21hb Oktober sehingga sekarang,

satu demi satu isu dikenakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dengan hasrat untuk mewujudkan suasana huru-hara, suasana rakyat bangkit marah kepada Kerajaan, akhirnya rakyat memberontak menentang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada penafian hak ke atas Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar seluruh negara dinafikan haknya. Menteri Besar Negeri Kelantan tidak mahu dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Besar. Kemudian, selepas daripada itu dinafikan pula hak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Keselamatan Negeri, seolah-olah hak hendak menjaga keselamatan ini hak pemimpin Barisan Nasional sahaja. Apakah itu suatu penghormatan kepada demokrasi? Kalau kita menghormati demokrasi, sudah tentu oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar telah diangkat oleh rakyat, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar mendapat mandat 39:0 dalam pilihanraya lepas—yang baru dilantik dua orang inipun sudah kalah dalam pilihanraya kecil, itu mudah ditolak, tidak timbul—39 yang mendapat mandat daripada rakyat kita perlu menghormati keputusan ini.

Rakyat pula, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan pemimpin politik, rakyat pula ditindas, rakyat pula dikenakan dengan penuh dendam kesumat. Pembahagian baja misalnya, telah berkali-kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sehingga orang PAS dan Semangat 46 tidak diberi baja, terpaksa Kerajaan Kelantan mengadakan baja sendiri dengan bayaran \$3. Bila kita buat baja bayar \$3, dia buat main-main pula, dia kata, padanlah dengan muka, dulu baja free, sekarang baja bayar. Dia bangkitkan pula. Sepatutnya usaha murni Kerajaan

Negeri Kelantan hendak mengadakan baja yang cukup bagi petani bagi menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya dipikul oleh Kerajaan Pusat harus disanjung.

Tidak cukup dengan itu, Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini Sultan juga kena bantai. Daripada pemimpin politik kepada rakyat jelata sampai ke Sultan, habis, satu-persatu. Tidak bolehkah pemimpin Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat memberi peluang kepada Kerajaan Ketantan untuk memerintah. Kita lihat, sebab kita akan berhadapan dengan pilihanraya umum negara tidak berapa lama lagi. Kalau Barisan Nasional merasa sudah pulih, merasa sudah gagah di Kelantan, ayuh, pada pilihanraya umum akan datang bertanding sekali lagi. Kita lihat rakyat Kelantan memberi sokongan kepada siapa. Sekurang-kurangnya kita kena hormat demokrasi itu yang telah diputuskan oleh rakyat. Ini tidak, satu demi satu sehingga ada pemimpin Barisan Nasional sendiri, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Tasek Chenderoh bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidakkah kesediaan Perdana Menteri untuk menerima pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud sebagai memberi peluang kepada Kerajaan Kelantan. Adakah Semangat 46 juga akan memberikan peluang kepada Kerajaan PAS melaksanakan hukum hudud?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya menyanjung tinggi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan

kesediaannya untuk meminda Perlembagaan Negara bagi memberi jalan kepada Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud dan saya cabar dalam Dewan yang mulia ini, kotakan apa yang dikalakan ini, sama ada dalam sidang Parlimen sekarang atau dalam sidang Parlimen yang akan datang, pinda Perlembagaan Persekutuan untuk memberi jalan kepada Kerajaan Kelantan melaksanakannya. *(Tepuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya juga hendak mencabar kepada PAS dan juga lain-lain sekutunya

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia bangun tak boleh cabar. Penjelasan, boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bangun hendak cabar, tak boleh. Peraturan Mesyuarat lelah jelas.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak minta penjelasan untuk mencabar *(Ketawa)* PAS dan sekutu .. .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, saya minta penjelasan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penjelasan, boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada masa sekarang PAS tidak ada pun yang dikatakan undang-undang berhubung dengan hukum hudud itu yang hendak dibentangkan. Jadi, sekarang kita hendak cabar supaya PAS dan sekutu-sekutunya menyediakan apa yang

mereka cadangkan itu dan bawa ke sini, baru boleh kita bercakap. Sekarang ini saya ingat PAS lebih mempolitikkan isu hukum hudud ini demi kepentingan politik dan bukan tujuan yang sebenarnya untuk hendak melaksanakan hukum hudud.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan Yang Berhormat dari Arau ini lak mahir betul. *(Ketawa)* Hukum hudud ini tidak ada dalam buku, tidak boleh dibuat oleh manusia dan sudah lama ada dalam Al-Quran, tidak payah buat, dia sudah ada. Yang hendak dilaksanakan ialah pelaksanaan sekarang, cara pelaksanaan sahaja, hukum itu sudah dibuat,

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Tasek Chenderoh bangun pula.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta penjelasan. Yang saya minta penjelasan ladi sebenarnya tidak dijawab dengan

Tuan Yang di-Pertua: Belum dijawab lagi, sebab ada yang lain bangun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya bertanya ladi mengenai kesediaan Perdana Menteri untuk menerima pindaan iaitu kalau PAS minta hendak laksanakan hukum hudud, Perdana Menteri sedia untuk menyokong pindaan Perlembagaan. Sekarang ini the onus is on PAS untuk memohon, membawa usul dalam Dewan ini yang mana hendak dipinda atau bahagian mana dalam Perlembagaan hendak dipinda. Dan Ahli-ahli UMNO dalam Dewan ini sudah banyak menyalakan sedia menyokong. Kali ini Semangat 46 di mana, seorang pun tak berbunyi sama ada menyokong alaupun tidak jika PAS membawa usul untuk pinda Perlembagaan bagi membolehkan PAS melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau PAS yang membawa pindaan undang-undang ke Parlimen, ianya akan menjadi Bil Persendirian (Private Bill). Sepatutnya Kerajaanlah yang mesti membawa pindaan ini. PAS mungkin boleh mencadangkan apaapa cadangan atau pindaan-pindaan yang hendak dibuat terhadap peruntukan-peruntukan dan saya difahamkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang, draf pun sudah siap. Insya Allah, barangkali akan sampai, tunggu sahaja masa.

Seorang Ahli: Sabarlah dahulu!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sabar, insya Allah, akan sampai.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah soal menghormati demokrasi yang berlaku di negeri Kelantan. Yang Berhormat dari Kota Setar dalam ucapannya yang saya sebut tadi semasa mengemukakan usul Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyebut bahawa Kerajaan Pusat menghormati demokrasi yang sedang berlangsung di negeri Kelantan. Jika inilah benar dan jika ini disuarakan secara ikhlas, saya menyeru kepada semua pemimpin Barisan Nasional jangan mempolitikkan semua isu yang berlaku di negeri Kelantan.

Yang teruknya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini suatu kursus pemimpin Barisan Nasional diadakan di negeri Kelantan. Seorang pemimpin Barisan Nasional berucap dalam majlis itu, "Dengan apa cara sekalipun kita akan ambilalih Kerajaan Negeri Kelantan." Apa maknanya ini, Tuan Yang di-Pertua? Daripada pemimpin Barisan Nasional berucap dalam majlis itu, dia menyatakan di hadapan peserta-peserta kursus tata negara barangkali, menyatakan bahawa "kita akan ambilalih Kerajaan Negeri Kelantan dalam apa cara sekalipun." Apa maknanya ini, Tuan Yang di-Pertua?

Maknanya kalau tidak boleh dengan cara baik, tak ikut proses demokrasi, cara huru-hara, cara darurat pun dia hendak ambil, Tuan Yang di-Pertua. Ini ialah suatu ucapan yang amat memalukan daripada seorang pemimpin politik, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada bukti perkara ini. Saya ada bukti tentang ucapan seolah-olah mengancam keselamatan negara. Dan baru-baru ini suatu kumpulan mengadakan perarakan di negeri Kelantan kononnya hendak menghantar dua orang masuk ke dalam Dewan, kononnya menggambarkan 30,000 orang tetapi yang hadir tidak sampai 500 orang pun. Nasib baik pihak Polis bersikap cekap dan adil dalam hal tersebut, dihalang oleh pihak Polis. Saya hendak merakam penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Negeri Kelantan yang bersikap tegas.

Tuan Yang di-Pertua, kami angkatan di negeri Kelantan, golongan yang cintakan keamanan. Kami mendapat kuasa di negeri Kelantan melalui proses demokrasi mengikut cara undang-undang yang disah dan dihalalkan oleh undang-undang negara. Oleh yang demikian, bertindaklah secara gentleman pemimpin-pemimpin Barisan Nasional! Kalau hendak ambil Kelantan ambillah dengan proses Undang-undang yang sah, melalui kuasa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman pahit negeri Kelantan tahun 1978 di mana negeri Kelantan, Kerajaan yang memerintah pada masa itu hilang kuasa melalui pemerintahan MAGERAN yang diisylharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Negara. Pengalaman pahit itu insya Allah tidak akan berulang di negeri Kelantan kerana Kerajaan Angkatan ialah Kerajaan yang cintakan keamanan dan berhasrat untuk berbaik-baik dengan semua pihak termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, semua pemimpin-

pemimpin Barisan Nasional. Tuduh Kerajaan Negeri Kelantan melakukan penganiayaan kepada orang bukan Islam.

Yang Berhormat dari Tanjong telah melawat sendiri negeri Kelantan, beliau berpuas hati bahawa tidak ada penganiayaan dilakukan terhadap orang-orang bukan Islam di negeri Kelantan dan mereka berpuas hati. Dalam lawatan hampir seminggu berada di sana, tidak ada penganiayaan dilakukan kepada orang-orang bukan Islam.

Perubahan-perubahan yang dibuat dengan jelas dan nyata telah mendapat sokongan rakyat. Oleh yang demikian, segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan negeri Kelantan sekurang-kurangnya mesti diberi peluang untuk memerintah. Kita lihat apa yang akan dirancang dan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Ini tidak, penghinaan peribadi terhadap Tuan Guru sendiri. Tuan Guru tak layak memerintah, pakai kopiah, pakai serban, layak duduk masjid sahaja dan sebagainya. Seolah-olah hendak memerintah negara, hendak mementah negeri kcna pakai kot, kalau tak pakai kot, pakai serban, tak boleh memerintah, seolah-olah.

Yang kita tahu bekas Perdana Menteri India, Mahatma Ghandi pakai cawat pun boleh memerintah, (*Ketawa*) tidak ada masalah, seolah-olah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hormati sedikit kepada Kerajaan yang telah mendapat mandat daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung ucapan saya ini, sekali lagi saya melahirkan ucapan penghargaan terima kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Sidang Parlimen pada 27hb April yang lepas. Dengan itu saya mengakhiri ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

5.15ptg.

Tuan George Sangkin (Bandau); Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengucap sujud terima kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika membuka rasmi Penggal Kedua, Parlimen Kelapan pada 27hb April 1992 lalu di Dewan yang mulia ini dan seterusnya mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung penuh ke atas nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada rakyat Malaysia seluruhnya supaya senantiasa berhati-hati dan berwaspada kepada kejadian-kejadian dan perkembangan serta pergolakan yang berlaku di luar negara termasuklah isu-isu keselamatan di sekitar kawasan perairan negara. Sehubungan dengan ini, Kerajaan haruslah melipatgandakan usahanya untuk menempatkan pasukan-pasukan keselamatannya terutama sekali di kawasan-kawasan perairan yang sering diancam oleh serangan-serangan lanun seperti di perairan sekitar Sandakan, Tawau, Lahat Datu, Semporna, Kudat dan juga Tuaran di negeri Sabah.

Sehubungan dengan ini juga, keadaan keselamatan di negeri Sabah boleh dianggap sebagai tidak terjamin memandangkan pembersihan pendatang-pendatang haram ke negeri itu yang semakin berlambak banyak. Tempat-tempat tinggal pendatang-pendatang ini adalah strategik yang sekiranya berlaku sesuatu ketegangan sosial, maka senang sahaja mereka ini menawan negeri tersebut. Oleh itu sekali lagi saya menggesa Kerajaan supaya menguatkan lagi kedudukan keselamatan serta menyekat secukupnya pembersihan pendatang-pendatang haram ini ke negeri tersebut.

Ada juga terdengar dakwaan yang menyatakan bahawa ramai pendatang-pendatang ini dengan mudahnya

mendaftar untuk mendapatkan Kad Pengenalan baru. Sekiranya perkara ini benar, maka tidak syak lagi bahawa suatu ketika nanti rakyat Malaysia di Sabah akan menjadi orang pelarian di tanahair mereka sendiri. Maka sebab itu saya menggesa Kerajaan Pusat supaya mengambil langkah-langkah yang teratur dan sistematik untuk menyasiat dan seterusnya membanteraskan kegiatan yang tidak sihat ini daripada berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kita gembira kerana negara kita telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat yang merupakan di antara yang tertinggi di dunia, iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar purata 9.3% setahun di anlara tahun-tahun 1988 sehinggalah tahun 1990. Seajar dengan ini Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengurangkan perbezaan tahap pembangunan negeri-negeri serta memastikan pembangunan di seluruh negara adalah seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ini, saya ingin menyentuh sedikit dengan gambaran perbezaan yang berlaku di negara ini iaitu di antara Sabah dan Semenanjung khusus kepada perkembangan-perkembangan dari segi jalan raya. Kerajaan Pusat haruslah mengambil perhatian yang serius terhadap keperluan jalan raya yang baik, iaitu jalan raya yang setaraf dengan lebuh raya-lebuh raya yang terdapat di Semenanjung ini.

Jalan-jalan raya utama di Sabah masih lagi dalam keadaan yang buruk yang mengakibatkan kesukaran perhubungan dan kemudian menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri itu daripada bertambah baik. Oleh itu sayaminta kepada Kememciran Kerja Raya untuk menyediakan peruntukan-peruntukan yang secukupnya untuk mengaspal jalan-jalan raya utama khusus kepada jalan raya utama Kota Marudu ke daerah Pitas yang sekarang ini dikuasai ataupun

di bawah penjagaan kawasan Parlimen Marudu dan menjalankan pemulihan atau rehabilitation, dengan izin, ke atas jalan raya Langkun-Kudat yang merupakan perhubungan jalan raya yang utama di daerah-daerah tersebut.

Selain daripada itu, bekalan elektrik luar bandar dan jalan-jalan raya luar bandar yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Pusat haruslah dimasukkan dalam agenda pembangunan bagi mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan ini. Saya meminta Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya meneliti secukup-cukupnya keperluan jalan raya luar bandar bagi negeri-negeri yang memerlukan lerutama sekali negeri Sabah sejajar dengan Titah Ucapan Kebawah Duli pada 27hb April yang lalu yang mana mengatakan bahawa Kerajaan akan terus mempertimbangkan ataupun mempertingkatkan kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial bagi kawasan-kawasan yang kurang maju. Kementerian berkenaan juga harus menyedari bahawa sebilangan besar penduduk luar bandar Sabah tidak menikmati bekalan elektrik. Ini bererti masih lagi terdapat jurang perbezaan yang besar atas pertumbuhan pembangunan di negara ini. Apakah masalah tanpa elektrik dan juga jalan raya yang baik yang dihadapi oleh rakyat luar bandar ini dibiarkan sahaja berterusan walaupun negara kita sudah mengorak langkah-langkah yang positif ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Saya meminta Kementerian berkenaan supaya betul-betul memperjuangkan cita-cita Kerajaan yang terhurai dalam Wawasan 2020 itu bagi memastikan semua rakyat Malaysia baik di bandar mahupun di luar bandar sama-sama menikmati jalan-jalan raya yang besar dan bekalan elektrik yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek kecil luar bandar yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan di Sabah di mana Jabatan

ini telah ditubuh dan dibentuk selepas sahaja Kerajaan Negeri Sabah keluar daripada Barisan Nasional amatlah menyedihkan di mana sistem pentadbiran dan pelaksanaan projek-projeknya hanyalah boleh dikatakan diterima oleh segelintir kumpulan masyarakat yang hanya memperlihatkan bahawa ianya menandingi keupayaan pihak-pihak lain.

Saya menyentuh perkara sedemikian disebabkan ada beberapa kes pelaksanaan projek yang berlaku di mana projek-projek tersebut telah dijalankan tanpa mengira faedah-faedah projek itu sama ada baik ataupun faedahnya adalah cukup maksimum kepada rakyat yang menggunakannya. Saya ingin memberi contoh di sini di mana di kawasan saya P.135 Bandau, saya telah memerhatikan beberapa kampung yang berlaku di mana walaupun terdapat kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah seperti projek-projek kecil, gelanggang sepak takraw misalnya, telahpun dibina di satu kampung oleh Kerajaan Negeri Sabah, namun Jabatan Pembangunan Persekutuan itu juga telah membiarkan pembinaan satu lagi gelanggang sepak takraw bergandingan dengan gelanggang sepak lakraw yang telah dibinakan itu.

Juga terdapat satu kejadian di mana Kerajaan Negeri telah membina satu mesjid yang besar di satu kampung bernama Kampung Taritipan, Kota Marudu, Belud, Sabah. Mesjid itu telah dibina dengan cantiknya oleh Kerajaan Negeri. Namun, amat kesal sekali kerana Jabatan Pembangunan Persekutuan telah membiarkan juga pembinaan sebuah surau yang kecil berhampiran dengan mesjid yang besar yang kita lihat mencukupi kepada penduduk-penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya perkara serupa ini tidak haruslah ditakukan kerana ianya merupakan satu pembaziran wang rakyat yang juga memperlihatkan pengurusan yang tidak cekap dan tidak ikhlas. Saya ingin

mendesak Jabatan tersebut supaya memahami dengan sepenuhnya keperluan rakyat luar bandar di negeri Sabah supaya segala peruntukan-peruntukan Kerajaan dapat digunakan menurut keperluan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita amatlah gembira mengetahui bahawa Kerajaan akan terus menyediakan lebih banyak peluang-peluang pendidikan dan juga latihan untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan mahir bersesuaian dengan permintaan pasaran buruh negara ini. Seajar dengan ini, segala kemudahan pendidikan di seluruh negara haruslah diperbaiki terlebih dahulu agar anak-anak Malaysia yang dilahirkan akan memenuhi keperluan yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Ucapannya di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya seringkali menyentuh mengenai kekurangan kemudahan pendidikan di peringkat rendah dan menengah di dalam Dewan yang mulia ini. Namun kita masih melihat keadaan bangunan-bangunan sekolah serta bilik-bilik darjah yang tidak mencukupi. Tambahan pula, masih banyak sekolah-sekolah di luar bandar Sabah telah jauh ketinggalan dari segi kemudahan, alat-alat pembelajaran dan pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting bagi kita mengadakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang secukup-cukupnya, terutama sekali kepada kanak-kanak Malaysia di luar bandar, dan memberikan peruntukan kewangan yang cukup bagi membina ataupun memperbaiki bangunan-bangunan sekolah terutama sekali di luar bandar yang jauh terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti infrastruktur dan kemudahan pendidikan bolch membawa kesan terhadap pencapaian akademik para pelajar. Inilah antara lain faktor utama yang menyebabkan pencapaian kelulusan yang rendah di negeri Sabah itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh malang sekali masih banyak sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar di Sabah yang beratapkan daun rumbia dan berlantaikan tanah. Masalah ini ditambahkan pula dengan kekurangan kemudahan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sistematik dan berterusan mestilah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini sekiranya kita mahu melihat semua rakyat Malaysia sama-sama melangkah ke arah merealisasikan cita-cita Wawasan 2020 itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana terus berusaha untuk memastikan taraf kesihatan penduduk negara ini ditingkatkan dari masa ke semasa dengan menambahkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan, terutama sekali di kawasan luar bandar. Sememangnya kita semua ingin melihat kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang baik dan cukup untuk semua rakyat negara ini. Penduduk luar bandar di Sabah amatlah mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk menyediakan kemudahan kesihatan dan perubatan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemudahan perhubungan yang tidak baik, terutamanya di luar bandar Sabah, maka amatlah sukar bagi orang-orang kampung yang tinggal jauh terpencil untuk mendapatkan rawatan-rawatan perubatan atau perkhidmatan kesihatan daripada hospital-hospital mahupun dispensari-dispensari Kerajaan. Sehubungan dengan ini, maka saya mintalah kepada Kementerian Kesihatan untuk betul-betul melihat masalah ini dan membina pusat-pusat kesihatan bagi kampung-kampung yang terpencil jauh seperti kampung yang terdapat di kawasan saya—Kampung Ganah, Kampung Magandai, Penuduhan Jambu, Melangkap Tengah dan Seling Slim di mana semuanya terletak di kawasan P.135 Bandau.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan merupakan satu daripada masalah-masalah yang diberikan perhatian oleh Dasar Pembangunan Negara. Sehubungan dengan ini, saya menggesa Kerajaan supaya memastikan bahawa kumpulan-kumpulan yang benar-benar miskin menikmati program-program pembasmian kemiskinan. Masalah kemiskinan ini lebih terasa di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah, khususnya di daerah-daerah Kudat, Pulau Banggi, Kota Marudu dan Pitas. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menyediakan skim pinjaman khusus untuk pelaburan Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera bagi orang-orang termiskin yang telah dilancarkan di daerah Kudat, Sabah oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, program serupa ini amatlah berguna. Namun saya kurang pasti kalau ianya dapat menepati kumpulan sasaran yang sebenarnya. Apa yang harus dibuat oleh Kerajaan adalah sepatutnya menjalankan kajian yang terperinci yang bertujuan bagi mengenalpasti kedudukan kumpulan-kumpulan termiskin di daerah-daerah yang saya sebutkan tadi ataupun keseluruhan negeri-negeri yang memerlukan khidmat seperti itu. Apa yang saya dapati dalam tinjauan saya sendiri ialah kumpulan-kumpulan termiskin di daerah-daerah tersebut adalah memerlukan bantuan perumahan untuk tempat tinggal bagikeluarga mereka. Oleh itu, saya menggesa Kerajaan supaya mengadakan projek perumahan orang-orang termiskin khusus untuk program pembasmian kemiskinan ini bagi orang-orang di daerah-daerah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan Negeri Sabah telah dan sedang berusaha untuk menyediakan perumahan-perumahan bagi orang-orang yang termiskin di daerah-daerah itu. Namun bilangan orang-orang yang memerlukan bantuan serupa ini amatlah

besar dan peranan juga haruslah dimainkan bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Maka sebab itulah saya menggesa kepada Kerajaan Pusat agar dapat memanjangkan bantuan perumahan kepada orang-orang yang miskin di daerah-daerah yang saya sebulkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai dengan proses penggantian Kad Pengenalan kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT). Orang-orang kampung yang duduk di tempat-tempat yang jauh terpicil menghadapi masalah untuk pergi ke Pejabat-pejabat Pendaftaran Daerah kerana kesukaran perhubungan serta ketidakupayaan kerana ketiadaan wang dan sebagainya. Oleh sebab itu ramai rakyat yang tinggal jauh di tempat-tempat yang jauh tidak sempat datang ke Jabatan Pendaftaran Negara dan menggantikan Kad Pengenalan mereka, dan mungkin juga akan terjadi pengeksploitasian oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Jadi, saya mengesyorkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara agar mengadakan pendaftaran bergerak bersama dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang memahami tempat-tempat tertentu di mana duduknya orang-orang yang tidak mampu ini supaya bersama-sama menyampaikan khidmat penukaran Kad Pengenalan ini untuk orang-orang tersebut.

Sehatuan dengan penukaran Kad Pengenalan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta jaminan daripada Kementerian Dalam Negeri agar proses penukaran Kad Pengenalan ini khusus di negeri Sabah dilaksanakan seberapa teliti yang boleh. Saya mengatakan demikian memandangkan terlalu ramai pendatang-pendatang haram di negeri itu telah mendapat Kad Pengenalan Biru secara haram atau palsu.

Walaupun perkara ini dinafikan oleh pihak-pihak berkuasa tertentu, namun bukti yang jelas menunjukkan bahawa perkara ini berlaku seperti kes seorang

pemuda warganegara Jerman yang telah mendapat kad pengenalan biru daripada Pejabat Pendaftaran Beaufort dan kemudian sempat mendaftar sebagai pemilih walaupun pemuda Jerman itu berada di negeri Sabah hanya lebih kurang tiga bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti inilah yang amat dikhuatiri oleh seluruh anak Malaysia di Sabah dan kita juga sebagai pemimpin khuatir kalau pemberian kad pengenalan secara haram atau palsu itu tidak diawasi dengan ketat, negara ini sendiri akan menerima akibat di hari kelak. Sebelum terlambat saya menggesa sepenuhnya agar Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Pendaftaran Negeri menapis secara terperinci agar orang-orang yang memegang kad-kad pengenalan yang diragui sebagai diperolehi secara haram dan terus menolak mereka langsung sekiranya didapati demikian serta menghukum mereka menurut perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meragui terhadap peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri yang sedang dikuatkuasakan ini yang membolehkan seseorang pemohon untuk kad pengenalan (KPT) ini untuk mendaftar tanpa memperlihatkan surat beranak. Saya khuatir pendatang-pendatang haram negeri Sabah itu menggunakan peluang ini untuk mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan KPT ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta jaminan sekali lagi daripada Kementerian Dalam Negeri supaya pendatang-pendatang haram ini diawasi dengan sepenuhnya bagi mengelakkan mereka daripada mendaftar KPT.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan terimakasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): SibU.

5.33 *ptg.*

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu):

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyatakan tanda sokongan saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri-Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 27hb April 1992. Titah daripada Duli Yang Maha Mulia telah memberi suatu pandangan dan panduan yang tepat bagi semua rakyat Malaysia untuk mencapai dan mengatasi dalam suatu pembangunan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah polisi politik yang sederhana dan damai dan juga penampilan ekonomi yang agresif dan terbuka, Kerajaan Barisan Nasional Negeri dan Persekutuan di lahap kepujian telah dicapai dalam pembangunan ekonomi dan kestabilan politik. Pertumbuhan ekonomi kebangsaan kita telah melebihi kebanyakan daripada negara maju lain dan telah menjadi contoh bagi kebanyakan negara membangun yang lain untuk mengikuti.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya dengan Duli Yang Maha Mulia bahawa rakyat Malaysia haruslah lebih bersatu padu supaya usaha dan tenaga kita dapat ditumpukan sepenuhnya terhadap pembangunan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu penerimaan unjuran bahawa negara-negara Asia Tenggara akan menjadi sebuah economic power house, dengan izin, menjelang tahun 2000 dan kenyataan ini tidak menggembirakan negara-negara maju. Walaupun perang dingin dunia lelah berakhir dengan runtuhnya komunisme di Eropah Timur dan Soviet Union, Rusia, pembebasan terhadap polisi ekonomi kebanyakan negara seperti negara China, Vietnam, tamatnya Perang Teluk dan keamanan di Cambodia, negara kita sekarang menghadapi ancama ekonomi daripada negara-negara maju seperti:

- (a) kempen anti kayu tropika;
- (b) kempen anti minyak sawit;

(c) membantah terhadap Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC); dan

(d) wujudnya blok perdagangan seperti Pasaran Eropah (Europe Market) dan Kawasan Perniagaan Bebas Amerika Utara (North America Free Trade Area).

Tuan Yang di-Pertua, rayuan ikhlas saya kepada semua rakyat Malaysia ialah kita harus bersatu-padu menemang mereka yang bergelar pencinta alam daripada negara-negara maju untuk memastikan pembangunan ekonomi kita terus membangun.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kempen anti kayu tropika, saya menyokong sepenuhnya cadangan Perdana Menteri kita iaitu "Global Environment Fund" diadakan untuk menampung perbelanjaan penanaman semula hutan dan pengurangan industri pembalakan di negara-negara membangun di dalam ucapan beliau di Persidangan Kedua Peringkat Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur pada 27hb April 1992.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang bergelar "Greenies" atau pencinta alam yang mana kewangan mereka dibantu oleh pengeluar kayu lembut di negara-negara maju, tidak menghirau kenyataan sebenar bahawa negara-negara industri maju mengeluarkan lebih daripada 80% daripada karbon dioksida dunia telah menuntut hak ekuiti hutan tropika di negara-negara membangun untuk menyerap karbon dioksida yang dikeluarkan daripada kilang-kilang mereka, kenderaan bermotor, penyembur rambul, penghawa dingin dan mengeluarkan oksigen untuk mereka tanpa sebarang timbangan dan pampasan terhadap kos ekonomi oleh negara-negara membangun seperti Malaysia.

Mereka yang bergelar pencinta alam ini berasa mereka berhak sepenuhnya menebang hutan mereka untuk

pertanian, kawasan perumahan dan taman serta menikmati taraf kehidupan yang tinggi, tetapi mereka tanpa segan membantah aktiviti-aktiviti pembalakan di hutan tropika atau menukar hutan tersebut menjadi tanah pertanian bagi pulangan ekonomi yang lebih baik di negara-negara membangun seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang bergelar pencinta alam telah datang ke Sarawak sebagai pelancong dan tinggal secara haram untuk menghasut penduduk-penduduk asli kita menentang aktiviti pembalakan yang teratur dan sah itu. Mereka menggunakan orang Penan sebagai isu pencinta alam dan bagi mereka orang Penan harus kekal sebagai nomad di hutan dan dianggap sebagai salah satu lagi spesies "orang hutan" bagi pelancong. Mereka tidak menghirau kenyataan bahawa Kerajaan negeri Sarawak telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menarik kaum Penan kita bergabung sama dalam aturan masyarakat moden.

Saya lelah diberitahu bahawa ada di antara beberapa orang pencinta alam di negara-negara maju telah menghalang surirumahtangga daripada membeli kerusi dan alat permainan bayi/anak-anak yang diperbuat daripada kayu keras tropika daripada pasaraya dan menuduh anak-anak mereka sebagai pembunuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebitangan daripada pencinta alam di negara maju menerima bantuan kewangan yang banyak dan menyimpan sebahagian besar daripada tabungan tersebut dengan membayar gaji dan elaun yang tinggi kepada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika industri perkayuan Sarawak dimusnahkan oleh kumpulan ini, iaitu pencinta alam tersebut, seluruh ekonomi negeri Sarawak akan runtuh kerana industri kayu adalah majikan yang terbesar di negeri kita yang menyediakan lebih

kurang 100,000 peluang pekerjaan secara langsung, terutama sekali kepada kaum bumiputera di kawasan pendalaman dan beribu di dalam pengajian secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 70% tanah Sarawak masih diliputi oleh hutan tropika dan Kerajaan Negeri telah cuba peringkat demi peringkat meninggikan peratusan balak untuk diproses di dalam negeri. Kilang kayu lapis Sarawak yang bernilai \$100,000,000 sebuah telah mengeluarkan lebih daripada setengah daripada kayu lapis Semenanjung Malaysia dalam bentuk isi padu (volume), lanya adalah di antara pengurusan balak yang terbaik di rantau ini dan tidak seharusnya menjadi sasaran utama bagi pencinta alam.

Saya merayu kepada Kerajaan kita agar semua negara-negara yang membangun haruslah bersatu suara untuk menentang kempen anti kayu tropika daripada negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, teniang tenaga pembangunan kebangsaan dan lokasi-lokasi perindustrian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pembangunan tenaga di negeri kita kerana ianya adalah di antara faktor yang paling penting dalam ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mengeluarkan tenaga dalam bentuk gas dan hidroelektrik yang banyak dan saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pembangunan projek hidroelektrik dengan penuh perhatian serta kesan yang minima terhadap keadaan sekeliling.

Adalah terlalu mahal dan suatu pembaziran untuk memindah etektrik dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan dengan itu, saya cadangkan agar Kerajaan Persekutuan menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan kilang-

kilang di berbagai kawasan perindustrian seperti Tanjung Manis, Kemena, Sajingkat, Kuala Baram dan bandar-bandar utama seperti Kuching, Sibul, Bintulu, Miri dan lain-lain di negeri Sarawak.

Selain daripada keupayaan mengeluarkan tenaga, Sarawak mempunyai tanah yang luas, bahan mentah seperti balak, bahan galian, petroleum dan tenaga buruh yang rajin, yang mana jumlah ini dapat diperkuatkan lagi daripada negara jiran, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pembangunan infrastruktur, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menghapuskan polisi membenarkan tabung untuk membangunkan infrastruktur seperti jalan-jalan, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, telefon, terutama sekali di kawasan luar bandar, berdasarkan kepada saiz penduduk negeri-negeri seperti Sarawak.

Kerajaan Persekutuan haruslah mempunyai perancangan jangka masa panjang dalam infrastruktur di Sarawak memandangkan keupayaan pembangunan ekonominya berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia Barat supaya kita dapat pembangunan yang lebih adil dan saksama bagi semua negeri,

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita menghargai polisi penswastaan dan kejayaannya oleh Kerajaan setakat ini, kami di Sarawak berasa kami tidak diberitahu sepenuhnya bagi membolehkan kami untuk turut serta secara adil dalam pemilikan ekuiti berbagai jenis projek penswastaan.

Polisi penswastaan haruslah memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai peluang yang sama dan adil untuk turut serta dalam pemilikan ekuiti, kemudahan kepada ekonomi kebangsaan kita secara menyeluruh dan kepentingan pengguna juga harus dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kebangsaan kita adalah tabung yang paling besar di negara kita. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat melihat pelaburan daripada KWSP berkembang sama rata ke semua negeri terutama sekali di Sarawak di mana penduduknya juga menyumbang kepada KWSP. Saya ingin melihat KWSP menyalur lebih banyak aktiviti pelaburannya ke negeri yang kurang membangun seperti Sarawak.

Tentang pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan lagi penubuhan sebuah universiti penuh di Sarawak dan menentukan beberapa fakulti di Sibul dan bandar utama lain di Sarawak supaya dapat mewujudkan kesan pembelajaran tinggi yang baik dan kuat di seluruh Sarawak.

Sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru terutama sekali di sekolah-sekolah rendah Cina dengan menimbangkan beberapa cara:

- (a) untuk mengakui Senior Middle III Common Examination Certificate dari United Board of Management of Independent Chinese Secondary Schools, dengan izin, untuk memasuki Maktab Latihan Perguruan;
- (b) untuk mengadakan kelas bahasa Cina di Sekolah Menengah Kerajaan dan membuat bahasa Cina sebagai matapelajaran pilihan bagi ujian.

Tuan Yang di-Pertua, agar pendidikan rendah Cina dapat ditingkatkan atau dinaikkan, Kerajaan haruslah memastikan bahawa:

- (a) Nazir-nazir sekolah yang dihantar ke sekolah-sekolah rendah Cina haruslah mempunyai sekurang-kurangnya taraf SPM Cina;

- (b) pengetua-pengeiua dan penolong-penolong pengetua yang dihantar ke sekolah-sekolah rendah Cina haruslah sekurang-kurangnya mempunyai taraf STPM Cina;
- (c) pemangku-pemangku pengetua haruslah dibayar elaun yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan agar Kementerian Pendidikan membenarkan sekolah-sekolah rendah baru Cina didirikan di kawasan yang penuh dengan penduduk, terutama sekali di mana ibu bapa keturunan Cina menghadapi masalah mendaftar anak-anak mereka di sekolah-sekolah rendah Cina.

Maka saya cadangkan agar permohonan untuk mendirikan sebuah lagi sekolah rendah Cina di bandar Bintulu diluluskan secepat mungkin. Kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak adalah tidak mencukupi dan sekali lagi saya merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk memberi lebih perhatian bagi memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kesihatan, kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di Hospital Lau King Howe Sibü adalah berleluasa dan saya cadangkan agar:

- (a) Lebih ramai doktor dan pakar dihantar ke Hospital Lau King Howe Sibü.
- (b) Membenarkan doktor-doktor pakar dan swasta untuk menggunakan kemudahan-kemudahan hospital Kerajaan untuk merawat pesakit sebagai "honorary doctor" atau "honorary surgeon" ataupun "honorary physician". Comohnya, di Australia, amalan ini diikuti sekarang.

Saya telah menerima aduan bahawa pesakit-pesakit di Hospital Lau King Howe Sibü mempunyai masalah bahasa

dengan doktor-doktor dan saya cadangkan agar penterjemah yang bertauliah dilantik untuk membantu doktor-doktor.

Apabila Hospital Umum Baru Sibü siap dibina, ianya akan bertindak sebagai Hospital Daerah di kawasan basen Sungai Rajang dan dengan itu saya cadangkan agar Kementerian Kesihatan haruslah mula melatih doktor-doktor, jururawat-jururawat dan kakitangannya supaya hospital tersebut dapat berfungsi sepenuhnya dan teratur apabila ianya siap kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh mengenai Akta Perikanan. Nelayan di Sarawak, terutama sekali mereka yang mengoperasikan kapal pukut tunda, menghadapi masalah-masalah seperti berikut:

- (a) Tindakan berulang-ulang daripada Polis Marin kerana menangkap ikan di zon yang salah.
- (b) Kelewatan dalam meluluskan pengeluaran pembaharuan lesen atau lesen baru.
- (c) Penukaran luntutan bagi lesen apabila mengubahsuai kapal yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Pertanian:

- (a) Untuk menggantungkan tindakan Polis Marin sehingga Akta Perikanan yang sedia ada telah dipinda dengan sewajarnya dengan mengambil pertimbangan perbezaan situasi garisan persisiran di Sarawak.
- (b) Permohonan bagi lesen baru atau pembaharuan lesen haruslah cepat diproses dan diluluskan untuk memastikan pembangunan ekonomi industri perikanan di Sarawak.
- (c) Pengubahsuaian atau penukaran bahan pembinaan kapal tidak harus melibatkan lesen kelas

dengan syarat muatan (capacity) kapal dalam bentuk "deadweight" tidak bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pembinaan jambatan di Sarawak, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pertimbangan dan kelulusan untuk mendirikan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Durin untuk menyambungkan Pan Borneo Highway daripada Kuching ke Sibul.

Feril di antara Sibul dengan Sungai Bidul yang menyeberangi Sungai Igan tidak dapat membantu dengan pertambahan kenderaan kerana Sungai Igan sempit, maka saya cadangkan agar Kerajaan Persekutuan menimbangkan untuk membina jambatan ini dengan tabung pembangunan luar bandar supaya Sibul dapat berkembang ke barat ke Sungai Bidul dan bersambung ke Bawang Assan dan Darul.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembekalan air dan elektrik di Sibul, Sungai Rajang dan Igan telah dicemari dan air tersebut tidak sesuai untuk diminum tanpa pcrubatan. Maka saya cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk meninggalkan lagi pcruntukan bagi bekalan air luar bandar ke Lembaga Air Sibul supaya paip air marin yang dicadangkan dapat diletakkan menyeberangi Sungai Rajang dari Ulu Lanang ke Pulau Kerto dan kemudian ke Teluk Seialo bagi membekalkan air ke Naman, Teluk Selalo, Paradom, Sungai Ma'aw, Tanjung Kunyit dan Tanjung Pan dan sebuah paip air marin diletakkan menyeberangi Sungai Igan dari Kampong Dato ke Sungai Bidul untuk kegunaan seluruh kawasan barat bandar Sibul.

Perkembangan bekalan paip air sepanjang Jalan Oya, Jalan Terusan, haruslah dibuat secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa aduan berkenaan dengan kelewatan proses permohonan bagi lesen, permit dan juga pembaharuan lesen. Saya cadangkan agar Kerajaan menyelidik akan masalah ini iaitu sama ada ianya berpunca daripada kekurangan kakitangan ataupun sikap atau tanggapan yang lahir daripada kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Lapangan Terbang Baru Sibul, berdasarkan kepada ulasan terbaru daripada Penasihat Kerajaan, projek Lapangan Terbang Sibul adalah terlalu lewat. Saya telah melawat kawasan tersebut dan mendapati tidak banyak jentera berat di kawasan itu. Menurut penasihat, projek tersebut sepatutnya siap 40% tetapi hanya 23% sahaja yang dapat dilihat. Saya merayu kepada Menteri Pengangkutan untuk menyelidik kelewatan ini dan mencari jalan untuk memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat Malaysia, terutama sekali mereka yang bukan Islam amat menitik berat terhadap pertumbuhan pelampau agama di Kelantan seperti cadangan pengenalan terhadap undang-undang Hudud. Saya merayu kepada seluruh rakyat Malaysia supaya lebih bersikap sederhana, sabar dan menghormati semua kepercayaan-kepercayaan agama.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai kesemua kelayakan seperti politik yang stabil, tenaga kerja yang rajin, sistem perundangan yang baik, kaya dengan sumber asli dan telah mencapai pertumbuhan kadar ekonomi yang tinggi untuk dibangunkan menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020 seperti Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Adalah menjadi harapan saya bahawa rakyat Malaysia dapat bekerjasama sebagai sebuah negara yang bersatu padu menuju ke Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

6.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Alhamdulillah, Malaysia kita ini berada dalam keadaan aman dan tenteram. Ekonomi negara berkembang begitu pesat. Kita harap keamanan ini akan terus terpelihara sampai hila-bila supaya rakyat dapat menikmati hidup dalam keadaan suasana yang tenang.

Kami daripada parti PAS telah mengambil bahagian dalam pilihanraya sejak daripada tahun 1955 sehinggalah sekarang ini. Walaupun setiap kali pilihanraya kami mengalami kekalahan dan tidak berjaya membentuk Kerajaan di peringkat Pusat, tetapi kepercayaan dan keyakinan kepada sistem demokrasi kami tetap menyertainya walaupun sentiasa kalah dan dalam lapan kali pilihanrayahnya dapat menguasai Kelantan dan Terengganu bergilir dengan Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan.

Trend pilihanraya di zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang menjadi Perdana Menteri yang pertama, kita melihat di waktu itu demokrasi masih subur di mana parti melawan parit. Pada waktu itu parti yang bertanding bebas menggunakan padang sekolah, tempat-tempat lapang untuk berapat umum, Perdana Menteri sanggup mengambil cuti daripada Jabatan Perdana Menteri berkempen di atas nama Presiden UMNO untuk memastikan Perikatan menang. Era parti lawan parti mulai tamat selepas perginya Perdana Menteri yang pertama. Kemudian di zaman Allahyarham Tun Hussein Onn, kita melihat perubahan demokrasi bermula di mana kali ini telah berlaku

parti melawan Kerajaan, di mana telah mula di waktu ini rapat umum diharamkan, diadakan kempen dari rumah ke rumah dan jentera Kerajaan mula digunakan. Maka demokrasi telah pergi ke tahap yang kedua di mana parti pembangkang terpaksa pula menghadapi lawan Kerajaan. Trend itu berubah lagi, sekarang ini telah masuk ke tahap yang ketiga di mana di zaman Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang saya kasihi, kita melihat trend pilihanraya ini berubah lagi setelah dengan menggunakan jentera Kerajaan pun parti Pembangkang mampu mencapai kejayaan di negeri dan beberapa tempat, maka tahap ketiga dibuat sekarang ini iaitu parti pembangkang terpaksa menghadapi parti pemerintah, jentera Kerajaan dan Pasukan Keselamatan. Ini kita pergi sudah ke tahap yang ketiga.

Apakah ini fenomena baru yang berlaku dalam dunia ketiga sekarang terutama sekali selepas peristiwa kemenangan parti Islam Algeria, FIS, ketika mereka mencapai kemenangan melalui pilihanraya, melalui demokrasi, pihak Barat melihat bahawa melalui demokrasi pun golongan Islam boleh mencapai kemenangan, boleh menubuhkan negara. Oleh itu dengan hasutan pihak kuasa besar, demokrasi perlu ditutup semula di dunia ketiga. Akbar-akhbar Perancis, akhbar-akhbar Amerika, England mencadangkan supaya demokrasi di negara dunia ketiga ditutup semula kerana dunia ketiga belum mampu menghayati demokrasi seperti di negara Barat. Kenapa demokrasi diarahkan ditutup semula? Ini tidak lain kerana mereka melihat melalui demokrasi golongan Islam boleh mencapai kejayaan melalui pilihanraya. Contohnya Algeria suatu bukti yang amat nyata. Selain daripada itu apa yang berlaku di Jordan di mana negeri yang diperintah secara monarki tanpa pilihanraya diadakan sekali pilihanraya parti Islam berjaya mencapai kemenangan 32 kerusi daripada 80 kerusi yang dipertandingkan.

Kemenangan ini amat membimbangkan Isreal dan juga sekutu-sekutu Baratnya. Oleh itu melalui perancangan yang halus, maka demokrasi diarahkan di dunia ketiga ini kalau boleh ditutup semula. Kita bimbang diimposekan Polis dan Tentera begitu ramai di Bukit Payong adalah manisfeslasi daripada apa yang berlaku di seluruh dunia iaitu dunia ketiga sekarang ini, demokrasi ala Barat cuba ditutup semula kerana dibimbangkan melalui demokrasi inipun golongan Islam boleh mencapai kemenangan.

Trend yang berlaku dalam pilihanraya pula, saya bersetuju dengan Wakil Rakyat Kota Setar bahawa kita tidak bersetuju tentang keganasan yang berlaku. Pihak mana yang membuatnya, kita tidak bersetuju sama sekali. Pihak polis hendaklah cekap bertindak. Misalnya, di pilihanraya Jerlun, markas Barisan Nasional airnya keracunan dan beberapa orang ditimpa sakit. Walaupun ianya berlaku kepada Barisan Nasional, saya tidak bersetuju. Penyiasatan mesti dibuat mendakwa orang yang melakukan. Begitu juga pembakaran terhadap bas UMNO Selangor yang berlaku dalam pilihanraya Bayu, saya tidak bersetuju terhadap keganasan itu. Begitulah juga dalam pilihanraya umum yang lalu, percubaan untuk membakar rumah Tengku Seri Paduka, adik kepada Baginda Sultan Terengganu mestilah didedahkan. Apakah sudah sampai ke peringkat membakar rumah pemimpin parti politik tertentu. Begitu juga dalam pilihanraya Bukit Payong baru-baru ini di mana percubaan untuk membakar kereta BMW kepunyaan Tengku Seri Paduka, adik kepada Baginda Sultan negeri Terengganu. Semua trend keganasan ini, ia mencatatkan demokrasi yang ada di negara kita ini.

Kita harap pihak polis dan juga pihak Kerajaan mesti mengambil hal ini secara berat supaya ia tidak berulang lagi dan peristiwa yang berlaku di Bukit Payong meletakkan Tentera dan Polis begitu

ramai. Kalau ini mukaddimah dalam pilihanraya umum yang akan datang, maka sudah pastilah apa yang berlaku di Algeria, apa yang diarahkan oleh Barat, ia hampir-hampir menjadi kenyataan iaitu demokrasi di dunia ketiga akan ditutup semula.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, mutakhir ini kita melihat dalam setiap media, setiap masa ucapan pemimpin Barisan Nasional, kecaman yang diberi paling hebat sekali kepada Kelantan. Kadang-kadang saya sendiri naik hairan, kenapa Kelantan menjadi lajuk perbincangan utama. Misalnya, dalam Parlimen ini, perbahasan sepatutnya ialah Titah Ucapan DiRaja, tetapi semua yang bangun bercakap membahaskan ucapan Menteri Besar Kelantan, seolah-olah Menteri Besar Kelantan memimpin Malaysia sekarang ini. Sekali-sekali saya tersenyum sinis, sekali-sekali penuh bangga kerana Menteri Besar Kelantan menjadi tajuk kepada politik Malaysia sekarang ini sehingga kadangkalanya ada yang bangun bercakap lupa untuk membahaskan Titah Ucapan DiRaja.

Kelantan dikatakan tidak maju, Kelantan dikatakan tidak pandai mentadbir, ekonomi tidak berkembang. Tetapi kita yakin orang yang arif akan mengetahui. Ahli ekonomi seperti Timbalan Menteri Kewangan, beliau amat faham bahawa kuasa negeri di bidang ekonomi ini terlalu kecil kerana cukai semuanya dipungut kebanyakannya oleh Kerajaan Pusat.

Kalau Kelantan tidak maju ertinya Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab, cuba jangan kutip cukai daripada rakyat negeri Kelantan dan sekiranya Kerajaan Kelantan dapat mengutip semua cukai dari rakyatnya, lihat lima tahun. Kalau kami tidak tahu mentadbir ekonomi barulah boleh dituduh bahawa Kelantan tidak pandai. Ini cukai disapu bersih, kemudian dikata pula kita tidak pandai mentadbir di bidang ekonomi. Kelantan

bukan sepenuhnya negeri merdeka. Kelantan sebuah negeri di bawah Persekutuan. Sebab itulah bila orang-orang luar negeri datang ke negeri Kelantan bertanya apakah dasar luar Kerajaan Negeri Kelantan, kami kata tidak ada. Dasar luar Kerajaan Negeri Kelantan ialah dasar luar Kerajaan Malaysia yang diputuskan oleh Wisma Putra, yang diputuskan oleh Perdana Menteri, yang diputuskan oleh Kabinet. Kami tidak ada dasar luar. Bagaimana sistem ekonomi di Negeri Kelantan? Kami membuat sekadar yang kami mampu, cukai yang dapat dikutip hanya lebih kurang \$143 juta hasil mahsul Negeri Kelantan. Selain daripadanya cukai-cukai yang lain semuanya diambil oleh Kerajaan Pusat. Kami bergantung kepada Kerajaan Pusat. Seliap negeri di Malaysia ini tidak ada yang independence di sudut ekonomi, semuanya terpaksa bergantung kepada Kerajaan Pusat. Buat masa sekarang, kami tidak bercadang langsung untuk menuntut kemerdekaan untuk membuktikan kami boleh mentadbir, sebab kita tetap berada di bawah Kerajaan Pusat yang sekarang ini di bawah Perdana Menteri yang saya kasihi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pula sekarang ini bagaimana permasalahan yang berlaku di negara ASEAN ini. Semakin hari kita semakin bimbang, keadaan yang berlaku di negara ASEAN terutama yang diramau ini yang dianggap Bebas, Aman dan Berkecuali. Amerika telahpun datang bertapak bahkan semakin hari semakin kukuh di rantau ini. Kita melihat baru-baru ini pendedahan yang dibuat oleh akhbar *The New Straits Times*, Singapura menggemparkan kita. Bila kita saling menuduh mengatakan negara jiran itu menjadi pengkalan Amerika. Mereka mendedahkan, mereka memberitahu, Malaysia sebenarnya lebih rapat dengan Amerika kerana ada perjanjian sulit sejak daripada tahun 1984. Ini bermakna negara-negara

ASEAN sedang merebut pengaruh Amerika ke sini. Siapa yang menjadi juara mengambil perhatian mereka sedangkan negara ASEAN yang lain seperti Filipina yang telah berpengalaman dengan pengaruh tentera Amerika telahpun berusaha berjuang begitu kerap daripada rakyat sehingga ke peringkat Senatnya untuk menolak kehadiran tentera Amerika di negara mereka. Bagi kita, apa yang dibentangkan oleh bekas Peguam Negara Amerika, Ramsey Clark terhadap jenayah yang dilakukan oleh Amerika terhadap negara-negara dunia ketiga amat mengerikan kalau kita senaraikan, kita bacakan apa yang disenaraikan oleh Ramsey Clark dalam ceramah-ceramahnya di seluruh dunia untuk memberitahu jenayah yang dilakukan oleh Amerika terutama kepada dunia ketiga.

Kenapa negeri yang mana rakyat Amerika sendiri mengatakan membawa jenayah kita panggil untuk bertapak di negeri kita. Kita beri Lumut untuk Amerika baikpulih kapal di peringkat awal. Sudah tentu pada masa yang akan datang, mereka akan minta Pengkalan Lumut atau Pengkalan TLDM itu sebagai tempat pengkalan tentera Amerika yang kita amat bimbang kehadiran mereka itu sudah tentu ada niat yang berbagai-bagai terutama sekali niat yang paling utama kita lihat untuk menghadapi kebangkitan Islam yang barangkali akan berlaku di rantau ini pada masa yang akan datang. Kita harap Zon Bebas dan Berkecuali ini dapat dimainkan kembali oleh Perdana Menteri kita secara aktif seperti yang dimainkan di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak.

Di kalangan negara-negara ASEAN sekarang ini, kita mempunyai masalah yang begitu menjadi-jadi terutama sekali di antara Malaysia dan Singapura. Masalah Pulau Batu Putih. Malaysia dan Indonesia dengan masalah Pulau Sipadan. Malaysia dengan Filipina

masih tidak selesai tuntutan ke atas Sabah dan rakan kita yang baru Vietnam juga kita menghadapi masalah seperti Kepulauan Spratly atau Terumbu Layang-Layang yang dianggap kaya dengan khazanah bumi yang sekarang ini direbut oleh berbagai-bagai negara yang ada di dalam Asia ini.

Kita lihat baru-baru ini, di negara Thailand akhbar-akhbar mereka telah menimbulkan satu prasangka yang agak kurang baik terutama sekali dalam pilihanraya yang berlaku di Thailand baru-baru ini di mana pertama kali 13 wakil rakyat yang terdiri daripada orang Islam dapat memenangi di bahagian Parlimen terutama sekali di negeri-negeri Narathiwat, Patani, Songkhla dan Satun—di mana 13 orang mereka dapat mengirimi sebagai wakil rakyat.

Bagi kita, negeri yang menjadi rakan dengan Malaysia itu sepatutnya mereka mengalu-alukan kemenangan 13 wakil rakyat itu supaya berlaku integrasi antara agama dan kaum di Thailand itu. Tetapi ada sinis yang mereka lakukan di dalam akhbar-akhbar mereka, mereka mengatakan bahawa kemenangan wakil rakyat Islam di Thailand itu di antaranya pengaruh yang ditiupkan melalui Kelantan sekarang ini. Ini akhbar-akhbar mereka cuba melaga-lagakan dan menimbulkan satu suasana yang tidak baik, terhadap hubungannya yang sedia terjalin terutama rakyat Kelantan dengan Patani yang sentiasa berulang alik kerana mereka terdiri daripada satu rumpun bangsa bahkan satu keluarga, sanak-saudara yang saling pergi dan melawat di antara satu sama lain,

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga dalam trend yang berlaku di dunia sekarang ini mahu tidak mahu dunia sedang melihat gejala yang dipanggil keadaan yang tidak menentu terutama selepas kejatuhan Soviet Union dan kemunculan Amerika sebagai satu super power atau kuasa yang unggul di dunia ini. Tetapi kita mendapat maklumat, di

pejabat NATO yang berhadapan dengan warna merah sebagai simbol kepada komunis, sekarang di ibu pejabat mereka itu, mereka telah memadamkan warna merah dan menggantikannya dengan warna hijau sebagai bakal mereka menghadapi masa yang akan datang. Ertinya negara-negara barat melihat dengan penuh teliti terutama sekali kesedaran umat Islam untuk kembali kepada agama mereka dan menghayati agama mereka sekarang ini. Trend ini lebih kelihatan terutama sekali selepas muncul awal abad 15 Hijrah di mana umat Islam di Iran telah menentukan mereka ingin kepada negara Islam. Mereka ingin kepada daulah Islam, mereka ingin kepada Kerajaan Islam. Tegaklah negara Islam yang pertama di abad ini.

Kemudian selepas itu lahir lagi sebuah negara yang menuju kepada syariat Islam iaitu negara Sudan yang sekarang ini sedang menjalankan hukum yang cuba ditakut-takutkan di Malaysia iaitu hukum hudud yang telah dijalankan di Sudan sekarang ini.

Kemudian diikuti dengan kemenangan gabungan parit-parti Islam di Pakistan dengan menewaskan parti PPP dan melaksanakan syariat Islam. Minggu ini insya Allah akan lahir sebuah tagi republik Islam iaitulah Republik Islam Afghanistan yang sekarang ini sedang dirangka dan republik ini sudah pasti insya Allah akan melaksanakan perundangan Islam.

Ini bererti trend di dunia sekarang jika diberi peluang maka umat Islam akan kembali kepada agama mereka. Ini kerana umat Islam telah mencuba ideologi lain sama ada sosialis atau nasionalis untuk mentadbir negara mereka tetapi mereka hilang identiti bahkan 40 tahun mereka telah cuba menghadapi Israel, mereka gagal dan tidak dapat menghadapi kekuatan Israel bahkan umat Islam semakin hari semakin lemah.

Dengan kegagalan ideologi Barat sama ada komunis ataupun liberal, kegagalan ideologi itu menambahkan

umat Islam semakin dekat dengan agama mereka dan semakin yakin dengan agama mereka sedangkan 50 tahun dulu mereka anggap Islam itu satu perkara yang usang ataupun satu perkara yang dipanggil bahan sampingan. Sebab itulah, di Malaysia sendiri trend umat Islamnya ingin kembali kepada ajaran Islam. Janganlah umat manusia berasa panik, berasa takut dan berasa gerun kerana umat Islam yang hilang identiti itu hanya untuk kembali kepada ajaran agama mereka yang mereka telahpun pegang secara longgar kira-kira 100 tahun dahulu dan sekarang mereka ingin kembali memegang secara erat dan seterusnya melaksanakan segala perintah Allah s.w.t. Sebab itulah, kita lihat sekarang ini Amerika yang melakukan berbagai jenayah mewarnakan musuh mereka hijau kerana mereka bimbang Islam akan muncul kembali sedangkan semasa kami melawat Amerika, kami beritahu kepada Ahli-ahli Kongres Amerika bahawa jangan bimbang, Islam bukan mengancam orang lain, kami hilang identiti, sekarang kami ingin kembali untuk melaksanakan ajaran agama kami. Baral makin merasa panik sebab mereka melihat jalan sutera (silk road) sekarang ini sedang dibuka semula terutama sekali jalan yang menghubungkan daripada Mekah menuju kepada Negeri China.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tasek Chenderoh bangun,

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin minta penjelasan sedikit sahaja. Ahli dari Nilam Puri telah memilih Sudan sebagai satu contoh pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi adakah beliau sedar bahawa sudah adakah contoh kegagalan? Penggerak pelaksanaan undang-undang Islam di Sudan ialah Sheikh Hassan Turabi yang

mendapat kuasa di bawah Presiden Jaafar Numairi. Dan pelaksanaan hukum hudud dan undang-undang Islam di Sudan telah dilaksanakan dalam keadaan yang begitu tergesa-gesa sehingga menimbulkan masalah dan akhirnya menyebabkan dua kali rampasan kuasa berlaku di Sudan selepas itu dan akhirnya undang-undang Islam di Sudan telah diketepikan dan sekarang ini di bawah pemerintahan diktator, kalau tidak silap saya oleh Abdul Rahman Chuariddahab, dan keadaan sekarang ini adalah lebih teruk daripada sebelum undang-undang itu dilaksanakan dengan cara tergesa-gesa di Sudan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi Sudan ke arah menuju kepada sistem Islam, sebab itulah kita tidak boleh melihat secara completeness lagi tetapi mereka berani membuat percubaan di tengah-tengah umat Islam yang lain masih gelap gulita dengan keyakinan mereka kepada agama yang mereka anuti. Sebab itulah saya katakan bahawa trend menuju kepada pemerintahan Islam walaupun ianya tidak dianggap lengkap seperti yang berlaku di Sudan sekarang ini.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tasek Chenderoh bangun lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Adakah Ahli dari Nilam Puri bersetuju dengan saya bahawa pelaksanaan undang-undang Islam ini hendaklah dilakukan dengan cara yang bijaksana, dengan tidak tergesa-gesa supaya pelaksanaan itu dapat dijayakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Setuju, sebab itulah kita akan bawa ke Parlimen untuk minta pinda Perlembagaan, lulus baru kita buat, buat mahkamah, bukan kita hendak pergi pegang, 'tetak' orang begitu sahaja, payah begitu. Kita akan mengikut prosedur, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soal peranan yang dimainkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu mutakhir ini. Bangsa-bangsa Bersatu ditubuhkan selepas Perang Dunia II, di antaranya ialah untuk menjaga kepentingan ahli-ahli, tetapi mutakhir ini kita lihat Bangsa-bangsa Bersatu dinodai oleh satu kuasa semata-mata terutama sekali kuasa Amerika Syarikat. Sebab itulah di samping Kerajaan memainkan peranan, badan-badan yang bukan Kerajaan juga dialu-alukan untuk memainkan peranan supaya kita memperbetulkan semula peranan Bangsa-bangsa Bersatu yang sekarang ini kita nampak begitu pincang. Di atas kesedaran itulah parti-parti Islam yang ada di negara-negara umat Islam, kami telah menggabungkan tenaga untuk pergi sendiri ke New York iaitu Bangsa-bangsa Bersatu bertemu sendiri dengan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Buetros Buetros Ghali untuk menyatakan perasaan tidak puas hati yang amat sangat terhadap resolusi-resolusi, peranan Bangsa-bangsa Bersatu yang sekarang ini nampaknya ditunggangi oleh Amerika Syarikat. Kita melihat bagaimana mereka menyiksa rakyat Libya sekarang di atas tuduhan semata-mata kononnya dua orang rakyat Libya dituduh meletupkan kapal terbang Pan Am di Lockaby, Scotland dan akhbar Times sendiri yang dikeluarkan oleh Amerika mempertikaikan kesahihan tuduhan terhadap dua rakyat Libya itu. Belum diputuskan, belum dibicarakan, Libya dan rakyatnya dihukum dan mereka sekarang ini mengalami penderitaan.

Pada masa yang sama kita lihat pada tahun 1988 kapal terbang Iran, Airbus yang terbang daripada bandar Abbas menuju ke Dubai ditembak jatuh oleh

kapal laut Amerika dengan 280 penumpang semuanya orang awam mati di dalam perairan Teluk Parsi itu, kesemuanya mati. Kita lihat apa yang berlaku, Captain kapal Amerika itu bila pulang ke Amerika, Kerajaan Amerika menganugerahkan Pingat Gagah Perkasa kepada Captain kapal yang menembak jatuh kapal terbang awam. Bangsa-bangsa Bersatu tidak berbuat apa-apa kepada Amerika, begitu juga bila tentera Russia mencembak jatuh kapal terbang awam Korea dahulunya, kita lihat Russia tidak dihukum bahkan pula Russia dapat menggunakan kuasa yang ada padanya di Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyekat segala tindakan terhadapnya.

Begitulah juga kita tihat bagaimana mereka menghukum Iraq kerana Iraq menawan Kuwait. Kita bersetuju menggunakan tentera Bangsa-bangsa Bersatu untuk menghalau Iraq keluar daripada Kuwait dengan syarat mereka juga menggunakan resolusi yang sama terhadap Israel iaitu menggunakan tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengusir keluar tentera Israel daripada bumi Palestine. Begitu juga resolusi yang dibuat terhadap India berkenaan dengan Kashmir, sejak daripada tahun 1946 mendesak India supaya mengadakan referendum terhadap rakyat Kashmir untuk menentukan nasib mereka sama ada untuk memilih hidup di bawah Kerajaan Pakistan ataupun berada di bawah Kerajaan India. Walaupun sekarang ini tebih 600,000 tentera India diletakkan di Kashmir dengan melanggar segala undang-undang hak asasi manusia, Bangsa-bangsa Bersatu tidak berbuat apa-apa, referendum tidak dibuat bahkan rakyat Kashmir terus ditindas setiap hari dan kita lihat semakin menyayat hati sedangkan Amerika dan juga kuasa-kuasa besar tidak berbuat apa-apa, apabila umat Islam yang ditindas.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula dalam bidang ekonomi. Ekonomi Malaysia sekarang ini alhamdulillah berkembang maju. Peniaga-peniaga di Malaysia dapat menikmati keuntungan

yang agak lumayan. Kita lihat pula sekarang ini, akhbar-akhbar menonjolkan kejayaan terutama sekali kejayaan TEN, kejayaan PETRONAS, kejayaan Syarikat Telekom Malaysia. Bagi kita kalau mereka menonjolkan perniagaan barang-barang keperluan asas, ini bukan rakyat Malaysia pandai berniaga. Telekom, elektrik beri kepada budak Darjah VI pun dia boleh mentadbir dengan baik kerana perniagaan itu perniagaan barang-barang keperluan asas. Kita tidak boleh mengaku juara, kita pandai mentadbir TEN, kita pandai mentadbir Syarikat Telekom. Kita pandai berniaga air, kita pandai berniaga tenaga, sedangkan perkara itu sebenarnya bukan semestinya orang yang pandai berniaga, yang tidak pandai berniaga pun boleh mentadbir, hanya kutip wang daripada pengguna-pengguna. Begitulah juga ditonjolkan kejayaan PETRONAS. PETRONAS kila akui berjaya, tugas mereka mengorek hasil bumi yang telah disediakan oleh Allah s.w.t. tetapi badan-badan inilah yang ditonjolkan, dilantik Pengarah-pengarah orang-

orang yang dikatakan kononnya pandai berniaga, berniaga apa berniaga elektrik. Benda ini keperluan asas, dilantik bekas-bekas Pensyarah untuk menjadi Pengerusi, pada hal....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung pada hari Isnin depan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa pada minggu hadapan setiap orang Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap akan dihadkan lempohnya kepada 20 minit sahaja. Maka dengan ini Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga 4hb Mei 1992 hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.